

Bil. 43

**Rabu
31 Julai 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996	[Ruangan 1]
Rang Undang-undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1996	[Ruangan 45]

USUL:

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat Mengikut Peraturan 12(1)	[Ruangan 96]
--	--------------

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI
MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, S.M.J., D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, S.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

- Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 31 Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
9.30 pagi

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
ANGKATAN TENTERA
(PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (30hb Julai 1996)

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan menyambung jawapan.

9.30 pagi

Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan pada pagi ini saya mengambil kesempatan untuk menyambung penggulungan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Kuala Pilah, Kota Melaka, Sipitang, Machang, Bagan, Tanjong Karang dan Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat dari Kubang Kerian bercakap bersemangat-semangat berkenaan kedudukan angkatan tentera dan saya hanya harap di lain-lain masa beliau mengambil peluang untuk menghadiri majlis tahlil bagi memperingati segala jasa dan kenangan kepada anggota angkatan tentera kita yang saya tak nampak pun Yang Berhormat dari Kubang Kerian hadir. Pada pagi hari ini pun dia tak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang nyata daripada segi keseluruhannya ialah menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Marang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit. Amat bagus diadakan majlis tahlil, doa dan sebagainya untuk roh anggota angkatan tentera yang telah meninggal dunia. Adakah pihak kerajaan sedar bahawa di sana ada satu upacara yang seringkali dilakukan ketika menyambut Hari Pahlawan, seperti meletakkan kalungan bunga di Tugu Pahlawan. Ini adalah satu perkara yang tidak tepat dengan ajaran Islam dan tidak menyenangkan di kalangan anggota angkatan tentera yang beragama Islam sendiri. Adakah kerajaan sedar dan memikirkan untuk menghapuskan upacara-upacara yang seperti ini?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya

bercakap tadi berkenaan upacara agama yang kita laksanakan bagi memperingati dan bercakap berkenaan perkara-perkara yang melibatkan perkara ibadat dan ini tidak patut kita kaitkan pula berkenaan kalung bunga, ia adalah satu majlis yang berlainan dan majlis ini kerajaan akan teruskan selagi ianya tidak bercanggah dengan pandangan dan pendapat kita terhadap isu-isu agama sebagai memperingati jasa-jasa mereka yang telah memberikan pengorbanan, ia tidak menjadi satu kesalahan. Ini akan kita teruskan. Yang pentingnya ialah bila kita mengadakan majlis-majlis di masjid untuk tahlil dan doa semoga Yang Berhormat dari Marang atau Kubang Kerian akan mengambil masa untuk menghadiri majlis-majlis yang sedemikian.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan dahulu oleh kerana, kalau tidak, saya akan berbahas dengan Yang Berhormat berkenaan perkara yang tidak ada keputusan. Yang Berhormat mempunyai pegangan dan kita telah mengambil keputusan bahawa majlis-majlis yang sedemikian rupa selagi ianya tidak melibatkan soal-soal akidah dan tidak merosakkan akidah kita, kita boleh meneruskan majlis-majlis itu sebagai memperingati jasa dan perkhidmatan anggota angkatan tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Marang bangun pula.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sedikit sahaja, Yang Berhormat

Menteri. Adakah pihak Kementerian Pertahanan sudah mendapat fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan ataupun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan harusnya perkara-perkara seperti meletakkan kalungan bunga di Tugu Pahlawan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat membangkitkan soal 'harus'nya. Kita tidak melakukan sesuatu tanpa kita melihat kepada semua aspek dan aspek ini telah dilihat dari segi keharusannya ia tidak bertentangan dengan akidah dan tidak menyebabkan seseorang itu boleh terpesong dari pegangan agamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Marang yang mengambil bahagian di dalam isu sampingan yang telah dibawa tadi.

Saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Sipitang dan Kuala Pilah pada pagi ini. Saya ingin menyambung wakil dari Kota Melaka, Bagan, Machang, Tanjong Karang dan Sri Gading.

Yang Berhormat dari Kota Melaka mencadangkan supaya kita mengurangkan saiz angkatan tentera. Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian telah pun membuat satu kajian dan kita beranggapan bahawa masanya sudah tiba untuk menentukan saiz yang sempurna dan betul, iaitu 'right-sizing', bukan 'down-sizing', dengan izin, 'right-sizing of the armed forces' iaitu menentukan bahawa 'size arm forces' mencerminkan perkembangan semasa dan menggunakan peralatan yang 'state of the art', dengan izin, untuk menentukan keupayaan dan kesempurnaan kita di dalam melaksanakan tugas sebagai Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan penswastan Kolej Tentera Udara telah

diberi kepada syarikat-syarikat tertentu, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kerajaan belum lagi menawarkan kepada mana-mana pihak cadangan penswastaan tersebut. Kementerian baru sahaja mendaftarkan cadangan projek berkenaan dengan Unit Perancang Ekonomi. Projek penswastaan ini adalah terbuka kepada syarikat untuk mengemukakan cadangan-cadangan dan mana juga cadangan yang dianggap mendatangkan manfaat dan dianggap munasabah, maka cadangan itu akan diterima dan akan dibentangkan kepada kabinet untuk diluluskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang jumlah yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk membina Kolej Angkatan Tentera ini di Kinrara, di kawasan Puchong. Apakah sebabnya ia dipindahkan sebaik sahaja beberapa bangunan baru siap satu, dua tahun dan di manakah kolej ini dipindahkan? Apakah rasional ia dipindahkan dengan secara tergesa-gesa?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat itu dan saya akan semak. Yang saya tahu tidak ada pemindahan yang dibuat secara tergesa-gesa dan saya tidak mempunyai anggaran kos berkenaan kolej tentera tersebut dan apabila saya dapat, saya akan berikan kepada Yang Berhormat sama ada pada hari ini ataupun kita akan menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Zainal Abidin bin Osman:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Mersing bangun.

Tuan Zainal Abidin bin Osman
(Mersing): Terima kasih, Tuan Yang

di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri maklum, kerajaan bercadang membina sebuah kem tentera di Sekakap, Mersing dan projek ini telah lama dirancang. Malah orang ramai di kawasan Parlimen saya, rata-rata telah mengetahuinya. Namun demikian sehingga sekarang projek tersebut belum menjadi kenyataan. Ada pihak mengatakan, kerajaan telah mengalihkannya ke tempat lain. Jadi soalan saya, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada perkara ini benar atau tidak dan jika tidak bila agaknya kem ini hendak dibina dan apakah sebab-sebab kelewatan pembinaannya? Sekian, terima kasih.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mersing. Berkenaan kem di Mersing, ini adalah suatu kem yang besar yang menelan belanja lebih daripada RM2,000 juta. Oleh itu, buat masa ini kita tidak mencukupi kewangan dan tidak ada peruntukan tetapi ia tidak bermakna kita telah memutuskan untuk tidak meneruskan projek itu, malahan projek itu akan diteruskan melalui proses penswastaan. Kita berharap bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kita dapat sekurang-kurangnya memberikan kepastian yang kita boleh meneruskan projek itu melalui cara atau kaedah penswastaan. Buat masa ini saya tidak boleh memberikan tarikh yang tepat terhadap pertanyaan Yang Berhormat tapi percayalah bahawa memang kita berniat untuk meneruskan projek tersebut, tidak ada cadangan untuk membatalkannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kota Melaka juga mengemukakan banyak persoalan yang telah ditimbulkan mengenai isu Kementerian Pertahanan yang telah disentuh dalam laporan audit. Untuk makluman Yang

Berhormat, semua isu yang disentuh di dalam laporan audit oleh Yang Berhormat telah pun kita beri jawapan kepada PAC dan kepada Ketua Audit Negara. Dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara saya percaya mempunyai maklumat-maklumat untuk tujuan tersebut dan kalau Yang Berhormat perlukan jawapannya secara detail, secara bertulis Yang Berhormat boleh mendapatkan jawapan tersebut daripada Public Account Committee yang telah kita bentangkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri tidak mendapat maklumat yang betul, tapi banyak perkara yang ditimbulkan hanya satu, dua sahaja yang diuruskan oleh PAC. Sebagai satu contoh iaitu Kapal Perang KD Hang Tuah, ini tidak dibincang langsung oleh PAC.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: Kapal Perang, KD Hang Tuah, ia tidak dibincang langsung oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Oleh sebab itu, saya rasa, kalau boleh, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak ada maklumat atau butir-butir terperinci, kemudian boleh memberikan satu jawapan secara bertulis yang lebih detail tentang perkara-perkara ini yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara kerana kita nak tahu apakah kemajuan, sebab Yang di-Pertua, jumlah yang terlibat adalah sangat besar iaitu RM1,154 ribu juta. Dan sebagai satu contoh tentang perkara Kapal Perang KD Hang Tuah yang dibeli dengan harga RM15 juta tapi perbelanjaan untuk membaikinya adalah sampai RM55 juta. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Saya harap, tentang perkara lain mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan secara bertulis tapi untuk Kapal Perang KD Hang Tuah mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan tentang perkara ini.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kapal Perang KD Hang Tuah pun kita telah memberi jawapan kepada Ketua Audit Negara dan jawapan tersebut patut berada dengan Yang Berhormat dan walau bagaimanapun kalau Yang Berhormat tidak ada, hasil daripada kapal yang kita belikan dari segi penggunaan kapal tersebut ia memanfaatkan kita, walaupun akhirnya perlu diubahsuai dan dijalankan penyelenggaraan dan penyelenggaraan itu memerlukan penukaran enjin dan penukaran enjin itu kalau kita buat penyelenggaraannya RM55 juta, tetapi dengan menukar enjin baru ia membolehkan kita untuk menyelamatkan wang sebanyak RM13 juta. Dengan keadaan yang sedemikian bermakna kita telah mengambil dari segi manfaatnya kepada secara keseluruhan jika kita menyelenggarakan meneruskan penyelenggaraan, dan jika melakukan sesuatu berasaskan menukar enjin itu dan kapal itu boleh digunakan untuk latihan, buat daripada apa yang telah, kalau kita hanya biarkan kapal itu ia lebih merugikan kita daripada kita melaksanakan pembetulan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Memang benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi kalau kita lihat dari sudut cost effectiveness, dengan izin, mengapa kita beli sebuah kapal perang sebanyak RM15 juta tetapi selepas ini terpaksa membelanjakan RM55 juta untuk pengubahsuaian dan membaikinya? Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena dari segi pengurusan atau dari segi pembelian dan di sini adalah lebih baik kita beli satu kapal perang yang baru, bukan sahaja kita boleh guna dengan cepat tetapi kalau kita kena membaiki macam kapal KD ini, 5 tahun tak boleh guna, so saya rasa ini satu kerugian, kalau ada apa-apa krisis, kita ada kapal tetapi tak boleh jalan, tak boleh belayar, apa gunanya kita belanjakan wang seperti ini?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya ceritakan Yang Berhormat berkenaan kapal, kadangkala kita mengambil kira sama ada ia menguntungkan kita dari segi jangka panjang atau pun tidak, apabila kita membuat kiraan daripada jangka panjang berasaskan kepada peruntukan kewangan yang kita ada lebih baik untuk masa ini, di dalam tempoh untuk kita melatih, dalam tempoh untuk kita menentukan, menyesuaikan pasukan kita, untuk kita mengguna, membeli kapal yang dianggap sebagai second hand, lepas itu kemudiannya kita beli baru dan ini dilaksanakan dengan cara beransur-ansur.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat ya, mengengin semula kapal KD Hang Tuah misalnya Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah untuk menggantikan jentera utama dan janakuasa KD Hang Tuah dengan jentera janakuasa baru jenis Watsila dengan buatan Netherland kerana penggantian jentera utama dan janakuasa yang baru adalah lebih menguntungkan kerajaan. Kos untuk Yang Berhormat cakap tadi, kadang faktanya bercampur aduk, Yang Berhormat bercakap dengan fakta untuk kos repair dengan fakta untuk kita menenjinkan semula bukan kos pembelian asalnya. Daripada kos untuk menguruskan kerja-kerja refit, Yang Berhormat sebut itu RM53.7 juta dan rombak jentera utama dan janakuasa.

Anggaran kos untuk senggaraan jentera RM18.72 juta dan ini jumlah kos untuk 10 tahun ialah RM72.42 juta berbanding dengan kos untuk jangka masa 10 tahun dengan pemasangan jentera janakuasa baru untuk perolehan dan pemasangan jentera dan generator baru jenis walsila iaitu kontrak sebenar hanya RM26.15 juta. Jadi, dari segi untuk kita menyelenggarakan anggaran kos penggantian jentera dan generator bagi 10 tahun ialah RM23.76 juta. Dari kosnya RM49.9 juta, jadi kita memilih jalan di

antara meneruskan selenggaraan jentera dan janakuasa ASR1 dengan kos penggantian jentera baru dengan tempoh 10 tahun ialah RM22.5 juta. Bermakna penggantian jentera baru KD Hang Tuah mengakibatkan sejumlah alat ganti kepada jentera janakuasa ASR1 itu bernilai RM19.82 juga dilupuskan. Walau bagaimanapun kerajaan dapat menjimatkan peruntukan sebanyak RM2.68 juta.

Ini menunjukkan bahawa tiap-tiap tindakan yang diambil oleh kerajaan, kita mengambil kira apakah penjimatan yang dapat kita lakukan dan ia tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengirakan beban kos. Saya berharap Yang Berhormat, di dalam kita membincangkan masalah-masalah tentera atau masalah tentera laut, janganlah kita memberikan gambaran seolah-olah kedudukan pertahanan kita di dalam keadaan yang paling teruk dan tidak mempunyai kemampuan langsung.

Kita mesti mempunyai keyakinan dan kita patut sebenarnya kepada pasukan tentera kita walaupun di dalam apa kekurangan juga, mereka telah dapat melaksanakan tugas mereka dengan sebaik mungkin dan ini saya fikir adalah satu perkara yang perlu Yang Berhormat mengambil kira di dalam membuat teguran-teguran supaya kita dapat membina negara kita bersama.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri tetapi sungguhpun anggota tentera dan Tentera Laut Diraja Malaysia telah bersusah payah dalam keadaan yang penuh mendesak berkhidmat kepada negara, kita patut memberikan mereka alat kelengkapan, alat senjata yang paling baik, yang paling cost effective.

Di sini, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang

Berhormat Menteri berpuashati tentang wang, masa yang dibelanjakan untuk sebuah kapal perang yang menghadapi masalah seperti ini? Bukankah lebih baik kalau kita beli sebuah kapal perang baru yang penuh canggih dan mempunyai alat-alat kelengkapan yang paling moden sekali daripada membelanjakan wang yang begitu besar dan lima tahun tidak boleh digunakan? Saya rasa ada sesuatu yang tidak kena di sini.

Pokoknya bukan kapal perang KD Hang Tuah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pokoknya ialah dari segi keseluruhan. Dari segi cost effectiveness, dari segi pengurusan wang dan adakah penyelewengan berlaku dalam perkara ini? Di mana ada sesuatu yang tidak kena, kalau kos asal RM15 juta, lepas pengubahsuaian, repair RM55 juta, saya rasa ada sesuatu yang tidak betul.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kita membuat keputusan berasaskan keadaan dan masa. Pada ketika itu, keadaan dan masa menentukan bahawa yang terbaik untuk kita beli adalah mengikut kemampuan kewangan kita dan peruntukan yang ada ialah kapal KD Hang Tuah dan buat masa ini oleh kerana kewangan kita membolehkan kita untuk membeli kapal-kapal yang lebih baik dengan sistem peralatan, sama ada sistem komunikasi ataupun sistem peralatan persenjataan yang lebih canggih, kita membeli yang terbaru dan dengan menggunakan sistem teknologi yang terkini. Ini berasaskan kepada kemampuan yang kita ada. Sebab itu kita beli Corvette, kita beli Frigate. Ini semua untuk kita memodenkan pasukan tentera kita supaya ia dapat menghadapi cabaran-cabaran baru. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kalau ada penyelewengan, kita perlu mengambil tindakan. Tetapi jangan kita mencari penyelewengan di mana tidak ada penyelewengan. Kita boleh nampak di semua tempat ada penyelewengan oleh kerana kita tidak

bersetuju dengan kos ataupun kita tidak mengetahui sebab-sebab mengapa kita membuat keputusan sedemikian.

Jadi, saya harap Yang Berhormat lebih baik munasabah di dalam melihat kerajaan sebagai mempunyai di sebaliknya semua ada penyelewengan. Ini adalah satu anggapan yang paling tidak tepat dan anggapan yang menunjukkan Yang Berhormat tidak membina, cuba meruntuh sesuatu yang telah kita cuba bina selama ini.

Hendak jadi pembangkang, jangan semuanya pun tidak bersetuju. Yang baik, kata yang baik. Jadi, saya fikir Yang Berhormat duduk dulu. Biar saya jawab lagi satu perkara yang lain yang Yang Berhormat hendak tunjukkan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk dulu!

Tuan Lim Guan Eng: Tidak mahu berikah?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bukan tidak mahu beri. Nanti saya beri Yang Berhormat. Tetapi hendak beri itu, Yang Berhormat kena bercakap benda-benda yang munasabah dan betullah. Jangan cuba retorika untuk mencari publisiti murah sangat, macam itu.

Saya hendak bercakap berkenaan tadi, macam satu example di mana kalau mempunyai maklumat tetapi maklumat itu tidak tepat - merbahaya. Saya sering nampak di dalam perbahasan-perbahasan di dalam Parlimen, Yang Berhormat sering menggunakan maklumat seolah-olah ianya sah tetapi sebenarnya maklumatnya tidak betul dan tidak tepat, dan ini saya fikir Yang Berhormat kena tukar sedikit cara Yang Berhormat. Cari maklumat yang betul dan bercakap di atas perkara-perkara yang benar dan betul.

Berkenaan Kinrara Yang Berhormat cakapkan tadi.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti. Ini saya hendak jawab berkenaan Yang Berhormat cakapkan tadi. Berkenaan Kinrara tadi. Yang Berhormat bercakap berkenaan Kolej Tentera Udara. Yang sebenarnya Kinrara adalah Institut Tentera Udara yang melatih juruteknik-juruteknik pesawat dan lain-lain. Jadi, ia adalah bidang yang berlainan daripada Kolej Tentera Udara. Kolej Tentera Udara terletak di Alor Setar yang baru ditubuhkan. Jadi, kita tidak alihkan sesuatu itu dengan tergesa-gesa. Satu Kolej Tentera Udara, satu lagi ialah Institut Tentera Udara. Jadi, saya harap Yang Berhormat kalau tidak tahu benda-benda macam ini boleh tanya kita, kita beri tetapi jangan bercakap untuk hentam sahaja kita sebagai perkara seolah-olah Yang Berhormat tahu perkara itu.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat lebih membina. Kalau ada hendak bertanya, bolehlah.

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya tanya tentang kapal perang. Dia sudah beralih kepada Institut Tentera Udara. Saya rasa dari terminology atau takrifan, saya rasa serupa juga. Saya hanya tidak sebut sama ada itu institut atau kolej, saya rasa serupa sahaja. Pokoknya ialah kalau kita cakap tentang Kinrara ialah mengapa ia dialihkan? Itu pokoknya dan apakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh kerajaan untuk kolej tersebut atau institut tersebut mengikut istilah Yang Berhormat Menteri tadi? Kalau Yang Berhormat Menteri tidak ada maklumat ini, tidak apa. Dia boleh berikan saya secara bertulis.

Tetapi di sini, kerana saya telah menerima aduan daripada kakitangan di sana kerana mereka berasa tidak puashati mengapa pemindahan ini perlu dibuat

dan bahawa mereka rasa ada sesuatu yang tidak kena bila tanah dan tapak institut ini digunakan untuk diswastakan. Bila semua sudah siap, kelengkapan semua ada, mengapa dipindahkan secara tergesa-gesa dan untuk memberikan tanah ini dimajukan untuk sesuatu tujuan tertentu yang mereka rasa tidak betul. Dan ini saya hendak dapatkan maklumat sahaja. Saya tidak membuat apa-apa dakwaan. Kalau Yang Berhormat ada baca ucapan saya, saya hanya bertanya sahaja. Saya tidak membuat sebarang aduan.

Yang kedua, tentang KD Hang Tuah. Saya hanya tanya kalau ada sesuatu yang tidak kena, pihak kementerian patut ambil tindakan kerana dari segi logiknya, tidak kena RM55 juta dibelanjakan begitu banyak untuk repair dan perlu diingatkan bahawa apabila kapal perang ini dibeli masa itu, Spica M pun telah dibeli oleh pihak kerajaan yang menjadi isu kontroversi pada masa itu. Kalau Spica M di mana harganya adalah jauh lebih tinggi boleh dibeli, mengapa pula dibeli kapal perang yang semacam ini? Saya ambil ini sebagai satu contoh, di mana dari semua segi perbelanjaan yang dibuat untuk membeli alat kelengkapan. Sekarang jet pejuang ada tiga jenis sistem. Amerika Syarikat, Britain, Russia - macam mana kita boleh satukan, how can we integrate this type of three different systems dalam satu air force? Saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab kerana lain-lain negara tidak buat macam itu. Hanya Malaysia sahaja.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak tengok buruk negara kita, kita boleh dapat keburukan di mana-mana juga. Saya hendak bercakap dengan Yang Berhormat, ini bukan masalah terminologi. Institut dengan kolej bukan masalah terminologi. Kalau masalah terminologi, saya bersetuju. Bahan, tempat, jenis latihan yang berbeza. Satu untuk melatih pembawa kapal terbang kita, lagi satu untuk melatih

juruteknik. Dia adalah berlainan. Pesawat dengan latihan. Jadi, soal itu saya tidak mahu berdebat dengan Yang Berhormat kerana saya tahu apa juga saya cakap, Yang Berhormat akan cari sudut yang lain untuk mencari tidak bersetujunya. Tetapi yang penting jangan melihat, Yang Berhormat tanya saya sama ada penyelewengan atau tidak berlaku dalam kes KD Hang Tuah. Saya jawab Yang Berhormat tidak dengar sebab Yang Berhormat sudah tutup pendengaran Yang Berhormat. Yang Berhormat dengar saya cakap tadi, kita tidak ada bukti bahawa ada penyelewengan di dalam pembelian KD Hang Tuah. Kalau Yang Berhormat ada bukti-bukti sah yang selalu Yang Berhormat bawa itu, bawalah kalau ada bukti penyelewengan. Jangan sangkakan sesuatu tindakan yang diambil oleh kerajaan, semestinya kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, ada penyelewengan. Ini yang saya maksudkan. Jadi, saya berharap saya dapat menjawab sedikit-sebanyak pertanyaan Yang Berhormat, tetapi...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua Yan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, hari ini 31hb Ogos adalah Hari Pahlawan.

Beberapa Orang Ahli: Julai.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Julai. Julai. 31hb. Julai. Jadi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat Hari Pahlawan kepada Menteri.

Jadi, pembangkang ini sampai tidak ucapkan langsung Hari Pahlawan. Jadi, saya harap kerajaan juga akan mempertingkatkan. Adakah Yang Berhormat bersetuju kerana kena

mempertingkatkan lagi peruntukan atau belanjawan kepada angkatan tentera kita? Kerana saya nampak negara kita sedang membangun, maju dan hasil bumi kita begitu banyak. Tetapi saya nampak dari segi pertahanan, negara kita tidak mempunyai peruntukan yang cukup.

Jadi, mungkinkah satu hari nanti kalau berlaku sesuatu yang tidak diingini, kita tidak dapat mempertahankan diri kita. Kerana negara luar tidak akan membantu Malaysia. Kita kena berdiri di atas kaki kita sendiri. Apatah lagi sekarang ini kita tengok kapal-kapal terbang Singapura begitu biadab sekali memasuki ruang udara Malaysia dan bahagian saya telah membuat usul dalam Mesyuarat Agung baru-baru ini mengutuk sekeras-kerasnya tindakan biadab Kerajaan Singapura ataupun Air Force Singapura memasuki ruang udara Malaysia.

Jadi, adakah kita masih puashati dengan peruntukan ini ataupun Yang Berhormat akan mendesak kerajaan untuk memperbanyakkan lagi dan memperkemaskan angkatan tentera kita supaya kita dapat mempertahankan diri? Dan sekali lagi, tahniah atas sambutan Hari Pahlawan hari ini.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih, Yang Berhormat. Belajar sedikit-sedikitlah, Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ada masanya bagus, saya ucapkan tahniah—bukan kepada saya, tetapi kepada Angkatan Tentera Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan kerana mengingati Hari Pahlawan iaitu pada hari ini dan kita melakukan upacara hari ini bagi memperingati Hari Pahlawan untuk pasukan keselamatan sama ada polis ataupun Angkatan Tentera Malaysia.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kalau mengikut kehendak dan

kemahuan Kementerian Pertahanan, memanglah peruntukan yang lebih banyak kita perlukan bagi proses memodenkan angkatan tentera kita, yang telah pun kita mulakan dengan dimodenkan oleh Menteri Pertahanan yang lalu iaitu memodenkan Angkatan Tentera Udara kita. Sekarang kita masuk fasa untuk memodenkan Tentera Laut dan juga Tentera Darat. Tetapi peruntukan tidak mencukupi, ini adalah satu perkara di dalam pengurusan kerajaan, kita terpaksa mengambil kira bahawa ada keperluan yang berbeza-beza oleh berbagai kementerian. Oleh itu, kita berharap apabila keadaan membolehkan, peruntukan yang lebih akan diberikan kepada Kementerian Pertahanan dan kita berharap juga semasa semakan Rancangan Malaysia Ketujuh kelak, kerajaan akan menimbang untuk membolehkan.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nantilah saya belum habis bercakap ayat ini, mengacau sahaja, susah macam ini. Kesabaran itu bagus Yang Berhormat, sabar sekejap, insya-Allah saya cuba jawab.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di dalam semakan kita berharap peruntukan yang lebih akan dilakukan sebagaimana kerajaan telah lakukan, oleh kerana kerajaan sentiasa 'munasabah' dan memandangkan kepentingan pertahanan.

Dalam Rancangan Malaysia keenam kita sebenarnya dapat peruntukan yang tidak mencukupi, tetapi telah disemak dalam pertengahan Rancangan Malaysia Keenam dan diberikan kepada peruntukan bagi membolehkan kita untuk membeli peralatan-peralatan baru. Oleh itu, saya berharap kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa memberikan sokongan kepada kementerian secara kita melaksanakan tugas, insya-Allah kita akan dapat melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin bagi menjamin keselamatan dan

pertahanan negara. Namun demikian, walaupun kita menghadapi beberapa kekurangan, tetapi kekurangan ini tidak melemahkan semangat kita untuk terus bertugas dan melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Ini nyatakan sekali apabila kita bertugas di Bosnia, di Somalia, di Namibia, orang-orang yang.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:mengikut peraturan Yang Berhormat tidak boleh berdiri sampai saya beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya minta jalan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak boleh lagi, saya hendak habiskan ayat itu.

Tuan Lim Guan Eng: Cakaplah.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu. Jadi, semua tempat yang kita bertugas, kita diberikan pujian dan penghormatan. Ini adalah satu perkara yang saya fikir patut kita sama-sama sanjung tinggi

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:saya nampak Yang Berhormat dari Rompin bangun, sila. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya turut memberikan tahniah kepada kementerian, pada askar-askar atau angkatan tentera kerana hari ini menyambut Hari Pahlawan.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan persoalan Kota Melaka sebab dia ini rakan saya juga dalam PAC. Persoalan cuba meng-

gambarkan bahawa pembelian F2, kapal terbang pejuang F18-MiG Gambaran yang diberi, oleh kerana isu penyelenggaraan oleh dua jenis kapal terbang pejuang, ini merupakan satu permasalahan kepada kita.

Saya nampak kalau kita baca di manalah-manalah seperti 'Defence Journal' yang ada di dunia, mereka ini merasakan bahawa keputusan Malaysia membelikan 'the two fighters' dengan izin, memberikan Malaysia strategy advantage di kawasan ini dan juga memberikan satu fleksibiliti dalam pertahanan negara kita. Saya minta sedikit penjelasan atau pandangan Yang Berhormat Dato' Menteri.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih, tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka ada bertanya saya berkenaan tiga jenis kapal terbang. Saya hendak memberitahu Yang Berhormat dari Kota Melaka dahulu yang sekarang berada di dalam keadaan di mana ada pengintegrasian di dalam pertahanan dari segi global, dari segi rantau tidak menjadi aneh dan luar biasa untuk negara-negara menggunakan sistem-sistem yang berbeza. Oleh kerana kemampuan negara-negara untuk mendapat secara keseluruhan penyelenggaraan dan pengalaman daripadanya dan sistemnya ia tidak melibatkan beban-kos yang tinggi. Oleh itu, keputusan kita sebenarnya, walaupun daripada asalnya mungkin dianggap oleh setengah pihak sebagai janggal, tetapi keputusan itu dianggap sebagai bijak, oleh kerana MiG-29 yang kita beli mempunyai kemampuan sebagai jet pejuang menyerang yang mempunyai kemampuan jarak jauhnya (distant) dan kita ada Skyhawk sebagai satu kapal terbang atau pesawat 'interceptor' dan dengan F18 sebagai satu attack aircraft yang mempunyai jarak jauh yang berkemampuan, bermakna kalau kita lihat secara bersepadu ia adalah jenis-jenis kapal terbang yang akan meningkatkan dan memberikan kelebihan kita.

Matlamat doctrine kita ialah untuk mencegah daripada berlakunya sesuatu. Alhamdulillah dengan keadaan sedemikian dan keputusan yang kita ambil, walau pada mulanya dianggap sebagai tidak tepat, tetapi akhirnya disanjung dan dianggap sebagai satu keputusan yang betul.

Saya berharap Yang Berhormat sedar bahawa bukan sahaja negara kita, oleh kerana sekarang kerjasama dan 'kolaborasi' di antara negara-negara membolehkan kita untuk mempunyai sistem-sistem yang berbeza, tetapi dalam masa yang sama penyelenggaraannya tidak membebankan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, memandangkan jaminan yang diberikan tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa tidak ada masalah langsung dan saya rasa memang baik kalau ini benar-benar berlaku kerana kalau begitu kita mencapai satu rekod di mana boleh integrate, dengan izin, tiga sistem yang berlainan sama sekali.

Yang pertama, saya juga ingin bertanya sejauh mana latihan yang diberi kerana dari segi selenggaraan (maintenance) untuk kapal-kapal terbang ini adalah berlainan dan adakah kita menghadapi masalah dari segi latihan yang diberikan kepada ground crew untuk maintenance yang diberikan?

Yang kedua, susulan terhadap apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tadi. Saya rasa kalau kita benar-benar menghargai sumbangan oleh anggota atau tentera kita dan hari ini adalah Hari Pahlawan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji anggota-anggota angkatan tentera seperti yang saya cadangkan semalam untuk meningkatkan profesionalisme mereka, menaikkan moral mereka? Yang penting sekali menghargai sumbangan mereka, kalau tidak mengapa?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan, saya tidak mengatakan kita tidak menghadapi masalah, saya kata 'tidak membebankan' penyelenggaraannya. Jadi, kita kena jelaskan di dalam kita menggunakan apa-apa perkataan, kerana Yang Berhormat ini suka pusing. Saya minta maaf, kerana Yang Berhormat suka pusing.

Saya mengatakan bahawa di dalam penyelenggaraan kita tidak menghadapi masalah. Misalnya di dalam MiG-29 kita menggunakan system avionics dan kita pasang melalui penggunaan pada syarikat Barat. Jadi, daripada situ kita dapat integrasikan system avionics, kapal terbang daripada Russia dengan mempunyai sistem yang terkini. Dengan keadaan yang sedemikian, ia mempunyai banyak commonality dan ia tidak menimbulkan masalah. Daripada segi latihan ini perlu kita pertingkatkan, macam saya katakan semalam salah satu perkara yang saya ingin kita dapat apabila kita membeli peralatan yang moden bagi pesawat-pesawat yang moden dan terancang semestinya bersama dengan peralatan itu kita mesti mempunyai simulator untuk melatih. Kerana simulator akan membolehkan kita untuk melihat keadaan-keadaan yang berbeza tanpa kita terus menyelenggarakan kapal terbang itu oleh juruterbang-juruterbang kita yang risikonya lebih tinggi. Kalau kita dapat menggunakan simulator dan dilatih dengan sepenuhnya melalui simulator dan keadaan-keadaan tertentu boleh simulatekan sehingga ia boleh menjadikan juruterbang kita lebih arif, lebih berpengetahuan, lebih berpengalaman untuk menyelenggarakan keadaan-keadaan yang berbeza.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat daripada segi itu kita berpuashati dan insya-Allah kita akan mengambil segala langkah untuk menentukan masalah kalau ada dapat kita kurangkan ataupun dapat

kita atasi daripada masa ke semasa. Kita juga akan mempertingkatkan kemampuan dan kebolehan penyelenggaraan kita di dalam negara ini, misalnya untuk kapal terbang Hawk, kita menggunakan perjanjian dengan pihak British Aerospace dan untuk kapal terbang MiG kita ada perjanjian dengan pihak Russia. Ini semua kita lakukan bagi menjamin dan menentukan kita dapat melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan dengan sebaik mungkin.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat berkenaan soal gaji dan sebagainya. Baru-baru ini telah pun kita naikan gaji angkatan tentera daripada semua golongan supaya ia sesuai dan sejajar dengan apa yang dibayar di bawah Sistem Saraan Baru dan di mana ada kelainan gaji-gaji atau elaun khas diberikan kepada anggota tentera bagi mengambil kira peculiarities. Sebagaimana saya katakan perbezaan atau kelainan mereka di dalam bidang-bidang tertentu yang sedang kita usahakan, insya-Allah kita akan mendapat kepastian tidak lama lagi ialah berkenaan dengan elaun rekrut di mana kita menganggap bahawa elaun rekrut ini sudah ketinggalan zaman. Ia hanya dibayar sebagai elaun RM150 yang mana ia tidak mencerminkan keadaan semasa dan ini akan digantikan sebagaimana di bawah SSB dan juga untuk rekrut-rekrut polis supaya mereka dibayar gaji dan gajinya di dalam angka sebagaimana di perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Jadi bermakna, kita peka dan kita mengambil perhatian setiap perkara yang perlu diubah dan disesuaikan mengikut perkembangan semasa. Jadi, kebajikan dan kepentingan Angkatan Tentera Malaysia tidak akan diabaikan, insya-Allah, kita akan sentiasa melaksanakan tugas kita dengan sebaik mungkin.

Jadi, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat di atas kepekaan Yang Berhormat di dalam hal-

hal yang melibatkan angkatan tentera dan kebajikan angkatan tentera. Saya berharap Yang Berhormat betul-betul jangan pergi berjumpa dengan angkatan tentera ataupun hanya untuk mencari masalah tetapi cuba mencari perkara-perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang menggalakkan semua, ini yang ditimbulkan oleh Tanjong Karang dan wakil dari Sri Gading.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun. Sila.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Kita ucap tahniah di atas kemampuan tentera-tentera kita terutama sekali Angkatan Tentera Udara DiRaja Malaysia dengan pembelian kapal terbang MIG-29 dan Hawk-100 dan sebagainya. Dua minggu sudah ada empat buah di Kota Kinabalu, Sabah. Saya lihat terbang di hadapan rumah saya, saya begitu bangga dengan adanya kapal terbang jenis canggih ini. Tetapi apakah kemampuan ini dapat meliputi ke seluruh perairan kita misalnya dengan penempatan cuma di Sungai Besi ataupun di Kuala Lumpur sahaja, bolehkah kita meliputi sehingga ke Terumbu Layang-layang, ke Pulau Banggi ataupun ke sebelah Semporna dengan kemampuan yang kita ada?

Yang kedua, apakah kementerian bercadang juga sekali-sekali kapal terbang canggih ini terbang rendah di pesisiran pantai Sabah, Sarawak meliputi pantai timur untuk menunjukkan bahawa kita juga ada kemampuan dan orang awam melihat kapal terbang ini meronda di kawasan mereka dan ini juga menggerunkan musuh-musuh ataupun mereka yang mempunyai cadangan negatif terhadap negara kita?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Terima kasih Yang Berhormat dari Sipitang di atas soalan sama ada kita memikirkan kedudukan di Sabah dan juga Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita pindahkan kita punya base Hawk ke Labuan, sekarang Hawk berada di Labuan sebagai pertahanan hadapan di peringkat negeri Sabah dan Sarawak. Jadi, untuk pergerakan kita lebih pantas, lebih cepat kerana tujuan untuk memberikan perhatian yang mencegah dan menggerunkan. Sebab itu, kita telah mengadakan dua latihan secara bersepadu; satu, kita adakan latihan di peringkat tentera udara bersama tentera darat dan dengan Pasukan Gerak Khas kita di Kota Belud dan Lahad Datu baru-baru ini. Tujuan latihan ini adalah untuk menunjukkan kemampuan kita. Sebelum itu kita mengadakan satu exercise yang penuh sempurna di kawasan Pulau Layang-layang. Ini semua adalah bertujuan untuk meningkatkan kemampuan kita dan juga untuk melihat kemampuan kita di dalam menghadapi keadaan berbeza-beza. Kita berpuashati bahawa latihan ini membolehkan kita untuk sentiasa di dalam keadaan siap sedia iaitu kesiapsediaan di dalam apa kemungkinan sekali pun dan walaupun di dalam exercise kita yang terbaru, yang berlaku baru-baru ini di Labuan, salah satu daripada kapal terbang Hawk kita tidak dapat dinaikkan dan menghadapi kemusnahan.

Namun demikian, kita dapat selamatkan kedua-dua daripada juruterbang Hawk dari jenis 108 dan dengan kita menyelamatkan itu tetapi kapal terbangnya musnah. Ini sedang diadakan siasatan dan kita akan mengetahui kesan siasatan itu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerana memandangkan kawasan perairan pantai timur kita yang penting juga, kita telah mengarahkan supaya ada batalion atau brigid yang membuat pertukaran secara exercise secara berterusan di

kawasan Semporna dan kita juga mengadakan rondaan oleh tentera laut dan juga tentera udara untuk menjamin keselamatan. Alhamdulillah, saya fikir hasil daripada kerjasama dan kita minta dihidupkan semula Jawatankuasa Keselamatan Negeri. Di peringkat negeri telah diadakan mesyuarat baru-baru ini, Kementerian Pertahanan telah pun memberi taklimat berkenaan masalah keselamatan di Sabah kepada Ketua Menteri dan Jemaah Menteri di Sabah dengan kehadiran yang amat menggalakkan, selepas itu kita melihat exercise daripada payung terjun dan juga daripada tentera udara kita. Ini semua adalah bertujuan untuk menentukan persediaan kita di dalam apa keadaan sekalipun adalah baik dan sempurna.

Dan saya berpuas hati dengan segala tindakan yang diambil walaupun dari semasa ke semasa kita menghadapi masalah-masalah yang tertentu, tetapi saya boleh mengatakan kita boleh berbangga walaupun dengan serba kekurangan daripada peringkat asal kita sudah tiga kepada tahap di mana negara luar menghormati kita, segan kepada kemampuan kita dan semangat yang ditunjukkan oleh anggota tentera kita begitu baik sekali dan saya berasa amat hairan sekali macam mana dan bila masanya Yang Berhormat dari Kubang Kerian pergi melihat juruterbang saya, dia menggeletar hendak masuk kapal terbang. Ini adalah satu-satu caranya yang memutarbelitkan fakta dan kebenaran. Anggota pasukan tentera kita sama ada juruterbang kita yang menaikkan pesawat mereka semua melaksanakan tugas dengan penuh semangat keberanian dan semangat ketenteraan yang tinggi.

Oleh itu, saya berharap dari semasa ke semasa amat penting Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari pembangkang menghargai perkhidmatan mereka, menghargai pengorbanan mereka. Saya tahu baru-

baru ini beberapa wakil-wakil rakyat hendak pergi ke Projek Bakun dan di waktu bertolak kapal terbang tak naik, saya menganggap bahawa ini adalah satu perkara yang saya berterima kasih di atas teguran itu, ini menunjukkan berapa prihatinnya juruterbang kita terhadap keselamatan anggota-anggota Parlimen kita kerana ada signal yang menunjukkan ada kemungkinan untuk berlaku sesuatu, maka mereka cepat-cepat bawa turun dan kalau boleh memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading yang mengatakan 'tukar'.

Saya kalau diberikan persetujuan, saya tukar semua barang, oleh kerana helikopter saya pun kalau Yang Berhormat hendak tahu helikopter kita semuanya lama-lama tetapi kalau peruntukan mencukupi untuk kita dapat helikopter yang baru, insya-Allah, helikopter yang Ahli Yang Berhormat naik itu pun yang Nuri itu saya fikir sudah 29 tahun, saya selalu naik helikopter itu, kadang-kadang dia berjalan cepat dan kadang dia tak berjalan cepat, kadang enjinnya tak boleh start, tetapi ini tidak bermakna saya lemah semangat kerana saya kena menentukan bahawa kita mempunyai keyakinan kepada pasukan kita dan anggota tentera kita.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya terkejut bila kata 29 tahun. Kereta yang dok atas jalan pun kalau sepuluh tahun bunyi macam-macam, saya biasa naik helikopter, saya cukup cuak, orang Kedah kata 'takut' fasal pertamanya, angin dia masuk dalam helikopter, jadi helikopter bia dia masuk angin kita duduk di dalam itu macam kita terbang di luar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adakah kementerian hendak gantung ataupun kita jual helikopter itu dan beli helikopter

yang baru? 29 tahun terbang, cuba Tuan Yang di-Pertua fikir, kereta sepuluh tahun pun ball-joint kena ganti, absorber kena ganti, kena overhaul, kena buat macam-macam tetapi kapal terbang 29 tahun ini saya rasa kesihatan kepada pasukan askar kita, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mencadangkan kerajaan supaya tolak trade in hak itu beli hak baru, hak yang canggih sedikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam mana pandangan menteri, bersetuju atau tidak?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir, siapa juga menjadi Menteri Pertahanan akan bersetuju untuk membeli yang baru tetapi soalnya, di dalam kapal terbang tidak macam kereta, tukar cepat. Apa yang penting ialah penyenggaraan kita. Kalau kita tengok Allowete yang dipakai oleh tentera darat selama 33 tahun. Tetapi kerana penyenggaraannya baik dan kita sentiasa melakukan overhaul dan untuk tujuan maintenance yang begitu baik, alhamdulillah, dia masih lagi berkeupayaan dan saya menyebutkan ini bukan bertujuan untuk menyatakan bahawa kita tidak mempunyai kemampuan, saya hanya hendak memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat, dengan keadaan-keadaan dan aset-aset yang kita ada, kita telah dapat melaksanakan tugas kita dengan sebaik mungkin.

Bukan menjadi tujuan Angkatan Tentera Malaysia untuk memberi alasan kepada apa juga ataupun mencari excused di dalam apa-apa kejadian. Yang berlaku di atas kesilapan, yang berlaku segala kemalangan di mana kita melihat ada kekurangan, kita perlu betulkan dan kita perlu mengambil tindakan untuk membetulkan, hanya, saya berharap dengan apa yang kita ada, Ahli-ahli Yang

Berhormat dapat menghayati bahawa Angkatan Tentera Malaysia, "sama ada udara, darat ataupun laut telah melaksanakan tugas mereka dengan sebaik mungkin" dan insya-Allah, kita akan dapat memperbaharuiinya dari semasa ke semasa, oleh kerana kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk menukar dan mengubah peralatan persenjataan kita dan kalau kita bandingkan masa kini dengan kedudukan kita pada masa lampau, dia adalah jauh lebih baik daripada masa lampau.

Jadi, Yang Berhormat percayalah, kalau kita membawa Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah, kita akan mengambil segala tindakan yang perlu untuk menentukan keselamatan Yang Berhormat. Selain daripada itu, saya tidak boleh memberi jaminan yang lebih daripada tiap perkara yang boleh merumitkan dan sebarang masalah yang timbul akan kita elakkan daripada ianya berlaku.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam hal itu saya telah mendapat sedikit sebanyak menjelaskan kedudukan pasukan angkatan tentera kita.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh, untuk memberikan jawapan secara bertulis tentang isu-isu yang saya bangkitkan dalam ucapan saya dan mungkin tidak sempat untuk dijawab pada hari ini. Isunya ialah mengenai teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara. Sungguhpun jawapan telah diberikan kepada Ketua Audit Negara, tetapi sebagai seorang Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia kita tidak tahu apakah kemajuannya? Saya berharap satu jawapan bertulis boleh dibuat.

Kedua, saya tertarik tadi dengan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat dari Yan di mana dia menyebut negara Singapura bersikap biadap bila mencerobohi kawasan angkasa negara

kita dan memandangkan bahawa seorang Pengerusi FAMA telah bersikap demikian, apakah pihak kerajaan akan membuat satu bantahan secara rasmi bahawa Singapura bersikap biadap dan kalau begitu saya rasa kita di sini pun boleh menyokong kerana mencero bohi angkasa negara kita?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya harap Yang Berhormat kemukakan soalan itu dengan jujur dan ikhlas dan tidak mempertahankan negara lain. Saya suka jelaskan di sini, ada negara yang berdekatan dengan kita, saya tidak hendak sebut, kadangkala, mereka cuba-cuba dan sebab itu, kita kena di dalam keadaan bersiap sedia. Walaupun kita tidak mempunyai maklumat yang terperinci, yang oleh kerana jet-jet pejuang ini dia punya perjalanan dan pergerakannya cepat dan pantas, kita tidak boleh mengatakan dan menafikan sama sekali tidak ada 'incursion', walaupun di dalam keadaan yang cepat.

Jadi, oleh kerana kita tidak mempunyai pembuktian yang jelas, kita tidak boleh membuat protes secara terbuka dan protes secara khusus, tetapi kita telah memberitahu kerajaan Singapura supaya sensitif dengan kedudukan dan kepentingan rakyat jelata dalam kawasan kita. Kalau ada pencerobohan, kita akan mengambil tindakan tertentu mengikut saluran, oleh kerana perhubungan antarabangsa begitu sensitif, kita tidak boleh terus menghantar jet pejuang kita sebagaimana yang dikehendaki oleh sesetengah pihak supaya kita menghantar jet pejuang kita. Fasal negara itu dia tidak mempunyai banyak pilihan untuk menggunakan ruang udara oleh kerana kedudukan negara itu, tetapi kita memberikan dengan syarat mereka menghormati kepentingan dan kedudukan kita.

Semalam saya ada menjawab, oleh kerana kita memikirkan bahawa kini sudah

tiba masanya untuk kita melihat kembali segala perjanjian yang melibatkan penggunaan ruang udara kita, yang melibatkan soal-soal jet pejuang, kita tengok balik, kita semak balik apa-apa juga yang bertentangan yang boleh kita ambil tindakan dan akan kita kemukakan kepada pihak kerajaan untuk menimbangkannya. Jadi, apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Yan tadi adalah satu perkara yang baik dari segi politik antarabangsa dan dari segi suara rakyat kita dengan tidak menggunakan emosi.

Kita menunjukkan bahawa apa bentuk pencerobohan juga kita tidak akan pandang sewenang-wenangnyanya dan kita tidak akan pandang ringan tetapi ini tidak bermakna kita bersiap untuk berperang dengan mana-mana negara. Oleh kerana kita jangan lupa, dengan keadaan-keadaan yang kita anggap mudah, kalau kita tidak berhati-hati ia boleh membangkitkan masalah yang besar. Sebab itu, kita akan mengambil langkah yang sewajarnya bagi menentukan kedaulatan dan integriti negara kita akan sentiasa terjamin dan terkawal. Jadi, saya berharap Yang Berhormat yang menyokong Yan, akan menyokong seterusnya untuk kepentingan negara kita dan kebaikan negara kita. Kadangkala kita dapat inspirasi daripada negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang saya katakan tadi, Kementerian Pertahanan akan sentiasa prihatin berhubung dengan soal-soal kebajikan bekas perajurit. Dalam pada itu, memang kita menggalakkan semua bekas perajurit untuk menyertai Persatuan Bekas Perajurit yang mana kerajaan akan menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh persatuan ini seperti Sambutan Hari Pahlawan dan kebajikan-kebajikan lain. Di samping itu, anggota tentera adalah juga kita galakkan untuk membeli rumah semasa dalam perkhidmatan dengan menggunakan kemudahan pinjaman perumahan yang disediakan oleh kerajaan. Kerajaan juga sentiasa mengkaji sistem saraan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Wakil dari Bagan yang pada hari ini dia tidak ada dan saya berharap bahawa Bagan akan menjadi orang yang akan pergi kepada masyarakat Cina untuk sama-sama membantu kita rekrut bukan bumiputera di dalam angkatan tentera. Kalau kita hanya bercakap, tidak melaksanakan tugas-tugas untuk membantu mengambil lebih ramai kaum bukan bumiputera di dalam angkatan tentera, hasilnya tidak akan mencapai tahap yang memuaskan. Memang mengikut kajian, selalunya masyarakat bukan bumiputera kurang minat mereka untuk menyertai pasukan beruniform. Ini dihadapi oleh polis dan juga pasukan tentera. Walau bagaimanapun, usaha-usaha akan terus diambil untuk membawa mereka supaya menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara yang disebut oleh Yang Berhormat dari Machang, mengenai "Tentera Masuk Desa" ataupun kita memanggilnya sekarang sebagai "Tentera Bersama Rakyat". Program ini bukan satu program yang mempunyai peruntukan yang khusus. Sebab itu, saya bersyukur Yang Berhormat dari Machang nampak bahawa kerajaan Barisan Nasionallah kerajaan yang akah dapat membela nasib rakyat. Kerajaan PAS pandai bercakap tetapi tidak pandai melaksanakan dan dia akan membuat segala-galanya hanya untuk sedapkan telinga, sedapkan pendengaran tetapi untuk melaksanakan memang tidak dilakukan. Alhamdulillah Yang Berhormat dari Machang sudah mendapat hidayah untuk masuk kembali kepada perjuangan yang sebenar atau perjuangan yang tulen, bukan perjuangan yang main-main perasaan rakyat.

Tentera Masuk Desa atau Tentera Bersama Rakyat ini adalah satu program yang ingin merapatkan di antara tentera dengan rakyat, tetapi kerana ia tidak

mempunyai peruntukan yang khusus, kita mahu menggunakan peruntukan-peruntukan sama ada daripada kerajaan negeri ataupun daripada wakil-wakil rakyat sendiri. Yang kita berikan ialah tenaga dan peralatan untuk dilaksanakan. Program Tentera Bersama Rakyat ini merangkumi beberapa program kecil seperti Forum Perdana yang kita adakan melalui KAGAT (Kor Agama) Projek Jiwa Murni, Pameran Persenjataan Kelengkapan ATM untuk memikat jiwa rakyat, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain projek yang difikirkan sesuai dan memberi manfaat kepada rakyat jelata khususnya di pedalaman.

Saya percaya program ini akan dapat merapatkan perhubungan antara masyarakat setempat dengan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab tiap-tiap persoalan yang dibangkitkan. Sebagaimana biasa persoalan-persoalan yang tidak dapat saya jawabkan secara terperinci ataupun saya tertinggal untuk menyentuhnya, telah diambil catatan dan ianya akan diambil tindakan sewajarnya mengikut keperluan....

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi ada Yang Berhormat Menteri sentuh tentang kebajikan pesara-pesara daripada tentera. Cuma saya ingin bertanya sedikit tentang kebajikan balu kepada anggota-anggota tentera. Saya dapati bahawa bila ada kes tentera kita meninggal dunia di dalam perjuangan, ada menteri-menteri datang untuk memberi dan menghulur derma

peribadi dan sebagainya. Apa yang saya hendak bertanya adakah angkatan tentera ini mempunyai satu program, satu pelan, perancangan yang berstruktur dan teratur untuk memberi wang bantuan kepada balu tentera. Bila disebut balu, saya juga ingin memasukkan, melibatkan suami kepada anggota-anggota tentera wanita. Adakah isteri sahaja yang dapat ataupun suami sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, disebut tentang anggota tentera yang meninggal dunia ini, adakah bantuan diberi kepada isteri atau suami anggota tentera yang meninggal dunia itu yang bukan meninggal dunia di dalam masa pertempuran sahaja, misalnya sama ada dia meninggal dunia masa bertugas ataupun tidak masa bertugas? Sebab memandangkan mereka ini sepanjang hayatnya bertugas untuk negara. Jadi, masa dia meninggal dunia kita tak tahulah, sama ada dia sedang pegang senapang ataupun dia sedang naik motosikal. Jadi, itu yang saya hendak bertanya, adakah pelan yang teratur yang berstruktur, yang betul-betul terperinci, bantuan yang jelas tentang berapa bantuan yang diberi?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit kerana membangkitkan berkenaan balu dan juga para suami yang ditinggalkan oleh isteri. Ada dua perkara; satu, kalau golongan angkatan tentera itu terdiri daripada kumpulan yang mempunyai hak ke atas pencen, maka mereka mempunyai hak untuk mendapat pencen daripada suami.

Selain daripada itu, setiap angkatan tentera juga mempunyai tabung di dalam Tabung Angkatan Tentera, mempunyai insurans kelompok, dan kita juga membayar segala insurans kelompok, dan kita juga melahirkan satu Tabung Angkatan Tentera dan PERHEBAT untuk menentukan bahawa anak-anak, isteri dan

balu diberikan pertolongan sama ada berbentuk kebendaan ataupun berbentuk pertolongan untuk menentukan mereka memasuki sekolah sehingga mereka habis di peringkat universiti.

Jadi, strukturnya ada, segala perancangan yang teratur dibuat bagi menjamin anggota yang ditinggal atau balu dan suami, semuanya diambil kepentingan mereka bagi menentukan mereka tidak tertinggal atau dilupakan, sama ada meninggal dunia kerana semasa pertempuran atau kerana accident, kita buat bayaran. Selalunya kita pergi untuk melawat mereka bukan peruntukan untuk yang dibuat sendiri oleh orang-orang kenamaan tertentu. Yang pentingnya ialah insurans kelompok, yang kalau tidak ada sesiapa yang berhak, ibu bapa mempunyai hak untuk menerima. Jadi, kepentingan ini akan dilaksanakan. Kerajaan memberi peruntukan tahunan kepada PERHEBAT, dan baru-baru ini kita pinda Akta LTAT untuk membolehkan daripada keuntungan LTAT untuk membuat peruntukan kepada PERHEBAT bagi kebajikan bekas-bekas perajurit atau anggota tentera. Jadi, ada program yang tersusun. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kali yang keduanya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada.....

Tuan Zainal Abidin bin Osman:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Mersing bangun, Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri memberitahu yang kalau suami ataupun anggota-anggota tentera meninggal, maka berbagai bantuan akan diberikan kepada balu. Soalan ini juga berkaitan dengan balu. Tetapi dalam jawapan itu saya tidak dapati bahawa Yang Berhormat Menteri

ada menyatakan berkenaan dengan kursus-kursus kemahiran yang boleh diberi kepada balu tersebut. Ini adalah untuk jangka panjang. Jadi, saya hendak tahu sama ada pihak angkatan tentera ada menyediakan kursus-kursus kemahiran kepada balu-balu supaya dalam jangka masa panjang mereka boleh menggunakan segala kemahiran untuk menyara anak-anak mereka selain daripada pencen yang diterima?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi PERHEBAT. PERHEBAT sebagai perbadanan hal ehwal bekas tentera dan ia juga melatih anggota tentera di dalam semua bidang kemahiran untuk menentukan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyara hidup mereka sendiri. Jadi, kita beri latihan kepada dua aspek; satu, mereka yang telah bersara daripada tentera, lagi satu mereka yang di dalam peralihan sama ada untuk balu, untuk anak dan sekali gus juga kita memberikan pinjaman untuk mereka sehingga tahap RM250,000 bagi tujuan bekas-bekas tentera atau keluarga mereka yang menjalankan perniagaan di dalam bidang-bidang yang telah kita tetapkan.

Jadi, memang ada program-program untuk melatih mereka supaya mereka dapat diserapkan di dalam masyarakat biasa dan dapat mencari rezeki secara sendiri dan tidak bergantung kepada hanya huluran bantuan kepada kerajaan. Ini memang kita laksanakan. Saya minta maaf, kalau tadi saya tidak jelaskan. Saya berharap itulah penjelasan persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Mersing, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan kalau ada apa-apa perkara yang saya tertinggal tidak menjawabnya, secara khusus ianya telah diambil catatan dan insya-Allah akan diberikan jawapan dan perhatian yang seterusnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1—

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Teks Bahasa Kebangsaan adalah seperti berikut. Boleh saya bacakan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dengan izin, Tuan Pengerusi.

Rang undang-undang ini adalah dipinda dalam subfasal 1(3) dengan menggantikan perkataan "setakat yang ia berhubungan" dengan subperenggan 2 dan 3 dengan perkataan "dan" dalam (c).

The English translation is as follows:

This Bill is amended in subclause 1(3) by substituting for the words (a) "in so far as its relates" to subparagraph 2 and 3 the word "and" in (c)."

Pindaan kepada subfasal 1(3) bertujuan membetulkan kesilapan tipografi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu sekarang terbuka untuk dibahas.

(Tiada Perbahasan)

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang undang-undang ini adalah dipinda dalam subfasal 1(3) dengan menggantikan perkataan "setakat yang ia berhubungan" dengan subperenggan 2 dan 3 dengan perkataan "dan" dalam (c).

The English translation is as follows:

This Bill is amended in subclause 1(3) by substituting for the words (a) "in so far as its relates" to subparagraph 2 and 3 the word "and" in (c).

Fasal 1 sepertimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 21

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Teks Bahasa Kebangsaan adalah seperti berikut:

Rang Undang-undang ini adalah dipinda dalam Fasal 21.

- (i) setakat yang ia berhubungan dengan perenggan 94A(3)(a) dengan memasukkan sebelum perkataan "melantik" perkataan "dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera"; dan

- (ii) dengan menggantikan subseksyen 94B(1) dengan subseksyen yang berikut:

"94B.(1) Ketua Perkhidmatan berkenaan, dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera, boleh melantik seorang Mashal Polis Tentera dan sekian bilangan pegawai polis tentera sebagaimana yang perlu bagi perkhidmatannya."

Teks bahasa Inggerisnya adalah seperti berikut:

This Bill is amended in Clause 21:

- (i) in so far as it relates to paragraph 94A(3)(a) by inserting before the word "appoint" the words "with the approval of the Armed Forces Council"; and
- (ii) by substituting for subsection 94B(1) the following subsection:

"94B.(1) The appropriate Service Chief may, with the approval of the Armed Forces Council, appoint a Provost Marshal and such number of provost officers as may be necessary for his Service."

Pindaan kepada Fasal 21 bertujuan menghendaki perlantikan pegawai tertentu dibuat dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan kepada Fasal 21 sebagaimana yang tertera dalam slip pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan itu sekarang terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebagaimana yang dinyatakan dalam slip edaran dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Rang Undang-undang ini adalah dipinda dalam Fasal 21.

- (i) setakat yang ia berhubungan dengan perenggan 94A(3)(a) dengan memasukkan sebelum perkataan "melantik" perkataan "dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera"; dan
- (ii) dengan menggantikan subseksyen 94B(1) dengan subseksyen yang berikut:-

"94B.(1) Ketua Perkhidmatan berkenaan, dengan kelulusan Majlis Angkatan Tentera, boleh melantik seorang Mashal Polis Tentera dan sekian bilangan pegawai polis tentera sebagaimana yang perlu bagi perkhidmatannya."

Teks bahasa Inggerisnya adalah seperti berikut:

This Bill is amended in Clause 21:

- (i) in so far as it relates to paragraph 94A(3)(a) by inserting before the word "appoint" the words "with the approval of the Armed Forces Council"; and
- (ii) by substituting for subsection 94B(1) the following subsection:

"94B.(1) The appropriate Service Chief may, with the approval of the Armed Forces Council, appoint a Provost Marshal and such number of provost officers as may be necessary for his Service."

Fasal 21 sepertimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 22 hingga 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.45 pagi.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk mengemaskan beberapa peruntukan yang sedia ada di dalam Akta Institut Teknologi MARA serta memajukan beberapa peruntukan baru selaras dengan perubahan-perubahan dimensi yang sedang dan akan terus berlaku di persekitaran global dan nasional.

Akta Institut Teknologi MARA, Akta 173, telah mula berkuatkuasa pada tahun 1976. Dengan berkuatkuasanya akta tersebut, Institut Teknologi MARA (ITM) yang sebelum ini ditadbir oleh Majlis

Amanah Rakyat (MARA) adalah dijadikan sebuah badan korporat dan tertakluk kepada Akta ITM 1976 (Akta 173). Semua perkara berhubung dengan penubuhan, penyelenggaraan dan pentadbiran ITM adalah mengikut peruntukan yang disediakan di dalam Akta 173. Walau bagaimanapun, bagi perkara-perkara yang berhubung dengan pentadbiran dan penyelenggaraan tatatertib bagi kakitangan dan pelajar, ianya adalah tertakluk di bawah Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

Bermula daripada tarikh akta ini dikanunkan, ianya telah berkuatkuasa selama 20 tahun. Dengan tempoh masa selama 20 tahun itu adalah difikirkan wajar peruntukan-peruntukan di dalam Akta ITM ini dikaji semula dari segi kesesuaian dan keperluannya bagi menghadapi cabaran dan perubahan-perubahan abad ke-21 yang akan datang.

Menyingkap sejarah lampau ITM, ITM pertama kali diwujudkan sebagai Dewan Latihan RIDA dan kemudiannya diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Amanah Rakyat. Mulai 14 Oktober 1967, Maktab MARA telah dijadikan sebuah institut dan dikenali sebagai Institut Teknologi MARA (ITM). ITM ditubuhkan dengan matlamat untuk melahirkan lebih ramai guna tenaga terlatih bumiputera di peringkat separa-profesional dan profesional. Berdasarkan kepada matlamat tersebut, ITM telah diperuntukkan dengan kuasa di bawah Akta 173 untuk menyediakan kursus-kursus pengajian dalam bidang teknologi, sains, perdagangan, perniagaan, perusahaan, pengurusan, pentadbiran dan dalam bidang-bidang pekerjaan lain yang seumpamanya. Berasaskan kepada matlamat yang dinyatakan itu, ITM memberi tumpuan kepada kursus-kursus di peringkat diploma dan diploma lanjutan. ITM juga menawarkan kursus-kursus di peringkat sijil. Daripada enrolmen pelajar

seramai lebih kurang 43,000 orang setahun, 76% daripadanya adalah merupakan pelajar di peringkat diploma.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1956, ITM telah berjaya memainkan peranan sebagai 'pengimbang' di dalam pendidikan negara dengan memberi peluang kepada pelajar-pelajar bumiputera dari luar bandar yang kurang bernasib baik untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi. Kampus cawangan ITM didirikan di hampir kesemua negeri. Sehingga ini ITM mempunyai 10 kampus cawangan di seluruh negara, tidak termasuk kampus induk di Shah Alam. Manakala kampus cawangan di Merbok, Kedah sedang dibangunkan. Mengikut perancangannya, ITM juga sedang berusaha untuk mendapatkan tapak yang sesuai bagi membangunkan kampus cawangannya di Negeri Sembilan. Dengan berkat usaha dan kegigihan yang dijalankan, ITM telah berjaya menghasilkan hampir 100,000 graduan dalam semua peringkat dan bidang pengkhususan. Pencapaian ITM dalam menjayakan agenda social engineering negara sudah tidak dapat dinafikan lagi.

Kejayaan negara, khususnya ITM dalam melaksanakan social engineering ini telah mengagumkan dunia luar terutama negara-negara yang sedang membangun yang menghadapi masalah yang hampir sama dengan Malaysia di mana terdapat warga yang kurang bernasib baik. Berdasarkan kepada kejayaan yang telah dicapai oleh negara setakat ini, Malaysia boleh dijadikan sebagai model sebuah negara yang sedang pesat membangun yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara-negara membangun yang lain, terutama dalam mewujudkan 'perimbangan' dalam pendidikan tinggi bagi golongan-golongan yang kurang bernasib baik. Dengan kejayaan yang telah dibuktikan oleh ITM, ITM tidak syak lagi dapat memainkan peranan tersebut.

Negara-negara membangun sudah tentunya akan mengalu-alukan kepakaran dan perkhidmatan yang dapat ditawarkan oleh ITM. Kepakaran dan perkhidmatan ini akan dapat ditawarkan oleh ITM melalui penubuhan cawangan-cawangannya di luar negeri, menjalankan program-program pengajian secara usaha sama, bersesama, berkembar dan seumpamanya dengan institusi-institusi pendidikan tinggi di luar negeri serta memfrancaiskan perkhidmatan dan hasil-hasil penyelidikannya.

Perluasan aktiviti ITM keluar negara ini bukan sahaja akan dapat menjana pendapatan kepada ITM dan negara pada keseluruhannya, bahkan selari dengan hasrat negara untuk turut membantu ke arah kemajuan dan pembangunan negara-negara yang sedang membangun, terutama dalam menyediakan peluang-peluang pendidikan tinggi kepada rakyat pribuminya. Peluang ini tidak seharusnya dilepaskan oleh kerajaan dan negara. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa dengan perluasan aktiviti ITM ke luar negara, ini tidak bermakna ia akan mengabaikan tanggungjawab dalam menyediakan tenaga yang diperlukan oleh negara.

Sekali lagi, saya ingin memberi jaminan di sini bahawa ITM akan tetap mendahului tanggungjawabnya terhadap negara, terutama dalam memenuhi keperluan tenaga di peringkat separa profesional dan profesional mengatasi peranan-peranannya yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini penekanan ITM adalah kepada program-program di peringkat diploma dan diploma lanjutan. Namun begitu, kebanyakan daripada program-program diploma lanjutan adalah diiktiraf setaraf dengan ijazah dan ijazah kepujian. Daripada 67 program di peringkat diploma yang dijalankan oleh ITM, 17 daripadanya

adalah diiktiraf oleh kerajaan sebagai setaraf dengan Ijazah Bachelo, manakala kesemua 33 program di peringkat Diploma Lanjutan adalah diiktiraf setaraf dengan Ijazah Bachelo dengan kepujian.

Memandangkan ITM telah membuktikan kemampuannya untuk menjalankan program-program di peringkat ijazah, adalah difikirkan wajar bagi negara mengambil peluang daripada kekuatan ITM tersebut dengan membenarkannya menawarkan program-program pengajian dan seterusnya menganugerahkan ijazah sehingga ke peringkat doktor falsafah (Ph.D). Dengan cara ini, ITM akan dapat bersama-sama dengan universiti-universiti tempatan yang lain membantu negara untuk memenuhi keperluan tenaga terlatih di peringkat yang lebih tinggi, yang mana pengeluarannya masih jauh daripada dapat memenuhi keperluan. Umpamanya dalam bidang kejuruteraan, keperluan jurutera dalam tempoh 10 tahun, daripada tahun 1991 hingga tahun 2000, adalah dianggarkan seramai 56,600 orang, sedangkan kemampuan pengeluaran universiti-universiti tempatan adalah terhad kepada 21,000 orang sahaja dalam tempoh tersebut. Jika ditambah penjana jurutera-jurutera dari universiti-universiti luar negara, masih terdapat kekurangan ataupun defisit di antara permintaan dan pembekalan.

Walaupun institusi-institusi pendidikan tinggi swasta serta universiti-universiti korporat dijangka akan memberikan sumbangan dalam hal ini, namun dengan kepesatan pembangunan ekonomi negara pada masa ini dengan kadar lebih 8% setahun dan dijangka akan kekal pada tahap tersebut dalam beberapa dekad yang akan datang, adalah dijangkakan keperluan tersebut tidak akan dapat dipenuhi tanpa pengemblengan tenaga dan usaha yang berlipat ganda daripada kedua-dua sektor awam dan swasta.

Memandangkan kemampuan ITM dalam melahirkan graduan berkelulusan ijazah sudah terbukti, adalah wajar kekuatan yang ada pada ITM itu dimanfaatkan sepenuhnya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hampir 60% daripada tenaga pengajar ITM mempunyai kelulusan di peringkat ijazah lanjutan, termasuk 131 orang yang mempunyai kelulusan di peringkat Ph.D.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya sebilangan besar daripada tenaga pengajarnya yang mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada apa yang diperlukan mengikut skim perkhidmatan pensyarah ITM, ITM sudah tentunya menghadapi masalah untuk mengekalkan mereka di dalam perkhidmatan. Ini adalah kerana dengan kemampuan dan kelayakan yang meningkat, yang dimiliki oleh tenaga pengajarnya wujud ruang di mana pensyarah-pensyarah ITM boleh berhijrah ke universiti-universiti tempatan yang lain selain daripada berpindah ke sektor swasta. Masalah ini walaupun tidak serius, sudah mula dirasai oleh ITM. Sekiranya ia tidak ditangani di peringkat awal, ia akan menjejaskan kewibawaan dan kemampuan ITM untuk beroperasi dengan berkesan.

Tenaga pengajar ITM perlu diberikan kedudukan yang bersesuaian bagi mengurangkan, walaupun tidak dapat diatasi sepenuhnya penghijrahan keluar tenaga pengajarnya. Untuk itu sebagaimana dengan universiti-universiti tempatan yang lain, ITM perlu diberikan kuasa untuk menaikkan pangkat atau melantik tenaga pengajarnya ke jawatan-jawatan pensyarah kanan, reader, penolong profesor, profesor madya, profesor dan profesor kanan. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan di sini bahawa penganugerahan gelaran-gelaran tersebut mestilah berasaskan kepada kecemerlangan prestasi seseorang kakitangan akademik dalam tugas teras utamanya iaitu pengajaran, penyelidikan

dan perundingan dan penerbitan serta khidmat masyarakat sama seperti universiti-universiti lain. Pensyarah ITM yang pada masa ini tidak disyaratkan menjalankan penyelidikan akan diperlukan berbuat demikian selari dengan perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan melaksanakan perkara-perkara yang dinyatakan tadi belum dapat meletakkan ITM dalam keadaan yang selesa sekiranya ianya tidak dikorporatkan. ITM akan ketinggalan sekiranya tidak mengikut arus perkembangan yang dilalui oleh universiti-universiti tempatan yang lain. Oleh itu, ITM perlu juga dilibatkan dalam proses reformasi pendidikan tinggi yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Lebih-lebih lagi oleh kerana ITM merupakan sebuah institusi yang besar berbanding dengan universiti-universiti tempatan yang lain.

Pindaan rang undang-undang ini turut mengambil kira keperluan untuk mengkorporatkan ITM bagi membolehkan ITM bebas daripada dibelenggu oleh prosedur dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam yang ketat. Oleh itu, pindaan ini bertujuan untuk memberikan 'keluwesan' kepada pihak pengurusan ITM dalam membuat keputusan. Sejajar dengan hasrat tersebut, ITM akan dibolehkan mewujudkan sistem governan dan pengurusan yang lebih segar dan berkesan mengikut landas-landas lembaga pengarah di sektor korporat. Dengan pengkorporatan ini juga, ITM akan diberikan kuasa untuk menjana pendapatan sendiri melalui punca-punca pendapatan yang lebih luas. Ini akan dapat mengurangkan pergantungannya kepada kerajaan sebagai punca utama pendapatan dalam membiayai segala perbelanjaan operasi dan pembangunannya.

Di samping itu, dengan adanya kuasa-kuasa ini akan membolehkan ITM mengambil inisiatif bagi menjalankan

penyelidikan yang mana ada di antara hasil-hasilnya boleh diperdagangkan. Ini akan mengubah kedudukan ITM di mana pada masa ini 80% daripada tumpuan tenaga pengajarnya diberikan kepada pengajaran, sedangkan mereka berkemampuan untuk menjalankan penyelidikan dan perundingan. Dengan melibatkan pensyarah ITM dalam penyelidikan, ia akan dengan secara langsung memberi sumbangan yang positif kepada pengajaran. Sumbangan tenaga pengajar ITM dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan ini juga akan dapat membantu negara dalam mengekalkan dan meningkatkan tahap dan tempo pembangunan.

Dengan pengkorporatan ITM, yuran pengajian akan terus dipertahankan pada kadar minimum, bahkan bantuan kerajaan dalam membiayai kos pengajian pelajar-pelajar di ITM akan diteruskan oleh kerana pelajar-pelajar ini akan dimanfaatkan oleh negara. Ini memandangkan kedudukan ITM yang berbeza daripada universiti-universiti tempatan yang lain di mana bantuan yang disediakan oleh kerajaan adalah untuk membantu pelajar-pelajar dan keluarga yang kurang berkemampuan. Namun begitu, subsidi yang berterusan ini tidak seharusnya mengurangkan dorongan pelajar untuk meningkatkan lagi kecemerlangan ITM. Ianya perlu setanding dari segi kualiti sama juga dengan pelajar-pelajar universiti awam yang lain. Adalah menjadi harapan negara supaya pelajar-pelajar ITM mempunyai akauntabiliti dan tanggungjawab untuk mencapai kecemerlangan pendidikan dan menjadi tokoh-tokoh korporat yang berjaya sebagaimana yang telah dihasilkan oleh ITM selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian autonomi dalam pengurusan dan kewangan yang akan dilaksanakan melalui proses pengkorporatan ini akan dipastikan wujudnya perimbangan dengan peningkatan dalam akauntabiliti di semua

peringkat staf dan kakitangan ITM. Rektor selaku ketua eksekutif diberikan tanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan ITM. Dengan adanya empowerment yang diiringi dengan akauntabiliti adalah diharapkan tanggungjawab yang diamanahkan kepada pengurusan ITM akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pentadbiran dan penyelenggaraan tata tertib kakitangan dan pelajar ITM, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, ianya adalah tertakluk di bawah Akta 174. Melalui pembentangan rang undang-undang ini, kesempatan adalah diambil untuk mengemaskinikan peraturan-peraturan berkenaan bagi menyesuaikan dengan perubahan-perubahan semasa dan akan datang. Peruntukan-peruntukan berkenaan yang terdapat di dalam Akta 174 dicadangkan dijadikan sebagai sebahagian daripada Akta 173.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 38 fasal. Antara pindaan-pindaan penting yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini dapat dikategorikan seperti berikut:

(i) *Memperluaskan Ruang Lingkup Aktiviti ITM*

Kuasa yang diperuntukkan kepada ITM untuk menyediakan kursus-kursus pengajian, mengadakan peperiksaan bagi pendidikan dan latihan dalam bidang-bidang pengajian yang ditetapkan di dalam akta; membangun, melengkap dan menyelenggara kemudahan-kemudahan seperti perpustakaan, asrama, dewan kuliah dan sebagainya bagi maksud kegunaan institut adalah terhad kepada ruang lingkup sempadan Malaysia sahaja. Begitu juga dengan penubuhan cawangan-cawangannya yang meliputi

kawasan di dalam Malaysia. Peruntukan-peruntukan berkenaan di dalam Akta 173 dicadang dipinda bagi membolehkan ITM memasuki arus globalisasi dengan memperluaskan aktiviti-aktivitinya ke luar negara Malaysia supaya negara Malaysia dapat membantu negara-negara membangun yang lain mewujudkan lebih banyak peluang pendidikan kepada rakyat pribuminya dengan mengeksport kepakaran yang terdapat di ITM.

Berhubung dengan peringkat pengajian, melalui rang undang-undang yang dicadangkan ini, kuasa ITM tidak akan lagi terbatas kepada penganugerahan diploma dan sijil sahaja. Bahkan berdasarkan kepada keupayaan dan kemampuannya yang telah sedia terbukti, ITM dicadang diberikan kuasa untuk menganugerahkan ijazah. Namun statusnya akan tetap kekal sebagai sebuah institut dan tidak sebagai sebuah universiti. Selaras dengan ini juga, keutamaan sebahagian besar pengambilan pelajarinya adalah masih kekal pada peringkat separa profesional.

Rang Undang-undang di Fasal 11(c) juga mencadangkan supaya diploma dan diploma lanjutan berkenaan diberi taraf ijazah di peringkat Bachelor mulai daripada tarikh pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan. Dengan perluasan aktiviti-aktiviti tersebut dan yang lebih penting dengan adanya kuasa untuk menganugerahkan ijazah, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya kegiatan penyelidikan dijadikan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh ITM dalam menyokong usaha pembangunan negara, terutama dalam membangunkan sektor perindustrian dan pembuatan.

(ii) *Sistem Governan dan Pengurusan*

Sepertimana universiti-universiti tempatan yang lain yang ditadbir di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti di mana Majlis Universiti akan digantikan dengan Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Majlis ITM juga akan digantikan dengan lembaga pengarah. Fasal 18 rang undang-undang mencadangkan keanggotaan lembaga pengarah terdiri daripada 9 orang anggota, termasuk Pengerusi. Keanggotaan lembaga yang dicadangkan adalah terdiri daripada:—

- (a) Pengerusi;
- (b) Rektor;
- (c) 2 orang wakil kerajaan; dan
- (d) 5 orang wakil yang pada pendapat menteri mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang dapat disumbangkan kepada lembaga di mana tiga daripada mereka hendaklah daripada sektor swasta.

Juga selaras dengan hasrat bagi memantapkan pengurusan ITM, pentadbiran dan pengurusan hal-hal akademik juga perlu diperkemaskan. Memandangkan ITM sebelum ini hanya menjalankan program-program di peringkat diploma dan diploma lanjutan, ITM tidak mempunyai sebuah badan khusus yang bertanggungjawab dalam hal-hal akademik. Perkara akademik diletakkan sebagai sebahagian daripada tugas Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik.

Dengan cadangan untuk membolehkan ITM menjalankan program-program pengajian di peringkat ijazah hingga ke

peringkat Ph.D, rang undang-undang ini mencadangkan supaya ITM diperuntukkan dengan kuasa untuk mewujudkan sebuah Senat yang akan bertanggungjawab dalam menasihati lembaga pengarah dalam semua perkara mengenai akademik. Keanggotaan Senat dicadangkan terdiri daripada:

- (a) Rektor sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan-timbalan Rektor;
- (c) Dekan-dekan dan Ketua-ketua Sekolah dan Pusat; dan
- (d) 3 wakil daripada Provos yang dilantik oleh Rektor; dan
- (e) 3 orang kakitangan akademik institut yang kanan.

Sesuai dengan kuasa yang dicadangkan diberikan kepada ITM untuk menganugerahkan ijazah dan pemberian autonomi dalam pengurusan dan kewangan, rang undang-undang ini mencadangkan gelaran kepada ketua eksekutif ITM digantikan daripada Pengarah kepada Rektor dan Pengetua di peringkat cawangan kepada Provos.

(iii) *Pengurusan Kewangan*

Bagi membolehkan ITM menjana pendapatannya sebagai usaha mencapai tujuan pengkorporatan iaitu mengurangkan pergantungan ITM kepada sumber kewangan daripada kerajaan, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya ITM diperuntukkan kuasa untuk mengeksport kepakarannya ke luar negeri sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Selain daripada itu, seperti juga dengan universiti-universiti tempatan yang lain, ITM dicadangkan dibenarkan

mengambil bahagian dalam perniagaan seperti menubuhkan syarikat, mengambil bahagian dalam penyertaan ekuiti, perkongsian atau usaha sama dengan mana-mana organisasi perniagaan dan sebagainya di mana aktiviti-aktiviti tersebut mempunyai hubungkaitnya dengan fungsi dan aktiviti-aktiviti institut.

Di samping kuasa-kuasa tambahan tersebut, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya ITM dibolehkan menjalankan penyelidikan dan pengeluaran komersil bagi memaju dan mengguna dengan berkesan hasil penyelidikan dan seterusnya memasarkan dan memfrancais perkhidmatan, hasil penyelidikan dan keluarannya.

Manakala di bawah Fasal 17(b) rang undang-undang pula, institut boleh dengan kelulusan menteri menjalankan apa-apa kursus pengajian bersesama atau bersama-sama, secara bergabung, secara usahasama atau secara francais atau selainnya, dengan mana-mana universiti, kolej universiti, institut pendidikan tinggi, atau badan profesional, atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia.

(iv) *Akauntabiliti*

Bagi mengimbangkan kuasa yang diberikan kepada ITM, rang undang-undang ini juga mencadangkan supaya sistem akauntabilitinya juga dipertingkatkan. Adalah dicadangkan peruntukan baru di bawah Fasal 33 rang undang-undang dimasukkan. Fasal tersebut akan membolehkan tindakan surcaj diambil ke atas mana-mana pegawai atau kakitangan yang gagal menjalankan tugasnya

dengan sempurna sama ada dalam membuat kutipan, bayaran menyelenggara akaun dan lain-lain tugas yang berkaitan dengannya bagi pihak institut.

Selain daripada itu, satu jadual baru kepada Akta iaitu Jadual Kedua dicadang dimasukkan. Jadual tersebut mengandungi peruntukan bagi mengawal selia pihak-pihak berkuasa institut iaitu Lembaga, Jawatankuasa dan Senat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, cadangan pindaan Akta ITM ini akan meninggikan lagi martabat ITM dan membolehkan ITM bersaing secara sihat dengan universiti-universiti tempatan yang lain. ITM juga akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dan meluas dalam menyokong usaha pembangunan negara khususnya dalam melahirkan guna tenaga mahir dalam bidang-bidang profesional. Usaha-usaha ini bersama dengan usaha meng-korporatkan universiti-universiti awam, penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan Lembaga Akreditasi Negara akan melengkapkan lagi agenda reformasi pendidikan tinggi negara yang menjurus kepada matlamat mewujudkan kecemerlangan dalam pendidikan tinggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi Mara, 1976 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

11.11 pagi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila saya diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Institut Teknologi Mara 1996, saya merasa terlalu nostalgia terhadap hidup-hidup kampus sewaktu saya berada di sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pembukaan, saya bersyukur kepada Allah kerana sebagai seorang pelajar yang pernah mendapat bimbingan dan naungan daripada ITM hari ini dapat melibatkan diri di dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini untuk meningkatkan lagi martabat ITM.

Sebagai permulaan, saya rasa umum kurang mengetahui bahawa di dalam Dewan ini terdapat 9 bekas pelajar ITM iaitu Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Timbalan Menteri Kesihatan, Ahli Parlimen Batu Pahat yang mahir dalam bidang insurans, Ahli Parlimen Jerantut di bidang forestry, yang nakal sedikit Kubang Kerian, selepas itu Ahli Parlimen Kuala Nerus daripada Applied Science, Ahli Parlimen Libaran—ITM Sabah, Ahli Parlimen Sepang dalam bidang Banking dan saya sendiri dalam bidang Pentadbiran Awam dan terdapat seorang lagi di dalam Senate iaitu Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali. Jadi, membayangkan bahawa ini adalah lonjakan kejayaan, kerana majoriti kami adalah anak-anak kampung yang pada satu ketika dahulu digelar sebagai second class citizen di dalam mencari kecemerlangan ilmu di abad-abad pra ataupun pasca 13 Mei, 1969 sebelum kerajaan menukar polisi dan dasar terhadap masalah profesional bumiputera di dalam menstrukturkan semula masyarakat di negara ini.

Jadi, atas landasan nostalgia itulah, kami masih lagi teringat bagaimanakah ITM ini adalah satu pertubuhan (organisasi) yang unik. Hukum yang

pertama, masuk ITM mesti kena raging. Rambut yang panjang mesti dipotong secara sembrono, kalau rambut itu lawa, hari pertama akan menjadi lereng bukit yang bersawah padi. Selepas itu kita kena belajar main indoor hoki—siapa yang tidak faham tanya dengan saya selepas ini. Selepas itu kita kena belajar menggigit ikan plastik yang dibekalkan oleh world organisation—kita kena belajar makan sandwich. Saya beritahu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini. Kejutan! apabila ditanya kenapa makan sandwich, kita tidak mahu orang Melayu tidur tengah hari? Ini adalah satu pembaharuan, oleh kerana anak yang dibawa dari kampung 'deprive educational facilities'nya yang dinafikan peluang-peluang pendidikan sewaktu mereka kecil, kalau dibandingkan dengan pelajar-pelajar semi rural ataupun pelajar-pelajar dalam bandar, anak-anak ini yang dikutip. Interviewnya terlalu mudah, paling minimum gred 3. Interview—provokasi.

Dia kata, kamu anak kampung kalau bawa masuk dalam bandar jadi rusa masuk kampung. Kalau betul-betul kita original anak kampung dengan tidak ada fighting spirit, kita akan menjadi lemah. Kalau kita betul-betul anak kampung yang memang mewarisi mentaliti dan psikologi inferiority ataupun mentaliti hamba yang ditanamkan oleh penjajah, maka kami akan terkeluar. Tetapi sesiapa yang berani menjadi fighter, yang berani menentang para penceramah ataupun penemuduga, mereka akan diberi enrolment di dalam ITM. Jadi, di situlah falsafah ITM, iaitu mencari satu keistimewaan untuk bumiputera mewujudkan satu wadah, satu institusi pendidikan untuk bumiputera kepada anak bumiputera yang saya katakan tadi dinafikan hidupnya dengan peluang-peluang pendidikan yang sewajarnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya tadi Menteri Pendidikan memberikan 3 fasa perkembangan ITM. Daripada Dewan Latihan Rida kepada

Maktab Mara dan kepada Institut Teknologi Mara. Sahabat saya daripada Batu Pahat adalah daripada Maktab Latihan Mara. Pada awal tahun 60-an, telah pun mempelajari hal ehwal insurans. Pada ketika itu belum ada institusi pengajian tinggi di dalam negara ini membincangkan insurans. ITM menjadi pioneer kepada pengajian insurans. Sewaktu saya memasuki ITM pada tahun 1969, walaupun sewaktu peristiwa merah, kami dihalau—ITM balik kampung, penyapu buruk, sebab itu kami makan roti kulit sahaja, isi roti yang lembut kita berikan kepada orang Jalan Othman, bagaimanakah pengorbanan pelajar ITM? Kami dituduh sebagai penyapu buruk, balik kampung. Kami dimalu-malukan oleh pihak yang waktu itu menguasai Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Inilah ITM, pada ketika itu telah pun ada pengajian yang dipanggil actuary—satu lagi penerokaan oleh ITM untuk anak Melayu yang lama dinafikan pendidikan oleh pihak penjajah dan di zaman pasca penjajah. Waktu itu telah ada pun kursus komputer sains, sekarang baru manusia membincangkan mengenai teknologi maklumat. Bill Gate masuk universiti pada awal tahun 1970-an tetapi akhir 1960-an, ITM telah mempunyai kursus komputer sains. Bagaimanakah jauhnya wawasan pemimpin-pemimpin kita untuk mewujudkan ITM. Jadi, ITM adalah culmination ataupun lahir dari himpunan ketajaman wawasan pemimpin dahulu. Daripada himpunan ketajaman pemimpin-pemimpin kita sekarang untuk melonjakkan martabat bangsa Melayu, untuk meningkatkan taraf pendidikan bangsa Melayu, sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri Pendidikan sebagai satu balancing factor kepada struktur di pasaran mengenai profesional bumiputera yang pada ketika itu amat minimum sekali.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya merasa amat berbangga oleh kerana

perjuangan yang sejak dari dahulu dijadikan satu resolusi kepimpinan pelajar. Saya pernah memimpin KPITM pada tahun 1970 sehingga tahun 1971. Kami sentiasa mencita-citakan supaya apa sahaja pun akan dipanggil kepada ITM berilah pengiktirafan diploma ITM itu kepada taraf universiti ataupun ijazah. Dan hari ini saya merasa bertuah, kerana perjuangan yang dimulakan sejak berpuluh tahun yang lalu sekarang ini menjadi satu realiti. Inilah berkat kesabaran, walaupun generasi kami, mungkin yang berasal dari generasi tahun 1969 pernah dikatakan generasi menggali kubur sendiri. Pada tahun 1969 pelajar-pelajar ITM dikatakan generasi menggali kubur sendiri, oleh kerana motto perjuangan kami pelajar-pelajar pada tahun 1969—revolusi. Kami mengangkat tangan—'penumbok', kita cap di t-shirt seluruh pelajar - 'ITM revolusi'.

Apa yang ingin kami revolusikan? Kami ingin revolusikan mentality orang Melayu. Kami mahu revolusikan cara hidup orang Melayu. Kami mahu revolusikan gaya hidup dan juga cara kita mencari nafkah iaitu oleh orang Melayu. Tetapi kami dilabelkan oleh pemimpin tertinggi negara pada masa itu sebagai 'menggali kubur sendiri.' Walaupun kami berdemonstrasi, walaupun kami dilepaskan dengan gas pemedih mata, walaupun kami pada ketika itu tahun 1969 umpamanya sentiasa diawasi of FRU, kami tidak pernah berhenti untuk revolusi, dan inilah hasilnya. Hasil gabungan daripada para pelajar, daripada para tenaga dan juga daripada para pemimpin, perjuangan yang dimulakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, hari ini disambut oleh anak beliau untuk melonjakkan martabat ITM.

Saya amat berbangga dengan kedudukan ini. Tetapi ada beberapa perkara yang saya harapkan menerusi akta yang membawa dua dimensi ini, iaitu akta yang akan membolehkan ITM menganugerahkan ijazah dan juga akta yang akan mengkorporatkan ITM. Saya

mempunyai beberapa harapan. Pertama sekali, tolonglah jaga dari segi status bumiputera ITM itu sendiri. Jangan sekali-kali diizinkan mana-mana usaha di dalam negara ini untuk membuka pintu ITM kepada bukan bumiputera, jangan sekali-kali. Walau apa pun diperkatakan, inilah tangga pertama untuk membuka menstruktur semula anak-anak kampung yang saya katakan telah lama dinafikan peluang untuk meningkatkan pendidikan.

Kalau dahulu ITM dikatakan kelas kedua, hari ini telah meningkatkan kepada kelas pertama. Dahulu ITM hanya dibuka kepada anak kampung, hari ini anak dato'-dato', anak orang besar berebut hendak masuk ITM. Tetapi jangan buka pintu kepada bukan bumiputera. Suara ini mungkin rasialis, tetapi tidak. Suara ini mempunyai rasionalnya. Rasionalnya adalah selagi kita mahu menjadikan ITM sebagai pengimbang kepada pengeluaran tenaga profesional di dalam pasaran negara atau antarabangsa sekiranya dibandingkan dengan bukan bumiputera, maka tutuplah pintu ITM kepada bukan bumiputera.

Yang keduanya, apabila peningkatan ini menjadi realiti, jangan sekali-kali lupakan peluang anak-anak bumiputera luar bandar, seperti saya dan sebagaimana sahabat-sahabat yang saya sebutkan tadi. ITM telah mampu membuka, menolakan tempurung kepada anak-anak kampung. Kalau dahulu kampung saya, tempurung saya hanya Mukim 4, Batu Pahat, kalau dahulu tempurung kepada Ahli Parlimen Sepang hanya mungkin satu kampung yang kecil di Selangor, tempurung kita sudah menjadi nasional, telah menjadi *regional*. *Horizon* kita telah menjadi global. Jadi, berilah peluang, *priority* kepada anak-anak yang alamatnya adalah kampung-kampung dan cerok rantau. Walaupun mungkin dari segi *educational merit*, kedudukan pendidikan mereka kalau dibandingkan dengan anak-anak di bandar adalah mungkin kurang, tetapi berilah peluang kepada anak-anak luar bandar

yang lebih, apabila taraf universiti ini diberikan kepada ITM.

Oleh kerana ITM telah mampu membuktikan untuk menjana *unpolished diamond* daripada luar bandar menerusi proses yang dilakukan menerusi sistem yang diketengahkan, telah ramai *unpolished diamond* yang diketengahkan oleh ITM. Tadi Menteri Pendidikan mengatakan ramai pelajar ITM, 100,000 lebih pelajar ITM berada di pasaran hari ini, 85% berada di swasta, dan sebilangan besar bekerja dengan syarikat-syarikat yang disenaraikan di dalam BSKL, papan ke-1 ataupun papan ke-2, dan pada kebetulan pula General Manager BSKL pun pelajar ITM. Setiausahanya pun pelajar ITM. Itulah nilai *unpolished diamond* yang telah dicanai oleh ITM.

Jadi, saya harap berilah peluang yang lebih kepada anak yang alamatnya adalah di cerok-cerok, di kampung-kampung dan di pedalaman supaya lebih ramai peluang kepada anak yang kurang mendapat peluang pendidikan, kita ketengahkan ke dalam bandar dan kita keluarkan mereka ke dalam pasaran supaya mereka dapat mengimbangi status bumiputera di dalam ekonomi dan sebagainya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan daripada Parit Sulong. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ITM perlu dikekalkan kepada golongan bumiputera. Yang Berhormat katakan rasional daripada cadangan Yang Berhormat bukannya satu rasional yang berbentuk etnik ataupun *rightism*. Saya minta pandangan kerana pandangan Yang Berhormat ini mengimbangi kekurangan

penyertaan bumiputera dalam pendidikan swasta? Kalau kita tidak khususkan ITM kepada bumiputera, maka tidak ada tempat untuk bumiputera mendapatkan peluang pendidikan, terutama yang di luar bandar. Saya minta sedikit penjelasan daripada Parit Sulong tentang tadi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tepat sekali. Walaupun kita telah pun meluluskan akta yang membabitkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), *private institution*, tetapi kita masih lagi berhadapan dengan *financial constrains* ataupun sekatan kewangan anak-anak bumiputera untuk memanjatkan kaki atau melangkah ke kaki ke kampus IPTS. Walaupun pihak kementerian dan kerajaan menjanjikan menubuhkan dana khas untuk anak-anak bumiputera, masuk ke IPTS, tetapi saya rasa ITM *is the very guarantee*. ITM adalah jaminan yang paling diyakini untuk membolehkan dan mewujudkan perimbangan bumiputera profesional di dalam pasaran. Sebab itu saya kata, janganlah buka pintu ITM kepada bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya saya meminta, apabila digalakkan kerja-kerja penyelidikan dibuat oleh ITM, tolong mencari fokus dan tumpuannya. Tumpuan penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh ITM fokuskan kepada bagaimanakah sistem, strategi dan matlamat kerajaan di dalam meningkatkan dan melonjakkan bumiputera di dalam bidang profesional. Itu harus menjadi fokus utama supaya diketahui apakah rasional ITM diwujudkan dan apakah 'performance' prestasi pelajar ITM sekarang, di manakah mereka berada, bagaimana 'outlook' mereka. Adakah mereka mempunyai outlook yang 'rasial' atau mereka mempunyai outlook yang global? Kerana ITM dikatakan pada satu ketika dahulu menjadi *breeding ground* kepada orang yang racialist. Ketika dahulu ITM dikatakan budak ITM *racialist, anti*

non-Malays, bermakna *anti-Chinese*, to be *spesific*.

Tetapi cuba kaji sekarang, adakah benar tuduhan itu sehingga menimbulkan satu keadaan polarisasi. Satu ketika dahulu ITM dijadikan satu bahan untuk mempolarisasikan pemikiran bukan Melayu terhadap sistem pendidikan negara. Jadi, cuba buat kajian terhadap arah ini. Bagaimanakah anak yang kurang berpeluang pendidikan, yang taraf pendidikannya di peringkat Senior Cambridge adalah hanya gred tiga, boleh sekarang ini memanjat lebih tinggi dan tahap Ph.D di kalangan pelajar-pelajar yang dahulunya ITM anak kampung sekarang ini juga merupakan sebahagian besar daripada tulang belakang akademik ITM. Perkara ini harus dikaji, berikan pendedahannya. Jelaskan kepada seluruh generasi, khususnya orang Melayu supaya mereka beringat dan sentiasa berterima kasih kepada kerajaan yang mewujudkan ITM.

Yang ketiganya Tuan yang di-Pertua, saya harap yuran minimum yang dijamin oleh Kementerian Pendidikan akan menjadi satu realiti. Sewaktu kami melangkah ke ITM pada tahun 1969, kami berbaris di depan pejabat vesor pada ketika itu, Pegawai Kewangan, nak dapat RM15 sebulan, RM15 bahagi tiga puluh hari, berapa sen satu hari? Berapa sen? 30 sen, 50 sen? 50 sen satu hari tahun 69, kami line-up, nak ambil duti ni, habis lenyoi IC ITM tu, tiap-tiap bulan berebut-rebut, budak ITM dia rugged sikit, dia tak kira, tak ada gentleman, ladies first ke, gentelman first, tak ada, first come first serve. Oleh itu ajaran yang kami dididik, oleh kerana diri kita diajar untuk survive 'the spirit of servival tu, tak pedulilah, perempuan belakang-ke depan, himpit, kadang-kadang ada cari kesempatan juga.

Jadi, yuran minimum ini harus ditekankan dan kalau boleh adakanlah

price discrimination sikit, bermakna kalau kita tengok anak orang itu, father dia adalah gaji dia lebih kurang, katakan seribu pendapatannya purata, naikkan sikit dia punya yuran. Kalau kita dapat tahu daripada data yang dimiliki oleh ITM, bapanya gaji RM600 lebih, minimum, ibunya RM400 lebih, sekarang ini on the average pada keseluruhan panjang pelajar. Tetapi sekiranya anak orang kampung apabila ITM diswastakan, tolong beri satu jaminan bahawa mereka akan peroleh peluang menuntut di ITM tanpa satu kerisauan bagaimanakah mereka mahu membayar perbelanjaan pendidikan mereka?

Beberapa Ahli Yang Berhormat
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nak bagi yang mana satu?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya (*Ketawa*) terima kasih, saya sokong Parit Sulong. Jadi saya minta penjelasan sikit, baru-baru ini bila nak masuk universiti, untuk pendaftaran, seorang pelajar itu kena bayar dulu RM1,200, di UTM di Johor dan sebagainya. Jadi, banyak anak-anak kampung kita yang susah, yang pendapatan keluarganya kadang-kadang RM600 kebawah dan ada juga anak-anak PPRT yang mendapat tawaran ini dan tidak memasuki universiti ini. Jadi adakah Yang Berhormat, kita dulu dengar ada kementerian nak adakan satu tabung. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya tabung ini juga diberi sebagai satu pendahuluan kepada budak-budak ini untuk memasuki universiti? Dulu MARA ada, tapi MARA pun jem la ni, dia tak bagi dah, dia tak bagi yang tu jadi masalah banyak dan masalah ini selalunya akan datang kepada wakil rakyat dan wakil rakyat pun kalau tuan-tuan tengok slip yang kita terima hari ini, slip gaji tinggal berapa duit

(*Ketawa*) itupun tak potong, elaun rumah, kereta apa semua, potong hak tu, hem .. tak ada apa, harap elaun persidanganlah.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau tabung ini kita gunakan juga untuk pendahuluan kepada rakyat-rakyat yang miskin, pelajar-pelajar yang miskin yang memerlukan pendahuluan untuk dia nak masuk ke universiti? Bila masuk universiti, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat setuju tak, kadang-kadang biasiswa bukan dapat on the spot, dia kena tunggu sebulan dua, ada yang tiga bulan. Jadi, budak-budak ini nak makan apa? Merana, kadang-kadang makan Maggie mee sahaja, makan Maggie mee hari-hari sakit perut, dia kena gastric. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormatlah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetujulah tetapi kalau lebih praktikal lagi, oleh ITM ini wujud akta satu entiti dan akta yang berbeza, kita wujudkan satu dana yang berbeza. Tetapi menjurus ke matlamat yang sama dan untuk itu juga mungkin ITM akan mengerakkan, membuat satu sosial mobilisasi dimana 100 ribu lebih pelajar ini harus digerakkan untuk membuat pelaburan pulang kepada ITM. Kalau seorang RM10, kalau hari ini kita mempunyai lebih kurang 104,502 orang kali RM10; itu mungkin boleh dijadikan asas kepada dana pendidikan ITM di masa akan datang. Masalah bagaimanakah kita mahu mobilisasikan mereka, kita serahkan kepada kebijaksanaan kepimpinan ITM dan mungkin kepada pelajar-pelajar yang ada di luar, itu boleh dijadikan asas. Satu contoh yang besar 104,502 orang graduan ITM sekarang ini berada di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan bangun lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang

di-Pertua, ini satu cadangan yang baik. Saya mencadangkan kerana Yang Berhormat Parit Sulong pun bekas pelajar ITM kalau boleh Yang Berhormat jadi chairman kepada tabung tersebut (*Ketawa*) dengan kerjasama ITM, gerakkan, kutip seorang RM10. Ini saya nak beri penghormatan kalau boleh, Yang Berhormat jadi chairman (*Ketawa*).

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah, saya ni dah banyak sangat chairman (*Ketawa*) tapi insya-Allah, walaupun saya mungkin kurang sanggup untuk memimpin tapi kita sanggup untuk memberi gerakan, the movement should start now bermakna gerakan itu harus bermula sekarang. 104,502 orang kali RM10 boleh diwujudkan tabung asas dana pendidikan ITM untuk membantu anak-anak dari kampung yang alamatnya di ceruk-ceruk tu, supaya mereka dapat belajar, supaya mereka tidak dibelenggu oleh psikologi, bahawa apabila ITM dikorporatkan habislah peluang bumiputra, unfortunate bumiputra untuk belajar di dalam ITM, Insyaallah kita akan mengerakkan tabung itu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan cadangan Yan untuk mewujudkan dana, saya ucapkan syabas. Saya nak bertanya juga kepada Parit Sulong, kalau dahulu boleh dikatakan majoriti ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke ITM merupakan luar bandar tapi sudah ada sekarang, ramai juga bumiputera yang berpendapatan tinggi, pengusaha yang mampu untuk membayar yuran penuh kepada ITM, mengapa tidak kita syorkan supaya mereka yang mampu itu membiayai sepenuhnya untuk anak mereka belajar di ITM, dana ini nanti akan kita gunakan untuk membantu, apa yang disarankan oleh Parit Sulong, apa yang disarankan oleh Yan sebentar tadi?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, itulah

harapan saya, oleh sebab itu saya kata kita harus mempunyai strategi prust discrimination, kalau yang betul benar-benar mampu 100% charge, yang kurang mampu 50% bayar 50%, yang 100% tidak mampu gunakan dana, ini akan membuka peluang yang lebih ramai. Dan saya ingin menyatakan bahawa anak orang besar-besar juga sekarang ini berkejar ke ITM bukan kerana ITM tidak baik dari dulu tetapi reputasi ITM itu menjadi lebih masyhur.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya harap pengambilan pelajar ke ITM, janganlah baki-baki yang sudah disaring oleh Unit Pusat Universiti itu dihantar ke ITM. Kita make it open market, siapa yang minta ITM, dia punya first option beri ITM, jangan yang UPU entah dari mana punya system of scouting, budak yang brilliant apa, walaupun first choise dia ITM. No, I should channel to USM, misalnya, dengan izin, it should be. Siapa yang minta first option ITM, kalau kursus itu ada di ITM, berilah mereka ITM, jangan lagi UPU mengibaratkan ITM sebagai bakul sampah, last option. Ini saya harap, apabila akta ini diluluskan, taraf ITM naik universiti, pengambilan pelajar ada menerusi UPU juga harus diliberlis, siapa minta ITM beri ITM. Jangan siapa minta ITM, oleh kerana dia punya kredit adalah brilliant, maka orang ini dihantar-ke universiti lain, reluctantly walaupun anak itu memohon masuk ke ITM. Perkara ini penting untuk terus melonjakkan martabat dan memberi makna kepada degree yang akan diperolehi oleh ijazah atau graduan-graduan itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang diberi kefahaman kepada saya, sekarang ini UPU agak diskriminate pelajar yang first choice apabila dia accelent, mereka itu brilliant kalau first choise dia ITM, orang ini akan dihantar ke universiti lain. Harap amalan ini dapat dipertimbangkan semula dan dikaji semula supaya ITM juga dapat membantu mewujudkan graduan yang pas excellence.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya minta ITM menganjurkan atau design satu sistem di mana mentaliti ataupun pelajar-pelajar mereka tidak been blinked, tidak lagi menoleh kanan kiri. Saya pernah dijemput ke ITM untuk satu majlis pembacaan puisi, di sana beramai-ramai duduk di square bangunan yang tinggi itu, orang berzikir di situ, dia kata tak boleh baca puisi dilarang oleh Islam. Ini berlaku dalam tahun 80 an. Adakah mentaliti ini masih wujud di ITM, adakah ini cermin pada kemajuan masyarakat Melayu? Kalau tidak, jawabnya ITM harus menangani masalah ini supaya dihapuskan serta-merta.

Kita tidak melarang kebangkitan keagamaan, tetapi kita melarang kemunduran. Jadi, saya harap pihak ITM mengawasi perkara seperti ini design sistem di mana mungkin anak-anak yang diberi pendidikan di ITM tidak menjadi anak yang tersempit pemikirannya dan apabila mereka keluar ke alam yang lebih mencabar globalisasinya, pemikiran mereka menjadi anak-anak yang masih lagi umpama katak di bawah tempurung. Ini haraplah hapuskan dengan segera.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dibisikkan oleh beberapa pengasas ITM yang pernah duduk di dalam Majlis MARA (MARA Council). Dia kata para pengasas ITM khususnya Allahyarham Tun Abdul Razak terkilan untuk melihat ITM mewujudkan kursus perubatan. Dia kata, kalaulah sejak ITM ini diwujudkan pada tahun 1966, diwujudkan Sekolah Perubatan, ataupun School of Medicine, dengan izin, berapa ramai doktor yang telah pun dipasarkan sekarang? Sama seperti persoalannya berapa ramai arkitek telah dipasarkan sekarang? Berapa ramai valuer yang telah dipasarkan sekarang? Persoalan ini halusilah. Oleh kerana ITM sebagai peneroka kepada sebilangan besar kursus-kursus yang sekarang ini very very critical kepada hidup hari ini. Macam saya

katakan, Computer Science, Applied Sciences dan sebagainya, Statistic, Accountancy, Actuarist, kalaulah umpamanya pada tahun 1966 diwujudkan Sekolah Perubatan di dalam ITM, berapa ramai doktor telah dikeluarkan dari ITM? Jadi, saya harap pihak pemimpin ITM pada hari ini fikirkanlah sama ada relevan atau tidak ITM mewujudkan Sekolah Perubatan (School of Medicine) sama ada secara sendiri, secara bersama, secara usaha sama, berganding atau apa pun caranya. Cubalah kita penuhi harapan Allahyarham pengasas ITM ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, setelah saya membangkitkan masalah nostalgia dan juga harapan-harapan, sebenarnya dalam satu perhimpunan Alumni ITM pada tahun 1987 saya telah diminta menulis satu puisi mengenai ITM dan puisi itu saya namakan Kiambang Bertaut. Kata-kata puisi ini bukan puisi, mungkin hanya barisan kata-kata yang puisi.

Kiambang Bertaut

Dari dusun, dari desa, dari perbatasan tanpa kota, kami redah hutan belantara, kami harung sungai dan paya.

Kami pikul segala sengsara, kami tatang air mata duka, debu-debu di kaki, daki dan lumpur menumpang sama.

Kami satukan tekad jihad dan misi pengorbanan, menjejak kaki ke kampus Institut Teknologi Mara, membina tugu ilmu anak peribumi.

Musim demi musim, perjalanan semakin jauh, pengorbanan terus membara, kami himpun segala tenaga.

Kami kutip segala pengalaman, ditadah peluh dan air mata, dititiprindu pada bangsa Melayu dan terbinalah sebuah pelabuhan jaya di pinggir tugu ilmu yang semakin melangit tingginya.

Maka, tersemailah benih-benih bunga bangsa, menguntum senyum, merkah harum, wangi dan segar, merah dan putih, kuning dan biru, menyeri taman perjuangan bangsa di meratarata, di mana-mana tanpa jemu, tanpa renti, setiap musim silih berganti, yang baru terus mengalir ke arah jaya, yang lama terus tegap memagar bangsa umpama kiambang taut bertaut setiap masa. Taut bertaut saban ketika akarnya kukuh, kuntumnya sunyi di dalam serba suasana.

Begitulah kami anak-anak peribumi, begitulah kami kiambang-kiambang yang sentiasa bertaut dan bunga-bunga yang sentiasa segar, tak mungkin gugur, tak mungkin luruh, membina hidup menegak kebenaran, tanpa gentar pada sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong.

11.45 pagi.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institut Teknologi Mara (Pindaan) 1996 memberikan kuasa kepada ITM antara lainnya mengeluarkan ijazah-ijazah ataupun anugerah kehormat dan menubuhkan cawangan-cawangan di luar Malaysia. Ia juga bertujuan memberikan status ijazah peringkat sarjana muda, dengan ataupun tanpa kehormat, diploma dan diploma lanjutan yang dikeluarkan oleh ITM dan yang telah diiktiraf oleh kerajaan akan disamatarafkan dengan ijazah dari hari kerajaan memberikan pengiktirafannya.

Bersama-sama dengan pindaan-pindaan ini, ITM akan mempunyai kuasa universiti yang sepenuhnya. Sebenarnya, ia memiliki kuasa yang lebih daripada

universiti biasa. Ini adalah kerana ITM bukan sahaja akan dapat mengeluarkan ijazah sama peringkat Sarjana Muda ataupun peringkat Sarjana ataupun Peringkat Doktorat ialah Seksyen 2C yang baharu serta ijazah-ijazah kehormat atau anugerah kepada orang-orang yang menyumbang dalam kerja-kerja memajukan atau menyebarkan pengetahuan ataupun yang telah melakukan perkhidmatan awam yang unggul sebagaimana yang dicadangkan oleh Badan Pengarah setelah berunding dengan Senat ialah Seksyen 4(iii)(ba) yang baharu. Ia juga dapat memberikan status peringkat ijazah sarjana muda kehormat kepada diploma dan diploma lanjutan yang dikeluarkan masa dulu dengan kesan diundur atau restropective tarikh pengiktirafan mereka.

Kuasa luar biasa ini diberikan mengikut Fasal 11 Seksyen 4(2) yang baru yang berbunyi:

“4(2)- Institut boleh dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menyatakan:

- (a) Diploma dan Diploma Lanjutan yang dianugerahkan oleh institut yang telah diberi pengiktirafan oleh kerajaan sebagai setaraf dengan ijazah di peringkat Sarjana Muda; dan
- (b) Tarikh-tarikh Diploma dan Diploma Lanjutan itu diberi pengiktirafan oleh kerajaan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a) dan Diploma dan Diploma Lanjutan itu hendaklah diberi taraf ijazah yang dianugerahkan di peringkat Sarjana Muda, dengan atau tanpa kepujian, mengikut mana-mana yang berkenaan dari tarikh pengiktirafan sedemikian diberikan walaupun tarikh pengiktirafan

itu adalah tarikh sebelum tarikh mula berkuatkuasanya subseksyen ini.”

Tuan Yang di-Pertua, dua persoalan timbul dengan segera. Pertama, apakah rasional dan justifikasi menaikkan pangkat Diploma dan Diploma Lanjutan bersama dengan restrospective effect pengiktirafan menjadi status ijazah universiti.

Sekiranya ITM dan kerajaan berpendapat bahawa sesetengah Diploma atau Diploma Lanjutan ITM telah mencapai status ijazah universiti, maka tindakan yang sepatutnya dan betul adalah memberikannya status ijazah Sarjana Muda tetapi bukan diberikan juga kesan pengunduran tarikh (restrospective effect).

Rang Undang-undang (Pindaan) ITM 1996 ini telah memberikan kuasa yang luar biasa dan tidak sihat kepada ITM bersama kelulusan dari Menteri Pendidikan untuk menaikkan taraf sesuatu diploma menjadi ijazah dengan kuasa pengunduran tarikh, suatu kuasa yang tidak dihadkan oleh sebarang faktor masa. Ini bererti bahawa kenaikan taraf diploma ITM boleh ada restrospective effect ke 20 tahun yang lepas.

Tindakan sebegini sungguh tidak adil kepada para graduan yang baru mendapat kelulusan dari kursus ijazah universiti yang ditawarkan oleh ITM melalui merit sendiri kerana di masa depan, para majikan yang memeriksa curriculum vitae (CV) pemegang ijazah ITM perlu memastikan sama ada ijazah yang berkenaan dahulunya hanya berstatus diploma.

Sekiranya precedent begini dibenarkan, maka adakah Parlimen akan diminta pada masa depan bahawa sesetengah universiti di negara ini harus diberikan kuasa untuk menaikkan tingkat, dengan kesan retrospective effect ijazah-ijazah sarjana muda mereka kepada peringkat sarjana dan lain-lain.

Pada masa kini di mana Malaysia sedang cuba membentuk reputasi sebagai sebuah pusat pendidikan cemerlang antarabangsa, kuasa pengunduran tarikh atau retrospective effect untuk menukarkan diploma atau diploma lanjutan ITM menjadi ijazah ini bukanlah sahaja tidak akademik (unacademic), tidak profesional, malah akan merosakkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap kualiti dan standard pendidikan Malaysia.

Persoalan yang kedua adalah, mengapakah selama ini kerajaan tidak meningkatkan taraf ITM menjadi sebuah universiti penuh, kerana mengikut pindaan kali ini, ITM akan mempunyai kuasa penuh untuk mengeluarkan ijazah, sama ada sarjana muda, sarjana atau doctorate serta ijazah-ijazah dan anugerah-anugerah kehormat.

Mengikut Laporan Tahunan ITM 1992 (yang merupakan laporan terakhir yang dibentangkan di Parlimen—yang tidak memberikan gambaran baik mengenai keefisiensi ataupun kebolehannya), ITM menawarkan 93 jenis kursus dalam lapan peringkat, di mana 50% daripada kursus tersebut adalah di peringkat ijazah.

Ini memperkuat lagi kes untuk menaikkan taraf ITM menjadi sebuah universiti penuh, yang pada hakikatnya merupakan matlamat Pemuda UMNO selama ini, sekurang-kurangnya merupakan matlamat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, semasa beliau memegang jawatan Timbalan atau acting Ketua Pemuda UMNO sebelum kuasa tersebut diserahkan kepada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang kononnya telah dibersihkan namanya dari tuduhan rasuah dan merogol seorang budak 15 tahun—satu perkara yang hanya memuaskankan hati Peguam Negara dan bukannya orang ramai pada keseluruhannya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada masa itu acting UMNO Youth Leader telah mengkritik bekas Menteri Pendidikan masa itu Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud pada Oktober 1994 apabila beliau menolak cadangan Pemuda UMNO untuk menaikkan status ITM menjadi universiti. Beliau telah melahirkan dengan rasa terperanjatnya terhadap sebab-sebab yang diberikan oleh Menteri Pendidikan dan mengumumkan bahawa Pemuda UMNO sungguh serius tentang seruannya untuk menaikkan status ITM menjadi universiti.

Sungguhpun mereka sungguh serius, Pemuda UMNO nampaknya telah menggugurkan seruan dan kempennya untuk menaikkan status ITM menjadi sebuah universiti penuh. Sekiranya demi sebab-sebab tersendiri, Pemuda UMNO tidak lagi mahu menyeru supaya ITM dinaikkan pangkat menjadi sebuah universiti, maka kita bersedia untuk mengisikan vacuum yang ditinggalkan oleh Pemuda UMNO ini dan menyeru kerajaan supaya menaikkan status ITM menjadi universiti penuh.

Ini adalah kerana mengikut pindaan ini, ITM akan diberikan kuasa untuk mengeluarkan ijazah dan ijazah kehormat, maka ia harus dinaikkan status menjadi universiti penuh. Jika tidak orang akan curiga bahawa graduan ITM sebenarnya tidak menikmati status universiti yang sewajarnya dan mereka ini mendapat ijazah universiti bukannya disebabkan oleh pencapaian akademik, tetapi atas pertimbangan politik. Ini sungguh tidak adil kepada para pelajar baru ITM yang mendapat ijazah mereka melalui merit sendiri dan kerja kuat yang dicurahkan.

ITM masa kini haruslah dibahagikan kepada dua institusi, sebuah menjadi universiti penuh untuk mengeluarkan ijazah-ijazah dan anugerah kehormat sementara ITM yang sedia ada harus

dikekalkan untuk menjalankan latihan dan mengeluarkan pemegangan diploma yang cemerlang dalam aspek-aspek teknikal.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus sedar bahawa ITM tidak akan mendapat reputasi sebagai pusat pendidikan cemerlang taraf antarabangsa melalui kuasa menukarkan diploma dan diploma lanjutannya menjadi ijazah sarjana muda dengan atau tanpa kepujian.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan di Malta bulan April ini selepas menyampaikan keynote address di Persidangan Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) bahawa Malaysia bertujuan menjadi negara pertama di dunia ini di mana perkhidmatan awam yang berkakitangan seramai 800,000 akan layak mendapat standard kualiti ISO 9000. Inilah apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menyampaikan keynote address di Malta, dengan izin:

"Quality has become a much sought-after target. If goods produced must meet a certain standard, surely service, government services included, must achieve a certain degree of quality. ISO 9000 should not be for the factories of the private sector alone. Government administration must also vie for the coveted award. A good government administration cannot be of lower quality than its clients—largely the private sector. It must complement the private sector fully if it is going to serve the country and contribute towards its growth and well-being of the people."

Parlimen harus memerhatikan bahawa agar pada masa yang sama juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutuk indeks korupsi antarabangsa 1995 suatu NGO yang telah meletakkan

Malaysia di tempat ke-23 dalam senarai 41 negara, atas sebab NGO berkenaan adalah bertapak di dunia Barat iaitu Transparency International di Berlin - tetapi beliau telah menerima standard ISO 9000 yang ditetapkan oleh sebuah organisasi Barat iaitu International Standard Organisation yang bertapak di Geneva.

Selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pengumuman tersebut di atas, para Menteri Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri mula menunjukkan kegilaan (frenzy) mereka terhadap ISO 9000 di mana Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Perak dan kerajaan-kerajaan negeri yang lain telah mengumumkan rancangan untuk melaksanakan standard kualiti ISO 9000 kepada perkhidmatan awam mereka.

Malah Kerajaan Negeri Sarawak, menerusi Setiausaha Negerinya telah melangkah tapak yang lebih besar apabila beliau mengumumkan bahawa dengan izin, "The Sarawak State civil service will implement ISO 9000 quality standard the moment we receive the directive from the Federal Government..... Definitely we will try to achieve the standards as required by ISO 9000, if not better than that".

ISO 9000, Tuan Yang di-Pertua, merupakan seri standard yang dikeluarkan International Standard Organisation yang bertapak di Geneva dan merupakan garis panduan yang diterima oleh masyarakat antarabangsa untuk memastikan kualiti dalam sesebuah organisasi.

Saya tidak bertujuan berbahas di sini mengenai tajuk perkhidmatan awam Malaysia yang menuju ke tahap ISO 9000 kecuali untuk note bahawa adalah tidak mungkin bagi Malaysia melayakkan diri ke ISO 9000 sekiranya korupsi tetap berleluasa sebagaimana yang digambarkan oleh indeks korupsi antarabangsa (Transparency International) ataupun terus

berlakunya berbagai malapetaka yang disebabkan oleh hasil kecuaiannya manusia atau tindakan kerajaan dan yang telah ditolak tanggungjawabnya dengan mendakwa semua yang berlaku hanyalah takdir Tuhan.

Saya membangkitkan pengumuman ISO 9000 oleh Perdana Menteri ini dengan tujuan bertanya suatu persoalan yang spesifik kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Memandangkan Malaysia kini berhasrat menjadi negara pertama di dunia untuk mencapai standard kualiti ISO 9000 untuk perkhidmatan awamnya, adakah semua universiti dan institusi pendidikan tinggi di negara ini sama ada swasta mahupun yang awam akan dikehendaki melaksanakan standard kualiti ISO 9000 untuk menunjukkan keseriusan Malaysia menjadi sebuah pusat pendidikan cemerlang antarabangsa.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam jawapannya nanti akan memberikan satu penentuan dan bukannya mengelakkan isu ini. Beliau seharusnya memberitahu Dewan ini sama ada ITM mempunyai keyakinan untuk mendapatkan pengesahan ISO 9000 dalam masa singkat yang akan datang dan serupanya universiti-universiti atau institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain.

Mungkin ada yang bertanya sama ada standard Sistem Kualiti ISO 9000 ini wajar dilaksanakan ke atas universiti dan institusi pendidikan tinggi? Ini boleh membangkitkan tiga jenis tindakan balas. Pertama sekali, sekiranya standard Sistem Kualiti ISO 9000 dilaksanakan ke atas seluruh perkhidmatan awam di Malaysia, yang mempunyai 800,000 kakitangan, maka tidak ada sebab mengapa ia tidak boleh dilaksanakan ke atas universiti dan institusi pendidikan tinggi.

Kedua, hubungan antara pendidikan dan kemajuan ekonomi sesebuah negara,

globalisasi dan bertambah pentingnya universiti dalam ekonomi pengetahuan yang semakin muncul, semuanya merupakan rasional yang kuat bagi pelaksanaan ISO 9000 ke atas pendidikan tinggi.

Ketiga, standard ini telah berjaya dilaksanakan di universiti dan kolej-kolej di United Kingdom, sebuah negara yang dikenali secara umum sebagai pusat pendidikan cemerlang antarabangsa, menjelaskan sebab mengapa UK berjaya menjadi eksport pendidikan yang utama ke Malaysia serta seluruh dunia.

Parlimen boleh menganggap bahawa Rang Undang-undang ITM (Pindaan) 1996 ini adalah sebahagian usaha reformasi pendidikan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat pendidikan cemerlang antarabangsa.

Ini merupakan rang undang-undang keenam yang dibentangkan di Parlimen dalam lapan bulan kebelakangan ini dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan secara terperinci bagaimanakah ITM dan universiti-universiti serta institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia akan mendapat kualiti pendidikan cemerlang bertaraf antarabangsa yang dilau-laukan selama ini? Dengan kata lain, bagaimanakah kita akan menggalakkan para pelajar kita mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran mereka, bagaimanakah kita boleh encourage excellent di kalangan pelajar-pelajar kita?

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberitahu Parlimen apakah kedudukan sistem pendidikan Malaysia dalam arena antarabangsa? Bagaimanakah taraf pelajar Malaysia, sama ada dalam peringkat rendah, menengah ataupun universiti bila dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia?

Adakah Malaysia mengambil bahagian dalam penyelidikan antarabangsa

mengenai pencapaian pendidikan dan bagaimanakah pencapaian dan prestasi pelajar kita apabila dibandingkan dengan negara-negara yang pelajar mereka mencapai kedudukan baik dalam ujian-ujian antarabangsa serta bila dibandingkan dengan negara-negara yang memiliki sistem pendidikan yang menikmati esteem antarabangsa.

Perkara seperti ini sungguh penting lebih-lebih lagi dalam arena mata pelajaran yang berubah dengan pantas seperti matematik, sains dan teknologi yang memegang kunci ke atas pertumbuhan ekonomi dan yang akan menentukan sama ada Malaysia boleh menjadi lebih kompetitif di dalam ekonomi global yang berkembang dengan pesat serta menghadapi cabaran-cabaran masyarakat yang diresapi teknologi ini, termasuk juga ancaman alam sekitar yang kompleks.

Beberapa kajian antarabangsa mengenai pencapaian pendidikan yang dijalankan serentak dalam beberapa negara yang mempunyai sistem pendidikan yang berbeza telah dijalankan sejak tahun 1960-an, misalnya, yang dijalankan di bawah kawal selia International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IAE) bertapak di Belanda dan International Assessment of Educational Progress (IAEP), tetapi jika saya tersilap sila betulkan saya — Malaysia tidak dimasukkan dalam kajian-kajian sebegini.

IAE dan IAEP telah menjalankan kajian antarabangsa mengenai pencapaian sains dan matematik, sebagai contohnya kajian antarabangsa pertama mengenai pencapaian matematik telah dijalankan pada tahun 1964 oleh International Association for the Evaluation of Educational Achievement dan melibatkan 12 negara, tetapi tidak termasuk Malaysia.

Kajian matematik IAE yang kedua telah dilakukan dalam tahun 1980-an

melibatkan 20 negara, yang termasuk negeri Thai tetapi tidaknya Malaysia. IAE kini mungkin telah mencapai tahap akhir dalam perbandingan pencapaian pendidikan antarabangsa paling bercita-cita tinggi, iaitu The Third-International Mathematics and Science Study (TIMSS) yang merangkumi 50 negara, melibatkan 15,000 budak berumur 9 tahun, 13 tahun dan pelajar-pelajar dalam tahun terakhir high school mereka? Dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sama ada Malaysia kali ini ada dimasukkan dalam kajian cross national kali ini?

Sekiranya Malaysia ingin mencapai objektif menjadi sebuah pusat antarabangsa pendidikan tinggi cemerlang, maka kita memerlukan satu reformasi yang menyeluruh ke atas sistem pendidikan kita, kerana objektif sebegini tidak akan dapat dicapai dalam vacuum di mana reformasi hanya dilakukan dalam peringkat pendidikan tinggi.

Sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah pusat antarabangsa untuk pendidikan tinggi cemerlang, maka ia harus dibentuk di atas asas di mana sekolah-sekolah rendah dan menengah di Malaysia juga merupakan pusat pendidikan cemerlang.

Setiap sekolah rendah dan menengah mesti disemaikan dengan semangat menjadi pusat pendidikan cemerlang, melibatkan bukan sahaja pelajar-pelajar dan guru-guru malah masyarakat pada keseluruhannya. Ini merupakan satu arena di mana keseluruhan pemikiran dan penglibatan orang ramai adalah diperlukan.

Akhir sekali, reformasi pendidikan ini untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat antarabangsa untuk pendidikan cemerlang mesti dilaksanakan dengan dua idea penting iaitu 'pendidikan seumur hidup' dan 'masyarakat ilmu' yang mana belum

dicapai oleh masyarakat kita lagi. Ini paling jelas kelihatan dalam sistem pendidikan yang terlalu terhad di mana orang dewasa yang pada mulanya tidak berpeluang mendapat pendidikan universiti sukar untuk mendapat peluang pendidikan tinggi lagi, kerana peluang pendidikan tinggi untuk pelajar yang matang atau mature students adalah amat terhad di Malaysia.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan mempertimbangkan perkara-perkara yang dibangkitkan ini dengan serius. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kubang Kerian.

12.06 t/hari

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa RIDA, Maktab MARA, Institut Teknologi MARA ditubuhkan dan dibantu oleh kerajaan di antaranya untuk menyeimbangkan kedudukan kaum terutama selepas merdeka. Kita tahu sebelum merdeka peluang-peluang bumiputera dalam bidang pendidikan adalah begitu terhad sekali di mana anak-anak Melayu bumiputera kebanyakannya tumpuan mereka ke sekolah-sekolah pondok, sebab sekolah-sekolah aliran Inggeris begitu sedikit dan ianya terhad untuk anak-anak Melayu bumiputera berada di institut atau sekolah yang ditubuh oleh kerajaan. Kebanyakannya sekolah-sekolah tersebut hanya ada di bandar-bandar seperti Penang, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru.

Maka RIDA ditubuhkan kita tahu sebelum merdeka lagi dan disambung selepas merdeka dengan Maktab-maktab MARA di mana di sini dapat memainkan peranan untuk membimbing bumiputera dalam bidang pendidikan terutama yang disebut oleh Menteri Pendidikan tadi untuk melahirkan bumiputera dalam bidang

profesional dan juga separa profesional.

Memang kita tahu ITM di peringkat awalnya ditubuhkan adalah untuk membantu bumiputera atau anak-anak Melayu yang kelulusannya yang dianggap tidak boleh pergi ke Tingkatan VI ataupun selepas Tingkatan VI ia tidak berjaya masuk ke universiti kerana kelulusan yang tidak mencukupi.

Kami sendiri memang mengalami masalah-masalah ini terutama sekolah-sekolah di luar bandar, misalnya selepas 13 Mei, 1969, kesedaran ada terutama anak-anak Melayu tertinggal dalam bidang pelajaran. Oleh itu, kerajaan melalui parti-parti politik menekankan supaya anak-anak Melayu bumiputera ini terlibat dalam bidang profesional; engineer, dalam bidang perniagaan; akauntan, insrans dan sebagainya, ITMlah tempat melatih mereka ini.

Selepas 13 Mei, 1969 saya sebut tadi, digalakkan pertumbuhan sains tulen atau pure science di sekolah-sekolah, berlaku pada masa itu kekurangan guru yang begitu dahsyat sekali. Kadangkala ada pelajar yang duduk di Tingkatan IV mengambil sains tulen tak ada guru hampir setahun, kemudian didatangkan guru-guru daripada Indonesia. Masalah istilah dan bahasa tidak dapat difahami oleh pelajar-pelajar kita di sini menyebabkan mereka ambil mata pelajaran sains tulen, fizik, kimia, ilmu hisab tambahan dan lain-lain lagi, mereka dapat sembilan-sembilan ataupun lapan-lapan, tak lulus ataupun hanya lulus di peringkat yang paling minimum.

Mereka ini mungkin terdiri daripada pelajar di Sungai Petani, di pedalaman Padang Terap, di Jeli, di Johor dan sebagainya tetapi bila dibawa mereka ke ITM, kemudian mereka diberi pada waktu itu elaun RM15 sebulan, makan tanggung, asrama disediakan, pelajar-pelajar ini dicampuradukkan dengan pelajar-pelajar lulusan MCKK, daripada Kolej Tunku

Kursiah, Tun Fatimah dan sekolah-sekolah berasrama penuh.

Bila diletakkan dalam satu kelas, didapati pelajar-pelajar luar bandar tadi tidaklah teruk sangat. Mereka boleh mengikuti pelajaran, bahkan bila tamat tahun tiga, kadangkalanya kelulusan yang mereka perolehi lebih baik daripada pelajar yang dahulunya daripada MCKK, daripada STAR, daripada Kolej Tun Fatimah dan Tunku Kursiah.

Ini bererti bahawa pelajar yang mendapat kelulusan yang kurang baik di peringkat SPM, kadangkalanya masalah peluang belajar. Di peringkat kampung kita tahulah, di waktu itu kadangkala elektrik pun belum ada, pelajaran tambahan jauh sekali, guru-guru pun tidak cukup, maka mereka belajar sekadar guru-guru yang mampu mengajar mereka, walaupun kita tahu mereka terpaksa pikul pelajaran yang hebat yang baru diperkenalkan pada waktu itu, seperti mata pelajaran pure science dan sebagainya dan mereka hanya lulus gred 3 ataupun lulus yang paling minimum, tetapi bila diberi peluang berada di institut dan bergaul dengan pelajar-pelajar yang lain, dibimbing dalam keadaan yang sama, mereka boleh tamat pengajian dengan baik, selepas mendapat diploma pergi ke Amerika atau ke England, bila balik sekarang sudah memiliki Ph.D ataupun doktor falsafah yang sekarang ini kita lihat penuh di ITM sebagai pensyarah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang akademik, sebenarnya tidak ada penipuan dan diskriminasi kaum. Saya lihat sendiri di ITM, misalnya, zaman kami dahulu pensyarah-pensyarah adalah bukan dari orang-orang Melayu, pensyarah-pensyarah adalah dari Amerika, peace corp dan juga pensyarah-pensyarah dari kaum China. Tetapi dalam bidang akademik, kita lihat ada keikhlasan, sebab dalam bidang akademik, kita tidak boleh tipu. Seorang pensyarah tetap mengatakan

2+2 adalah 4, walaupun dia mengajar itu kepada anak Melayu dan kepada siapa pun, sebab akademik adalah akademik. Sebab itu ITM juga terhutang budi kepada pensyarah-pensyarah bukan Melayu sebenarnya, di peringkat awal dahulu merekalah yang majoriti, terutama sekali di fakulti engineering dan juga di School of Applied Science (Sains Gunaan).

Jadi, kita lihat bahawa peranan yang dimainkan oleh ITM dahulu ada kejayaannya, iaitu mengambil mereka daripada luar bandar dan masuk ke situ dan terbukti bila diberi persamaan hak, persamaan keadaan maka mereka boleh mengikuti pelajaran dan akhirnya tamat dengan pengajian yang cemerlang dan sekarang ini menjadi engineer yang profesional, arkitek dan ada firma sendiri dan mereka telah memenuhi di bank-bank dan di syarikat-syarikat insurans sekarang ini—dipenuhi oleh graduan-graduan ITM, cuma yang nakal macam saya ini tidak sempat habis kerana dibuang kerana tunjuk perasaan. Tidak apalah, tetapi mereka yang telah berjaya, kawan-kawan saya kebanyakannya sudah ada Ph.D sekarang ini, saya ucapkan tahniah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu peranan ini diteruskan, kita tahu sekarang kita kata bahawa Malaysia negara maju, taraf pencapaian ekonominya yang begitu cemerlang dan tumbuhnya bangunan-bangunan yang hebat di dalam bandar, tetapi kehidupan masyarakat luar bandar sebenarnya masih tidak banyak berubah. Kalau kita pergi ke daerah Jeli, Baling, Padang Terap, Larut, Selama, Parit Sulong boleh dikatakan keadaan masih hampir sama. Mereka belajar dalam keadaan sekolah-sekolah, yang kita kata ada, lengkap, tetapi gurunya tidaklah begitu hebat dibandingkan dengan sekolah-sekolah bandar. Sebab itu peranan ITM adalah untuk menampung bumiputera seperti ini hendaklah diteruskan. Jangan lari sedikitpun.

Sebab kita tahu seorang ibu bapa yang ada wang, yang hantar anak mereka ke kelas-kelas tambahan, panggil pula orang untuk memberi bimbingan di rumah, ini mampu dibuat oleh orang-orang yang berada, yang gaji RM3000 - RM4,000 ke atas, tetapi bagi orang-orang biasa, peneroka, penoreh getah, pemandu-pemandu teksi, askar, polis dan sebagainya, mereka masih bergantung 100% kepada pendidikan di sekolah yang mereka hantar anak mereka ke tempat itu. Oleh itu, kelulusan yang diperolehi kadangkalanya di peringkat SPM dan STPM tidak berapa baik, tetapi apabila mereka dibawa ke institut pengajian tinggi, dibimbing setaraf dengan orang lain, mereka boleh mencapai kejayaan seperti orang lain juga.

Dahulu pernah disebut tentang banyaknya drop-out ITM. Mereka hanya masuk ITM setahun, dua tahun, kemudian mereka gagal. Pengarah ITM pada waktu itu Dr. Arshad Ayob memberi komen. Beliau mengatakan drop-out daripada ITM lebih baik daripada mereka di tahap SPM. Sebab di antara mereka ini mengambil kursus-kursus luar seperti kursus akauntan (ICMA), kursus insurans, transport, yang dikendalikan 100% daripada UK dan ITM hanya menjadi host untuk tempat mereka belajar. Daripada mereka tahap SPM Gred 3, dengan mereka tamat pengajian setakat part 2 dalam accountancy, maka bank lebih menerima mereka bekerja daripada SPM berbanding dengan tamat setakat part 2 dalam peperiksaan luar negeri.

Jadi, Dr. Arshad Ayob ketika itu mempertahankan—katanya drop-out itu lebih baik daripada mereka di tahap SPM, daripada mereka dapat part 1, part 2, part 3, maka bank-bank dan syarikat-syarikat lebih menerima mereka daripada lulusan SPM. Jadi, soal drop-out banyak itu telah dipertahankan dahulunya oleh Pengarah yang terkenal iaitu Dr. Arshad Ayob - Pengarah sekarang yang di belakang ini terkenal juga, tetapi saya tidak kenal rapat.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita lihat masalah yang menimpa satu ketika di ITM iaitu masalah dadah, masalah ganja yang masyarakat begitu concern, berlaku begitu hebat pada waktu itu—pada awal tahun 1970-an. Maka di atas kesedaran itu diadakan mata pelajaran Pendidikan Islam dan semua pelajar kena menyertainya dan sejak itulah mata pelajaran itu dipertahankan sampai sekarang ini di mana semua pelajar kena mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sekarang ini, walau pun tadi Ketua Pembangkang meminta supaya ITM disebut sebagai nama sebuah universiti, bagi kami, nama tidak penting. Nama institutkah, sekolahkah, yang pentingnya, sijil pengeluarannya bertaraf ijazah ataupun bertaraf Ph.D. Sebab, kalau kita sebut nama universiti, tetapi sijil pengeluarannya nanti tidaklah setaraf atau sehebat universiti yang lain, maka ianya tetap juga menjadi isu. Nama Institut Teknologi MARA tidak apa dikekalkan, yang penting bagi kita ialah pengajian di situ yang sudah sampai sekarang ini ke tahap Ph.D. yang boleh dikeluarkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, masalah juga timbul sekarang di mana menjelang tahun 2000, ITM akan mempunyai pelajar lebih kurang 100,000 dengan 50,000 sebagai pelajar sepenuh masa dan 50,000 lagi pelajar luar kampus. Jadi, untuk mentadbir lebih kurang 100,000 orang menjelang tahun 2000 ini, sudah tentulah ITM seolah-olah menjadi sebuah kerajaan yang kecil, di mana cawangan-cawangannya seperti kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, di sinilah kita lihat, untuk mentadbir pelajar yang sebanyak ini, kampus yang begitu banyak yang sudah hampir ada di setiap negeri, sudah tentulah akan berlaku masalah dalam pentadbiran—ada grey area yang berlaku di mana di katakan siapa lebih berkuasa di antara kampus induk yang terdiri daripada timbalan-timbalan rektor itu nanti ataupun ketua-ketua kajian dengan

pengetua-pengetua di peringkat cawangan. Jadi, ini akan berlaku berbagai-bagai masalah yang timbul dan kita harap perkara ini akan dapat diperhatikan dengan serius daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat awal dahulu saya katakan tadi, diberi elaun kepada pelajar RM15.00 sebulan, makan semua ditanggung, asrama semua ditanggung, buku semua ditanggung, library—semua ditanggung, pelajaran pengajian semua ditanggung, ertinya mereka hanya diberi makan dan elaun poket RM15.00 untuk beli ubat gigi. Waktu itu, makan nasi hanyalah sekali sehari—waktu malam, waktu tengah harinya makan roti. Perubahan kepada makan nasi ini hanya baru sahaja. Yang saya hendak tekankan di sini, bila ITM dikorporatkan nanti, apakah struktur seperti ini akan berubah, di mana pelajar-pelajar akan terpaksa membayar yuran tertentu untuk mereka masuk ke ITM ini.

Walaupun Menteri telah membuat jaminan tadi, jaminan ini kita bimbang ianya boleh berubah, bila suasana berubah dan Menteri Pendidikannya berubah. Ini yang membimbangkan kita. Bila ia naik ke taraf korporat—ITM dikorporatkan, masalah mencari wang sendiri dan sebagainya, kalau tidak mencukupi, kita bimbang pelajarlah yang akan dibebankan. Menteri kena beri jaminan sungguh-sungguh supaya perkara ini tidak berlaku. Kalau ITM tidak cukup cari duit untuk menampung gaji pentadbiran dan sebagainya, kerajaan kena jamin untuk mencukupkan. Jangan kita bebankan para pelajar, walaupun kita tahu barangkali ada 10%-15% di antara ibu bapa mereka yang mampu menyertai ITM, tetapi kebanyakannya adalah orang-orang yang tidak mampu. Menteri kena beri jaminan sungguh-sungguh dalam hal ini supaya yuran tidak dinaikkan pada masa akan datang, sebab masalah yuran ini adalah masalah pentadbiran kerana bila dikorporatkan. Kita bimbang bila berlaku

anjakan ini, maka yuran juga akan memberi kesan kepada pelajar.

Setakat ini, saya ingin bertanya Menteri Pendidikan walaupun Akta Universiti dan juga pengkorporatan universiti telah pun diluluskan dalam persidangan Parlimen bulan Disember lalu dan di awal bulan Januari, sejauh mana pengkorporatan universiti itu berjalan sekarang, terutamanya Universiti Malaya. Kita mendengar Universiti Malaya sendiri pun masih ada masalah sampai sekarang tidak dapat dijalankan kerana kakitangan akademiknya berbeza pendapat dan juga pengkorporatannya tidak berjalan dengan licin, dan Universiti Malaya sendiri yang dianggap 'pioneer' yang akan menjalankan dalam bidang korporat universiti ini, masih tidak berjalan, kemudian akan diikuti pula oleh universiti-universiti lain. Saya ingin bertanya, setakat manakah perkembangan pengkorporatan universiti yang berlaku kepada institusi pengajian tinggi yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini juga timbul di kalangan pensyarah-pensyarah ITM, iaitu kalau mereka hendak pergi belajar, pinjaman yang diberi oleh ITM kepada mereka kecil kalau dibandingkan dengan universiti-universiti lain. Begitulah juga pensyarah yang sama kelulusan yang berkhidmat dengan ITM, gaji mereka agak lebih rendah daripada kelulusan yang sama yang berkhidmat di universiti lain. Ini rungutan para pensyarah ITM sekarang ini. Kemudian setelah kita lihat peranan yang dimainkan oleh pengajian Islam, adakah ianya terus sampai peringkat servis sahaja bila dikorporatkan nanti? Apakah pengajian Islam ini tidak boleh dijadikan satu school, satu jabatan yang mana ia boleh mengeluarkan juga graduan bertaraf advance diploma dan juga bertaraf ijazah. Ini perlu diperjelaskan, sebab kita lihat, kita bimbang bila pengkorporatan universiti ini berlaku, pengajian Islam ini akan mula terhakis ataupun ia semata-mata pergi ke peringkat servis seperti sekarang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ITM juga akan membuat 'twinning programme' dengan universiti-universiti lain. Sekarang ini ITM kita tahu bahawa 100% pelajarannya adalah bumiputera, yang Islam atau bukan Islam. Asalkan bumiputera, mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ITM. Bila diadakan twinning programme, maka adakah pelajar-pelajar luar yang bukan bumiputera boleh masuk ITM? Ini perlu juga penjelasan daripada pihak menteri.

Kemudian dengan pengkorporatan ini, sekali lagi saya tekankan, sejauh manakah fungsi asal untuk membantu golongan bumiputera ini tidak terjejas dan peringkat pencapaian di sudut ekonomi juga tidak terjejas kepada penuntut-penuntut bumiputera yang akan masuk ke sini. Saya juga ingin bertanya, dengan ITM diizinkan untuk mengeluarkan ijazah sampai ke peringkat Ph.D, sejauh manakah ia tidak terjejas keupayaan ITM untuk mengeluarkan pelajar-pelajar seterusnya yang bertaraf diploma dan juga advance diploma. Sebab kita tahu, untuk mengeluarkan para pelajar yang bertaraf Ph.D selalunya mereka banyak pensyarah yang hendak dikeluarkan itu tidak ramai. Sedangkan sekarang walaupun sedikit pensyarah, dapat dikeluarkan pelajar yang ramai. Jadi, tumpuan ini yang perlu kalau kemampuan untuk mengeluarkan Ph.D, maka kita bimbang terjejas pengeluaran di peringkat profesional dan separuh profesional yang berlaku sekarang ini.

Kemudian, untuk mengeluarkan taraf Ph.D, pensyarahnya ramai. Gajinya tentulah banyak kepada pensyarah tersebut. Yang kita dapat keluarkan tidaklah ramai. Ph.D barangkali kita keluarkan setahun 20-30 orang ataupun 15-16 orang dengan pensyarahnya, tenaganya digunakan begitu banyak. Sedangkan untuk mengeluarkan profesional dan subprofesional, separuh profesional, tenaganya tidak begitu ramai, tetapi pelajarannya boleh dikeluarkan begitu ramai. Ini kebimbangan juga sesetengah

pensyarah-pensyarah ITM, mereka bimbang fungsi ini akan lari. Sesetengah pensyarah ITM rasa kalau ditumpukan ke peringkat pengeluaran Ph.D, fungsi asalnya akan terjejas. Jadi, rungutan para pensyarah yang saya sampaikan ini diharapkan menteri dapat memberi keyakinan kepada mereka. Kemudian penentuan penawaran kursus juga mesti ditegaskan supaya kursus-kursus yang ada sekarang ini ditambah bukanlah, misalnya penumpuan itu pergi kepada satu-satu hal yang mudah dikeluarkan Ph.D nanti.

Kemudian mengenai bahasa pengantar. Bahasa pengantar juga menjadi masalah. Dahulu ITM hampir sepenuhnya dijalankan pengajiannya dalam bahasa Inggeris. Mereka yang daripada aliran Melayu terpaksa duduk satu tahun 'remove class' ataupun kelas persediaan untuk mereka masuk ke Tahun Satu, dan mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris. Kemudian ia berpindah kepada Bahasa Malaysia, walaupun bahasa Inggeris terus ditekankan, tetapi Bahasa Malaysia menjadi bahasa utama. Dengan pengkorporatan ini, adakah juga ia memberi kesan kepada bahasa, iaitu bahasa Inggeris akan diutamakan balik dan juga Bahasa Malaysia akan menjadi sampingan. Penegasan ini juga perlu dijelaskan oleh bapa menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengkorporatan universiti ini, kita juga harap supaya kebebasan kepada persatuan pelajar mesti ditingkatkan sesuai dengan pertumbuhan pelajar yang begitu hebat dan mereka pula nanti pelajar-pelajar bukan lagi peringkat diploma, sudah ada peringkat ijazah, peringkat Ph.D. Oleh itu, JPP ataupun persatuan pelajar ini hendaklah ditingkatkan. Kebebasan hendaklah diberi kepada mereka. Kita tidaklah mahu, misalnya calon-calon untuk duduk dalam jawatankuasa pelajar ini ditunjukkan oleh dekan, ditunjukkan oleh ketua school, yang ini boleh jadi calon, yang ini tidak boleh, yang ini jangan,

yang ini tak boleh, ataupun yang hendak menjadi calon mesti mendapat point 3.5 ke atas.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat dari Kubang Kerian beria-ia sangat hendak memberikan satu gambaran yang agak bebas bagi ITM menentukan pemimpin-pemimpin persatuan pelajar. Apakah rahsia agaknya, saya ingin bertanya. Adakah untuk lebih memudahkan saudara Ahli Yang Berhormat untuk masuk ke ITM dan memberikan ceramah dan kursus yang berbentuk menghentam kerajaan dan sebagainya ataupun "ada undang di sebalik batu"?

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat beria-ia sangat meminta supaya bapak menteri kita untuk memberikan jaminan tentang bahawa kenaikan yuran tidak akan berlaku dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat mahu supaya menteri memberi jaminan sebagaimana yang Kerajaan PAS berikan jaminan kepada rakyat Kelantan waktu pilihan raya dahulu bahawa mengatakan kalau PAS menang, road tax tak naik, tak payah bayar, bantuan kepada orang miskin akan dapat sebulan RM100 dan sebagainya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Memang dahulu semasa pelajar kita ada kebebasan. Kita tidak mahu adik-adik kita tidak ada kebebasan, terutamanya dalam bidang politik yang sihat. Jadi, itu yang kita ada sekatan yang terlalu banyak dalam universiti. Keluar nanti, mereka hendak jadi pembangkang jadi juga. Sekarang ini, pelajar-pelajar yang graduan kebanyakannya menyertai PAS, jarang

menyertai UMNO. Kemudian, jaminan Kelantan mengenai road tax, itu jaminan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO lama yang akan masuk bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat tak lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung petang nanti.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat dtempohkan hingga jam 2.30 petang nanti.

Dewan dtempohkan pada pukul 12.30 tengah hari.

Persidangan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat dari Kubang Kerian menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa

yang sedikit sahaja lagi. Tadi saya menyentuh soal Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) supaya pihak institut memberi sedikit kebebasan terutama dalam menganjurkan forum-forum. Usahlah disenaraikan orang ini tidak boleh masuk, orang ini boleh masuk. Berilah kebebasan termasuklah parti-parti pembangkang boleh hadir dalam program-program pelajar, forum-forum dan sebagainya sebab pelajar hendaklah didedahkan kepada pengetahuan yang terbuka.

Pelajar yang mengikuti forum belum tentu mereka akan menyokong pembangkang. Bahkan kita lihat juara yang menentang kerajaan semasa di kampus akhirnya sekarang sudah jadi Timbalan Perdana Menteri. Ini tanda bila kebebasan diberi mereka boleh berfikir dan mengambil parti mana yang mereka hendak pilih selepas mereka graduate nanti. Begitulah juga juara kampus seperti Yang Berhormat dari Parit Sulong yang dulunya pembangkang tetapi sekarang jadi Ketua Backbenchers. Jadi, kebebasan diberi pada waktu itu dan tidaklah memudaratkan kepada negara. Kita harap ITM pun begitulah juga. Diberi kebebasan kepada pelajar-pelajar, JPP menganjurkan forum dan sebagainya dan beri kebebasan kepada mereka untuk menjemput siapa yang mereka kehendaki untuk mereka dengar pandangan-pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, ITM ini dirancakkan pengambilan pelajarannya dan juga ITM itu sendiri terutama sekali selepas konvensyen bumiputera terutama selepas 13 Mei di mana pandangan ahli-ahli akademik, ahli-ahli politik diambil dan sehinggalah ITM itu diperbesarkan sehingga sekarang. Soalnya sekarang bila hendak dikorporatkan adakah pandangan ibu bapa, pelajar, ahli akademik, kakitangan ditinjau sepenuhnya tentang persetujuan mereka dan untung ruginya ITM bila dikorporatkan nanti. Oleh itu, perkara ini adakah diambil kira pandangan semua pihak terutama sekali kakitangan

dan juga tokoh-tokoh akademik tentang untung ruginya bila ITM ini dikorporatkan?

Kita lihat setakat ini yang banyak menggunakan kepakaran ITM adalah kerajaan. Misalnya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang mendapat expert ataupun projek yang ITM iaitu bio-teknologi, bilangan projeknya empat dan saya difahamkan bahawa peruntukan yang diluluskan lebih kurang RM265,500. Begitu juga projek rundingan yang aktif sehingga April 1996, yang dijalankan oleh ITM sekarang ini kita lihat memang peningkatan di pihak swasta iaitu 42 yang telah menggunakan kepakaran di ITM, kerajaan 19 dan ITM sendiri membuat kajiannya lebih kurang 16 projek. Maka, kita lihat keadaan ini tidak cukup untuk ITM mencari wang untuk membiayai institut itu sendiri sebab swasta tidak lagi menjadikan ITM sebagai satu tempat untuk mereka membuat kajian.

Kemudian, sebagai institut teknologi yang 100% pelajarannya adalah bumiputera, sudah tentulah expert yang akan diberi atau diutamakan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Kita lihat sekarang bila SIRIM diswastakan, satu projek misalnya consultant fees kepada satu projek penapisan air yang dibuat oleh bumiputera dari Jitra, dikenakan lebih kurang RM340,000. Bagi IKS atau syarikat bumiputera yang mula hendak bergerak dalam bidang perniagaan, bila bayaran rundingan ini sahaja (consultant fees) sampai RM300,000; maka dia terkejut. Wang modalnya sudah tentulah lebih banyak akan dikeluarkan dan kita harap ITM ini akan memberi satu consultant fees yang murah, tetapi bila murah pula, ia tidak dapat duit untuk membiayai kos bila ITM dikorporatkan. Perkara ini hendaklah difikirkan semasak-masaknya. Kalau tidak, semua perbelanjaan meningkat, maka IKS hendak mengambil nasihat di mana? Jikalau SIRIM

diswastakan, yang tinggal sekarang MARDI. MARDI kebanyakannya memberi nasihat dalam bidang pertanian. Jadi, kita lihat semuanya ini akan membebankan bumiputera terutama IKS dalam jangka masa yang panjang.

Sebab itu, peranan ITM seperti yang saya sebutkan tadi, jangan lari daripada mendidik bumiputera, jangan lari daripada membantu bumiputera. Keuntungan hendaklah difikir sebagai perkara yang kedua. Kalau kita letakkan dalam pemikiran korporat, keuntungan terlebih dahulu, maka yang akan binasa, yang akan pincang nanti ialah kedudukan orang Melayu, kedudukan bumiputera di tanah air kita.

Sekianlah pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yan.

2.38 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan akta Institut Teknologi MARA (ITM) untuk mengkorporatkan ITM itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang memberi sokongan yang kuat untuk kita mengkorporatkan pusat-pusat pengajian tinggi, universiti-universiti, kerana ini dibuat dengan matlamat dan tujuan yang baik iaitu pertamanya untuk mempertingkatkan prestasi pusat-pusat pengajian tinggi tersebut. Di samping itu juga, memberi laluan sepenuhnya untuk badan-badan universiti itu ataupun institusi-institusi pengajian tinggi itu mentadbirkannya secara lebih bebas, di samping yang pentingnya juga mengeluarkan cerdik-cerdik pandai yang akan menjadi warisan anak bangsa kita di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan juga ITM boleh mencari

sumber kewangannya sendiri. Di dalam akta ini tidak ada mengatakan hendak tubuhkan anak syarikat. Saya bukan tidak setuju kalau tubuhkan anak syarikat. Tetapi kalau banyak sangat anak syarikat, dia bercelaru. Jadi, tujuan asalnya hendak mengeluarkan tenaga pelajar tetapi bila dok kalut berniaga, nanti jadi haru-biru. Jadi, saya harap kita cari sumber kewangan yang lain dan saya kira dengan mengkorporatkan ITM, maka pertamanya tenaga kerja ITM itu juga perlu diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pelajar-pelajar yang baik, pertamanya guru-guru itu kita kena jaga. Zaman beri beras atau beri fitrah kepada guru mengajar Al-Quran itu sudah berlalu. Sekarang ini zaman baru Tuan Yang di-Pertua. Dulu macam masa saya mengaji di kampung, bila hari raya kita berilah duit hari raya, beri fitrah kepada dia. Tetapi sekarang ini zaman baru, zaman canggih serba-serbi. Jadi, kita kena pertingkatkan. Berikan peluang yang baik, ganjaran yang baik kepada tenaga-tenaga pengajar, kepada tenaga-tenaga pekerja supaya mereka akan dapat merasa bahawa tenaga mereka ini mendapat satu balasan yang seimbang. Jadi, mereka akan boleh mempertingkatkan. Mereka tidak akan berkira riang. Dulu, Tuan Yang di-Pertua, guru-guru bukan berkira riang. 'Riang' ini maknanya tenaga. Dia buat kerja. Guru ini tidak ada peluang lain. Guru setakat gurulah. Kalau pensyarah dok tang pensyarah jugalah. Tetapi satu hari mereka tengok anak muridnya berjalan ambil ijazah, ijazah kedoktoran dan sebagainya, dia merasa bangga. Ada setengah guru meleleh air mata tengok, "Inilah anak-anakku yang aku ajar." La ini, itu dia sudah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, macam itu jugalah baru-baru ini bila MARA beli kereta beri kepada pengetua, riuh satu Malaysia—satu Malaysia riuh kerana MARA membeli kereta seorang sebuah

kereta untuk pengetua, bukannya pakai untuk pergi joli—tidak, dia pakai hendak pergi kerja. Kadang-kadang kalau pakai kereta mereka pun maklumlah hendak claim mileage, kadang-kadang lambat—query sana, query sini. Jadi beri kereta MARA, itu pun bising, sedangkan guruguru di MRSM—ini contoh yang saya hendak beritahu kepada Dewan Rakyat, kalau mereka pergi mengajar di sekolah menengah biasa pun macam itu jugalah pukul 1.30 tengah hari mereka balik, duduk di rumah main dengan anak dan isteri—sudah. Tetapi di MRSM mereka kena datang lagi untuk mempertingkatkan, untuk membawa keluar anak-anak Melayu kita ini supaya mereka jadi cerdik, hak yang 'tak reti' kita ajar jadi cerdik dan sebagainya. Masa dan tenaga mereka buang untuk anak murid, tetapi kalau kita hendak kira ganjaran yang kita beri sedikit-sebanyak kepada tenaga-tenaga ini, maka mereka pun merasa tidak 'syok'lah, Tuan Yang di-Pertua, rasa tidak 'seronok'.

Saya kiralah sesudah kita korporatisekan, memang betul hasrat dia hendak beri ganjaran, peningkatan atau kenaikan pangkat yang sewajarnya, jawatan-jawatan yang bagus, kemudian beri nama-nama baru pula macam kita hendak beri nama daripada 'Majlis' ke 'Lembaga', kemudian daripada 'Pengarah' kepada 'Rektor'—baguslah, berilah nama apa-apa pun asal kerja menjadi sudah! Kadang-kadang beri nama baik-baik pun, kerja pun dia 'biar', jadi susahlah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit mengenai MARA ini sebab ITM ini banyak jasa. Tadi, Yang Berhormat dari Parit Sulong mengatakan sudah beratus ribu pelajar yang keluar dari ITM. Ada yang berjaya menjadi tokoh korporat, ada yang menjadi wakil rakyat, ada yang menjadi pegawai-pegawai tinggi kerajaan—macam-macam. Ini menunjukkan bahawa kejayaan anak bangsa kita ini, walaupun dia datang dari

kampung atau di manapun, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita jaga dia elok-elok, kita bentuk dia elok-elok, insya-Allah, dia akan berjaya. Sebab itulah kalau hendak korporatisekan apa sahaja dari segi pendidikan ini kita kena ingat masyarakat di luar bandar dan masyarakat di kampung sama, pegawai-pegawai pun yang hendak membuat kerja ini, kalau hendak membuat satu-satu keputusan tengok sama, jangan hanya tengok di bandar besar sahaja, cuba tengok yang datang ke sekolah paknya bubuh belakang 'gerek' ngrap—ngrap-kayuh, hantar budak itu ke sekolah, motor pun tidak ada, kadang-kadang berjalan kaki. Kadang-kadang pergi ke sekolah duit pun tidak ada untuk makan, 'mai' begitu sahaja, nasib baiklah kerajaan beri duit susu, duit bantu di sekolah ini. Kalau tidak ada, kembong perut budak macam itu sahajalah. Itulah pun, Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh 'gagah'—berjaya.

Baru-baru ini saya difahamkan MARA sendiri hendak pula kelulusan ataupun sijil point mereka ini 3.7 barulah boleh hantar pergi ke luar negeri—baru boleh masuk ke pusat pengajian tinggi. Tuan Yang di-Pertua, bukanlah kita tidak sokong, tetapi kita kena tengok sama kemudahan-kemudahan di luar bandar, jika dia dapat 3.5 ini cukup baiklah, kalau yang di kampung ini. Apabila kita cek balik dengan MARA, yang dok hantar 3.5 ini keluar negeri berapa orang yang balik tidak pass, yang tidak berjaya? Hak yang pergi dok main sahaja yang tidak berjaya, yang lain itu berjaya. Jadi, bermakna walaupun di sini dia dapat 3.5, tetapi apabila dihantar pergi ke luar negeri, dia belajar bagus. Ini kadang-kadang kita hendak ambil hak yang 3.7 dan sebagainya ataupun yang lebih baik seperti 2.7, 3 dan sebagainya.

Jadi hak yang datang dari kampung ini bagaimana, hendak pergi ke mana? Peluang tidak ada. Peruntukan MARA pula sudah 'dikerot'—dipotong, kemudian

suruh mengaji dalam negeri, hak yang dalam negeri pun tidak disediakan dengan secukupnya, ITM pun bukan boleh ambil banyak mana sangat, universiti-universiti tempatan pun berapa sahaja yang boleh ambil. Jadi hendak hantar ke luar negeri pun, kita tidak hantar, lama-lama pelajar yang datang dari kampung ini, Tuan Yang di-Pertua, dia masuk kerja kilang. Pak dia kata, "Hang pergi kilanglah, Man, oi! Hang pergi universiti pun aku tidak ada duit". Yang keduanya, hendak pergi pun dia tidak mampu, hendak minta pergi keluar negeri pun MARA tidak ada duit dan sebagainya. Akhir-akhirnya budak ini akan masuk ke jurusan yang tidak memanfaatkan, sedangkan otak Tuhan beri pada dia itu bagus.

Kita sebagai manusia, sebagai orang Melayu dan kebanyakan pegawai-pegawai yang bekerja pun orang kita, tolonglah fikir perkara ini semua, difikir bersama, maknanya bila kita hendak membuat keputusan kita ingat keputusan ini, adakah ia akan memanfaatkan masyarakat yang membentuk kerajaan pada hari ini. Masyarakat luar bandar yang membentuk kerajaan pada hari ini perlu kita ambil kira, kerana nasib mereka kurang, sudahlah ibu bapa mereka tidak cerdik, takkanlah anak-anak pun kita tidak beri cerdik. Jadi peluang yang ada ini kita bantu supaya mereka berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan, semenjak dia menjadi Menteri Pendidikan banyak dia buat perubahan - tidak nafilah— bagus — bukan hendak mengata. Jadi, orang kata "Inilah anak pak" (*Ketawa*) anak Allahyarham Tun Abdul Razak. Macam-macam dia buat hendak beri berjaya.

Saya hendak mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya hendak 'jack' menteri—tidak, bukan niat itu, tetapi saya ingat fasal ITM ini orang dok kait Institut Teknologi MARA, sedangkan

MARA ini sudah dikorporatkan, pada asasnya dahulu itu adalah MARA, tetapi saya hendak mencadangkan, memanglah menteri dia hendak cadang tidak patutlah sebab nama bapanya. Jadi, biar saya mencadangkan kita bubuh sahaja Institut Teknologi Tun Abdul Razak (*Tepuk*) kita beri penghormatan kepada pengasas ini—Allahyarham Tun Abdul Razak. Oleh itu, tidak lama bila anak menjadi menteri, nama 'teknologi paknya' jadi 'syok'lah. Kalau hendak minta peruntukan, kalau rektor hendak minta peruntukan pun tidaklah susah sangat, dia pun rekomenlah. Ini caranya kita nak tolong kawan-kawan.

Saya mencadangkan supaya kita buat perubahan, kalau tidak orang dok kait dengan MARA lagi, orang kata MARA punya, jadi macam-macam. Biarlah dia ada badannya sendiri sebagai Institut Teknologi Tun Abdul Razak.....

Tuan Md. Isa bin Sabu: (*Bangun*)

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: saya hendak tanya Yang Berhormat dari Yan mengenai Institut Teknologi Tun Razak ini. Institut Teknologi Tun Razak ini sudah pun wujud....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Jadi, adakah hasrat Yang Berhormat hendak mewujudkan satu lagi Institut Teknologi Tun Razak II.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya pun sudah teringat ada, Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*) bukan

tidak teringat, tetapi kalau tidak boleh buat yang ini, bubuhlah nama lain seperti Universiti Tun Abdul Razak apa salahnya? Kalau kita hendak bubuh nama. Memanglah di zaman ia masih hidup kalau kita hendak bubuh nama Tun Razak dia tidak mahu, dia kata, 'jangan' sebab dia masih ada lagi. Kalau orang hendak bubuh nama saya pada jalan, saya pun tidak bagi, tetapi bila sudah tidak ada—terpulanglah, kalau orang kasihan, bubuh. Macam Tan Sri sebagai Speaker takkanlah kalau tidak lama lagi Tan Sri tidak ada, saya pun hendak biar..... (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tentu saya hendak bubuh nama Tan Sri di Kedah, ya tak? Bangunan Tan Sri Zahirkah, Jalan Tan Sri Zahirkah, kita kena bubuhlah kenang balik pejuang-pejuang kita ini. Kita hendak buat cara mana pun—buat, tetapi biarlah kita sebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan pada kesempatan ini kita sebut, kalau Universiti Kebangsaan, bubuh nama-nama bekas pemimpin kita, seperti Universiti Dato' Onn dan sebagainya. Jadi kita kenang, oh! universiti ini siapa dia, jadi tidak lama student yang duduk inipun dia ingat, ha! yang ini hak tok wan kita, yang memperjuangkan kemerdekaan dahulu. Kalau nama saya ini untuk sekolah rendah pun jadilah daripada tak adakan! Sekolah Rendah Kebangsaan Haji Badruddin—jadilah. (*Ketawa*) Tetapi kita kena beritahu kepada orang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya hendak mengucapkan tahniah kepada ITM, kerana saya dengar banyak mereka buat dan menang beberapa anugerah seperti Anugerah Sistem Perpustakaan Berkomputer—ini bagus untuk pusat-pusat pengajian tinggi. Mereka ada memenangi Anugerah Teleinfo, Anugerah Inovasi Unit Peperiksaan dan sebagainya. Jadi, yang ini bagus, maknanya yang dok ada di situ adalah tenaga yang baik.

Saya bersetuju dengan menteri tadi kita gunakan otak yang Tuhan beri kepada cendekiawan orang kita ini di ITM dan sebagainya ini, bawa keluar idea-idea baru.

Tuan Yang di-Pertua, dulu ada seorang budak kalau kita baca surat khabar, dia buat kereta sendiri, kemudian dia gagah buat kereta, boleh berjalan kereta itu, akal dia lebih, cuma duit dia tak ada, jadi dia tidak boleh pergi jauh lagi. Jadi, bermaknanya orang-orang bumiputera ini kalau kita asuh dengan baik, insya-Allah, dia akan jadi baik. Jadi, saya harap ITM ini akan jadi satu pusat, pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat mengisi anak bangsa kita dan keutamaan kita beri kepada hak yang kurang bernasib baik. Hak yang ada duit, tak apa, Tuan Yang di-Pertua, hak yang ada duit, dia boleh ikhtiarkan kot lain, ini yang tidak ada duit ini dia hendak pergi 'teriak' kepada siapa? Dia hendak pergi jumpa rektor, hendak masuk bilik pun dia tak berani! Dia hendak jumpa menteri pun kadang-kadang takkan semua hendak jumpa menteri. Menteri pun selalu sibuk dengan dasar, dengan itu, dengan ini. Hendak jumpa wakil rakyat pun kadang-kadang ada yang 'dan' dan ada yang tak 'dan'. Hak yang tak 'dan' jumpa ini hendak pergi tang mana, Tuan Yang di-Pertua? Akhir-akhirnya, kita kerugian.

Jadi, saya minta kuota kemasukan anak-anak ke ITM, ke hadapan ini, diberi sekurang-kurangnya 50% untuk pemohon dari luar bandar yang marhain, hak yang miskin. Hak ini yang kita kena beri!

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, tempat duduk kita kena sediakan, ini yang mai daripada luar bandar, kadang-kadang yang dapat asrama tak apalah, hak yang tak dapat pun ada. Hak yang tak dapat asrama itu hendak duduk tang mana? Adik beradik sorang pun tak ada di Kuala Lumpur, dia masuk Shah Alam pun sesat dua hari hendak keluar balik, bukan setakat

pergi Mekah sahaja yang sesat, mai Shah Alam pun sesat, Tuan Yang di-Pertua. Hak yang di kawasan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu, di kawasan Yan dak lah, saya dok ada. Saya atur depa, saya dengar depa hendak mai, saya atur! Di kawasan—hulu-hulu sedikitlah, di kawasan Kubang Kerian semua itu, depa mana hendak ada lagi, kemajuan pun tak ada dan sebagainya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kena beri tempat kediaman. Kadang-kadang ada juga depa bila duduk di tahun pertama dan kedua itu depa tak berapa 'score', kemudian ITM hantar surat suruh keluar. Tak boleh duduk dah dalam asrama. Jadi, depa hendak pi cari mana, hendak sewa bilik di Kuala Lumpur, di Shah Alam pun sebilik berapa, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian hendak ulang pergi tempat kuliah dan sebagainya, hendak cari duit. Jadi, kita kena timbang sedikitlah. Cuma hak yang tidak berdisiplin, hak yang dok hisap rokok, hisap ganja, yang itu tak apa, kita bersetuju diambil tindakan, kita pecat dan sebagainya. Tetapi, kadang-kadang mereka itu maklumlah mai daripada kampung, vitamin tak ada, anak kita sebelum keluar kita beri makan vitamin, berilah glucose, berilah minyak ikan, beri apa?

Seorang Ahli: Heliborange.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Heliborange dan macam-macam lagi kita beri sebelum anak itu hendak pergi ke sekolah. Hak kampung pak tepuk dengan doa sahaja, dia tepuk dengan doa: "Hang pilah!" Harap doa sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Doa itu doalah, tetapi Tuhan suruh usaha, hendak usaha macam mana, 'heliborange' pun dia hendak kata pun tidak erti! (*Ketawa*) Di sebelah kampung saya okay, Tuan Yang di-Pertua, di sebelah Kubang Kerian ini hendak kata 'ovaltine' pun tak erti kata! Dia kata: "tin-tin." (*Ketawa*) Di sebelah Kubang Kerianlah, di sebelah saya okay!

Seorang Ahli: Overtime!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kadang-kadang kita kata ovaltine, dia pi kata 'overtime', kawan itu terkejutlah. (*Ketawa*) Hendak bawa mai macam mana?

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya hendak berbalik kepada fasal MARA ini, fasal asas MARA ini, saya hendak balik sedikit, supaya kita ambil iktibar. Tuan Yang di-Pertua, macam MARA banyak pertolongan yang diberi, saya cukup-cukup berterima kasih kepada MARA ini dan MARA dahulu ditubuhkan bukan oleh pemimpin-pemimpin kita yang berkelulusan tinggi, tetapi kerana dia ingat, dia sedar bahawa kalau dia tak buat, anak-anak dia, cucu-cucu dia akan susah. Jadi, depa buat Akta MARA dan sebagainya. Hari ini, Alhamdulillah, anak saya sendiri pun, anak MARA, Tuan Yang di-Pertua, fasal saya pun mana ada kemampuan hendak hantar duit sendiri ke luar negeri—tak ada! Macam saya katalah, kadang-kadang wakil rakyat ini kot pun naik dua line, Tuan Yang di-Pertua, seterika sendiri, hendak hantar dry cleaning tak mampu, suruh seterika-seterika, mula naik dua line. (*Ketawa*) Hendak buat macam mana, kita ibarat lilinlah, membakar diri.

Jadi, kalau ada suara-suara wakil rakyat sokong, masuk ke ITM saya mai khabar, saya mintalah rektor-rektor ini tolonglah ya? Kadang-kadang bila saya tulis sedikit hendak sokong orang kampung, tolonglah, kadang-kadang kita tulis, Tuan Yang di-Pertua, depa tak pakai! (*Ketawa*) Jadi, kita ini di kampung sakan punya bersyarah, orang panggil 'Yang Berhormat', tahu-tahu surat kita depa tak mahu, Tuan Yang di-Pertua, belas! Balik mai khabar depa kata: "pi-pi interview, dia kata, surat Yang Berhormat kami tak mahu!" Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya kecil hati.

Baru-baru ini, saya hendak beritahu, Menteri Kesihatan tidak ada di sini, saya

rekomen surat, Tuan Yang di-Pertua, wakil rakyat, Dato' pula sekarang ini, *(Ketawa)* Raja beri bukan saya minta, bukan senang, Tuan Yang di-Pertua, hendak dapat Dato'. Macam Tan Sri hendak dapat 'Tan Sri' bukan senang! *(Ketawa)* Sebab itu kadang-kadang depa letak 'Tan Sri' di tempat yang pelek-pelek makan itu, saya cukup marah itu. Saya marah, jangan main-main, ini saya hendak bawa, ada Usul ini saya hendak bawa perkara ini. 'Tan Sri' ini kira orang yang tertinggi dok tang ini, kita ini ubah dasar kerajaan. *(Tepuk)* Kalau makan tang mana, Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak makan banyak mana sangat, tetapi bubuhlah di tempat yang elok, tempat yang bersesuaian dengan kedudukan. Ini kadang-kadang wakil rakyat, biasa, penghulu duduk di hadapan dari wakil rakyat, kita Member of Parliament, daripada 'nyiong' balik—malu! *(Ketawa)* Malu, Tuan Yang di-Pertua, itulah nasib kita wakil rakyat. Saya kalau hendak cerita lebih sebak, tetapi hendak buat macam mana, kita wakil rakyat! Gagah pergilah berjuang, sebelum hendak mati ini. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, macam di hari jadi Agong, apa semua, tak apa, bubuhlah di hujung. Jadi, saya haraplah, baru-baru ini saya tulis surat, ada orang miskin, kaki hendak kena kerat, miskin duit tak ada. Pergi hospital doktor kata: "Nah, ini surat-surat wakil rakyat, surat-surat Dato' ini kita tak pakai!" Amboi! Kecil hati, Tuan Yang di-Pertua. Pada hal berpuluh ribu rakyat calon kita jadi wakil rakyat ini. Boleh doktor yang kita berjuang di Dewan Rakyat ini, beri biasiswa, dia boleh kata macam itu! Saya pi cari dia tak ada, dia cuti, kalau dia ada hari itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau tak sakit, malu dia dengan saya. *(Ketawa)* Geram! Fasal kawan ini, dahlah tak ada duit, accident, duit tak ada, anak yatim piatu, pi di hospital, hospital hendak duit, kalau tidak dia kata, tak mahu beri ubat. Tak patutlah buat macam itu.

Jadi, saya harap MARA ini, ITM ini kalau mailah surat-surat wakil rakyat daripada Barisan Nasionallah, pembangkang jangan dok layan sangat, *(Tepuk)* depa bukan buat apa sangat! Hak wakil rakyat Barisan Nasional ini kalau kita kata, mintalah tolong si anu, si anu masuk, terimalah ya. Benda itu betol, kita bukan hendak membohong, takkanlah orang kaya kita hendak kata susah, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan nampak, kot-kot mai anak orang kaya saya hendak sokong kata dia susah, saya tak buat benda-benda macam itu. Hak-hak Barisan Nasional kita tak buat, hak PAS tak tentu, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, jadi, ini benda yang kita kena buat dengan ITM, maknanya mission tenaga-tenaga ITM ini yang kita hendak korporatise ini, hendak mempertingkatkan prestasinya, bila hendak mempertingkatkan prestasi, pegawai itu pun kita kena beri satu tempat kedudukan yang baik, jawatan yang baik. Apabila kita duduk di tempat yang baik-baik pun kita jangan lupa sama, kadang-kadang bila dia naik, dia dok syok, dia lupa, maklumlah duduk kereta di belakang, jadi, dia lupa! Kita angkat tangan pun dia buat angkat kening sahaja, ada juga, Tuan Yang di-Pertua. Fesyen itu pun ada! Bila dia naik dia lupa, jadi, saya harap hak yang sudah naik itu jangan lupalah. Kita kena ingatlah, Tuan Yang di-Pertua, selekeh-lekeh kita wakil rakyat pun dasar-dasar kerajaan kita buat. Kalau kita panggil tak cukup kuorum, tak lepas Bil, Tuan Yang di-Pertua. Ha! Itu dia. *(Ketawa)* Bukan nak kata, kot kita bebal dok tekan kuorum, tak lepas Bil. Ini Bil ITM hari ini kalau sat lagi saya panggil kuorum, kacau, tetapi kita tak buatlah macam itu kerana kita sayang kepada menteri ini. *(Ketawa)* Menteri ini kita sokong, menteri ini bagus punya menteri. Kita pun tahu asal usul orang baik-baik, kan?

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ha ah! Ada yang bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya Dato' Yang Berhormat itu, dia sayang satu menteri sajakah? *(Ketawa)*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita ini sebagai orang Islam sayang kesemua, tambah macam saya ini, Tuan Yang di-Pertua, semua saya sayang eh! Cuma hak pembangkang sahaja 'cemuih'. *(Ketawa)* Hak lain saya sayang, tetapi hari ini dah menteri ini ada, menteri ini bawa Bil dia, dan sejarah Bil ini bagus, rekod sejarah pun bagus, prestasi baik, jadi, kita sayanglah. Sebab itu saya ini kalau orang kacau Dato' Seri Haji Mohd. Najib ini langkah saya dahululah. *(Tepuk)(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, jadi, berbalik sedikit kepada MARA, macam Pusat Giat, ini MARA buat dahulu, ini asalnya, ITM pun macam itu juga, asalnya kecil, la ni besar-besar dan banyak dah, sepuluh dah cawangan ITM dan sebagainya, satu induk di Shah Alam dan saya harap dengan pengkorporatise ini banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yan ini kawasan saya akan jadi satu kawasan industri pendidikan, saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Rektor ini, supaya mai di Yan, kita hendak beri satu tempat di tepi laut, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri tanah di tepi laut untuk buat ITM apa pun, buat di sana supaya budak-budak ini belajar dengan tenang, depan itu ada pulau dan nama pulau ini pun kalau saya cerita, Tuan Yang di-Pertua, memang Tuan Yang di-Pertua pun tahu, Pulau Bunting, Pulau Telur, Pulau Songsong, Pulau Bidan, cukup! *(Ketawa)* Daripada bunting, telur, songsong, bidan—di kawasan saya.

Jadi, saya hendak bubuh, saya minta satu ITM buat di Yan dan Yan ini, Tuan Yang di-Pertua, macam saya dok kata dah, budak-budak ini student ini kita kena boh di tempat yang nyaman, yang tenteram. Negeri yang paling elok sekali dalam dunia nombor dua, selepas Switzerland ialah Yan. *(Ketawa)* Sungguh, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya melawak!

Jadi, la ni kita hendak bangun daerah Yan itu hendak jadikan industri pendidikan, jadi, saya harap kalau boleh pihak ITM, kalau hak di Merbok itu tak mahu buat, buat di Yan. Saya akan memberi sokongan yang sepenuhnya, jangan susah hati! Okay?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, di belakang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, Pokok Sena. Silakan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Yan. Yang dia dok cakap, Menteri Besar baru setuju atau tidak dengan dia? *(Ketawa)*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ini dengan siapa pun tidak apa. Saya sudah kata, tambah dengan Tuan Yang di-Pertua, saya cukup sayang lebih—sungguh. Orang macam Tuan Yang di-Pertua ini tidak ada lagi kalau kita hendak cari di masa-masa hadapan. Hari itu hantar Larut naik sat, merapu duduk di atas itu. *(Ketawa)*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sumber kewangan kepada ITM, walaupun dia hendak korporatise, kita pastikan cukup. Saya tidak mahu nanti kita ibaratkan macam kain selimut pendek, tarik naik

ke dada kaki sejuk, tolak ke kaki, dada naik sejuk. Jadi, kita beri secukupnya. Walaupun kita hendak korporatisekan tetapi pastikan sumber kewangan yang mereka hendak cari ini cukup dan keduanya, kalau depa tidak cukup, bantu depa—kerajaan bantu, kerana investment orang Melayu sekali - harta tidak ada, bukan ada harta, yang ada hanyalah zuriat kita yang kita perlu bangunkan depa, supaya mereka ini akan senang.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu, kita tengok kadang-kadang—rumah murah. Bila pak dia beli rumah murah, 10 tahun selepas itu kita tengok rumah murah itu menjadi rumah sederhana, kalau tidak pun harga mahal. Fasal apa? Fasal—masa itu anaknya 5 orang, masa dia beli rumah murah dia susah, tetapi bila anaknya keluar dari universiti, sudah kerja dan sebagainya, seorang hantar RM500 atau RM300, mereka perbesarlah bilik air, diperbesar bilik tidur, dapur dan sebagainya. Jadi, akhirnya kita tengok rumah itu besar. Ini kerana apa? Bukan kerana pak dia ada harta, tetapi kerana paknya ada anak dan anaknya dapat kejayaan dan pendidikan, bila dia sudah berkerja, al-hamdullillah, pak dia pun hidup senang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini kita kena pastikan dan bagi saya, kalau kerajaan hendak kena keluar duit banyak macam mana pun, bawalah keluar untuk kita hendak bangunkan generasi bangsa Melayu yang berkelulusan tinggi dan berpendidikan tinggi. Jangan kira sangat tentang duit ringgit. Kalau kita hendak kira, kerung tang itu sedikit, keruk tang ni sedikit, akhir-akhirnya kita tidak sampai ke mana. Hari ini cuba tengok, hak yang berjaya dahulu, hari ini dok ada dalam Dewan Rakyat, dok ada di pejabat-pejabat besar kerajaan dan dok ada dalam Pudu pun ada juga—dulu, yang kita didik, ada juga, tetapi banyak yang berjaya pada hari ini. Kerana apa? Kerana pendidikan kita dahulu, ilham daripada pemimpin kita dahulu, allahyarham Tun Abdul Razak

menubuhkan ITM dan sebagainya, hari ini hasilnya kita dapat lihat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ke hadapan ini, kita tambah lagi, jangan dok kira sangat masalah duit. Sebab itu, baru-baru ini bila depa keruk duit Mara, saya merasa amat kecewa, habis orang kampung susah hati, tidak dapat hendak pergi mana lagi, kalau anak dia cerdik, hendak pergi ke mana? Pergi ke Mara, Mara kata, minta maaf, peruntukan tidak ada, hendak hantar ke universiti tempatan, sana sudah penuh, sini sudah penuh dan sebagainya. Jadi, ini kita hendak buat universiti swasta, hak swasta ini tidak apalah, yang mampu boleh pergi, hak yang tidak mampu tidak adalah. Jadi, kita kena ingatlah dan saya harap janganlah, macam saya kata, pusat giat Mara, MRSM semua, pegawai-pegawainya pun diberi peluang.

Baru-baru ini pun, mereka bising-bising, saya check dengan Pengerusi Mara, Yang Berhormat Dato' Othman, saya tanya macam mana dengan laporan audit Mara—dia kata tidak ada apa. Everything okay, tidak ada apa., Jadi, tidak ada apa, apa yang riuh sangat? Tidak tahu? Dia bercakap jenis itu—tidak tahu? (*Ketawa*)—dia lidah pendek, kelam kabut sedikit. Kemudian, saya dengar kata Ketua Pengarah hendak kena tukar, fasal apa hang tukar, Yang Berhormat Dato'? Saya tidak tahu, depa hendak kena tukar, hendak buat macam mana? (*Ketawa*). Jadi, tidak bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua, kawan itu pun berjasa banyak kepada Mara. Saya tahulah Dato' Ridzuan ini, dia duduk government quarters sejak daripada dia bekerja di Mara sampai la ini. Patut Ketua Pengarah duduk rumah besar-besar, tetapi dia duduk di government quarters itu. Bukan hendak bela sebab dia orang Yan, bukan, dia orang Langkawi tetapi bapa dia dahulu mengajar di Yan—cikgu Alias itu - cukup disiplin. Dia ini bukan hendak kata - duit

Mara, duit Mara, duit dia, duit dia. Sekupang duit Mara dia tidak ambil, sekupang duit dia tidak beri kepada Mara—iaitu gaji dia. (*Ketawa*). Dia fesyen macam itu, orang betul macam itulah.

Jadi, kita tidak mahu. Kita mahu pegawai yang betul, jangan kita beri rosak dia, ini hendak tukarkan orang lain—kasihanlah kawan berkhidmat lama dengan Mara, tetapi oleh kerana ada sedikit yang tidak kena dan sebagainya, kita buat macam ini. Jadi, maruah kawan itu hendak bubuh di mana? Jadi, saya haraplah—saya takut tidak lama nanti jadi kepada Rektor ITM pula—kawan pulun sana sakan, penat, tidak tahu tersilap sedikit di mana-mana, bebai tang mana sedikit, kita tukar—tidak boleh. Jasa orang kita kena kenang. Kerana dia ini pun saya nampak seorang pegawai yang cukup baik. Jadi, saya haraplah pihak Menteri Perusahaan Awam timbang balik, jangan, kita hendak tukar dan bubuh orang lain kerana kesilapan yang sedikit.

Bagi saya, kalau dia beri kereta kepada pegawai Mara dahulu di tiap-tiap negeri, kerana itu dia di tukar, saya rasa itu tidak patutlah, fasal yang itu adalah ganjaran kepada pekerja-pekerja. Kita hendakkan pegawai bekerja dengan baik, kalau kereta pun tidak ada, dia hendak buat kerja dengan apa? Mileage pun, kalau claim, bukan hari ini claim, besok dapat. Wakil Rakyat pun kadang-kadang 4 bulan baru dapat. Itu Wakil Rakyat, tambah pula tidak wakil rakyat, kadang-kadang 6 bulan—hingga terlupa claim mana yang sampai? Jadi, yang ini kita semua kena ambil kira. Fasal, saya ini suka menjaga manusia untuk kebaikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita beri ini kepada orang Melayu, bukan kita minta subsidi. Sebenarnya, sebagai pribumi di negara kita ini, tidak sepatutnya kita guna ayat subsidi kalau kita hendak beri bantuan kepada anak-anak bumiputera kita. Ini adalah negara kita, tanah air

kita, kita sepatutnya diberi ganjaran kepada bumiputera, kepada rakyat negara kita ini—bukan subsidi. Kita tidak pernah menghulur tangan meminta sedekah kerana kita bermaruah, tetapi ganjaran yang patut kita beri, kita berilah. Kalau kita beri ganjaran kepada industri yang masuk ke negara kita seperti ganjaran tax holiday, pioneer status dan macam-macam kita beri, orang buat bendang ini, dia minta harga padi naik sedikit, kita marah. Mereka bukan minta subsidi, mereka minta ganjaran—iaitu industri padi. Kalau dia tidak tanam padi, kita jenuh dok makan bread and butter sahaja. Saya tidak boleh, kena bread and butter dua hari, ketar lututlah. Sebab dari kecil dok makan nasi.

Kadang-kadang saya ada rezeki mereka hantar saya ke England, mana boleh kena bread and butter, sebab itu Orang Putih bila datang ke sini, beri makan nasi dua, tiga hari, dia kata 'delicious'—dia cukup syok. Fasal apa? Di sana, hendak makan nasi mahal, dia bubuh roti dan butterlah. Calit-calit begitu, minum air oren—okaylah. Kita pagi-pagi tidak boleh minum air oren, kita minum susu. Fasal orang-orang tua dahulu pun dia kata susu ini orang putih yang makan, kita di kampung minum susu kerana orang-orang tua dahulu dia membela lembu, kerbau—petang esok pak pergilah perah susu kerbau. Tanak susuk kerbau, esok anak makanlah susu kerbau itu. Cuma hari itu saya cadang bubuh kismis sedikit sahaja. Maka kismis dengan susu lembu, khasiatnya bagus, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun fahamlah, kalau umur setara Tuan Yang di-Pertua itu, kalau kena susu lembu dengan kismis, sampai petang nanti, Tuan Yang di-Pertua boleh duduk macam itu lagi.

Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cerita panjang, cuma saya harap dengan korporatise ITM ini—saya beri tahniah dan syabaslah kepada ITM yang telah berjaya mengeluarkan begitu banyak idea dan saya harap pihak

kementerian akan mencadangkan—kita beri nama, macam saya cadang tadi iaitu nama pusat-pusat pengajian tinggi, universiti-universiti yang ada ini kita bubuh nama pemimpin-pemimpin agung kita sebagai mengenang jasa mereka supaya mereka pun dikenang. Bila orang langut, kata “oh, ini dialah tok wan kita dahulu”, dan saya juga hendak mencadangkan, kalau boleh kita bubuhlah satu pengajian tinggi - ini bukan hendak *jack* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak *jack* Tuan Yang di-Pertua cuma saya hendak khabarkan sahaja, bubuh di salah sebuah pusat pengajian tinggi di atas nama Tuan Yang di-Pertua “Speaker Tan Sri Zahir” kita. Speaker Dewan Rakyat. Jadi, bila orang tanya, siapa dia ini? Ini Tan Sri Zahir, Speaker Dewan Rakyat. Orang Kedah pula itu. Negeri lain pun sokong juga, Tuan Yang di-Pertua. Sat lagi depa sokonglah. Jadi, hak yang naik sat-sat menjadi speaker, tidak payahlah diberi nama sekolah itu — Larut pun hendak, pada hal naik tidak sampai setengah jam. (*Ketawa*)

Jadi, itulah harapan saya dan saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Pilah.

3.10 ptg.

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru sahaja kita mendengar saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Yan yang begitu menghiburkan. Izinkan juga mengucapkan terima kasih di Dewan yang mulia ini dalam bentuk cara yang lebih serius sedikit, kerana saya tidak berhasrat untuk berbincang apa yang telah disarankan oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi. Hanya untuk menyentuh beberapa perkara yang bersangkutan dalam segi perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita akan membahaskan rang undang-undang

bernama satu akta yang meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan dan Kementerian Pendidikan khususnya di atas pindaan yang berjaya dibentangkan ini kerana ianya telah membuat suatu perubahan atau reformasi yang baru kepada ITM khususnya, dan kemudahan pengajian tinggi di Malaysia amnya. Saya akan hanya menyentuh dari segi undang-undang sahaja.

Setelah meneliti akta ini, izinkan saya terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, memohon berbilang-banyak maaf untuk mengutarakan sedikit-sebanyak pandangan yang mana saya fikir dari segi prinsipnya dan dari segi undang-undang yang penting dan sangat perlu kita sama-sama mengkaji dan memikirkannya secara lebih serius dan komited. Sebelum rang undang-undang diluluskan, kita semua sedia maklum bahawa ianya perlu melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di sini ianya telah pun didraf oleh Peguam Negara, dan kita hanya mendapat kopinya di saat-saat akhir. Di Dewan ini, saya dengan tulus ikhlas bersama-sama dengan sahabat-sahabat di Dewan yang mulia ini ingin menyentuh dari segi seksyen 23E, Akta ITM 1996, muka surat 27 iaitu dalam Bahasa Malaysia.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, ada menyebut “menteri atau rektor boleh menurut budi bicara mutlak tanpa memberi apa-apa sebab baginya (*a*) menggantung dan atau membubar dan sebagainya.” Dalam terjemahan bahasa Inggeris, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada mukasurat 24 yang berbunyi demikian, “The minister or the rector may in his absolute discession without assigning any reason therefore.” Setelah membacakan dua bentuk tafsiran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin bahawa pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara ada bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini, dan

mungkin juga pegawai-pegawai dari kementerian dari segi undang-undangnya, dan kalau boleh mari kita bersama-sama memikirkannya sebelum ianya menjadi undang-undang. Kerana sebaik-baiknya kedua Dewan ini telah meluluskan dan akta ini akan diterima pakai dan akan dibaca oleh seluruh rakyat khususnya di pengajian tinggi dan mahkamah-mahkamah.

Dalam konteks perundangannya, izinkan saya mengulas. Tuan Yang di-Pertua, di sini jelas menunjukkan bahawa peruntukan itu telah memberi kuasa yang begitu luas. Begitu cukup luas yang menyebabkan kemungkinan akan berlakunya perasaan tidak berpuas hati atau menimbulkan suasana yang nampaknya kalau kadangkala boleh ditakrifkan sebagai "breach of natural justice," dengan izin. Di sini, undang-undang nampaknya banyak berpandukan kepada Akta 174, iaitu seksyen 9, "The Educational Institution Discipline Act 1976", di mana undang-undang ini pada satu ketika dahulu tahun 1976, kalau kita semua sedia maklum, negara masa itu sedang mengharungi suasana pelajar-pelajar dengan perasaan demonstrasi dan sebagainya. Kerajaan ketika itu tidak ada pilihan, terpaksa mengkanunkan akta serupa demikian. Tetapi setelah kita sudah 20 tahun dan negara kita telah membangun begitu hebat dalam semua konteks sosio-ekonomi, sudah sewajarnya dari segi perundangan juga sepatutnya progresif dalam segi pemikirannya. Kerana kita tidak mahu nanti kita dikatakan mempunyai satu undang-undang yang begitu 'opressive'. Yang berbentuk demikian, maka saya ingin menyarankan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca, di sini mengikut fahaman saya, fasal ini memberi maksud, pertama, kuasa yang diberi kepada menteri dan rektor adalah terlalu luas dan kedudukan menteri atau rektor mempunyai kuasa yang sama. Wal hal jangan kita lupa, rektor dilantik oleh

menteri. Kenapa pula dalam konteks ini kuasa menteri dan rektor sama. Saya fikir perkara ini perlu dikaji dengan teliti. Yang kedua, perkataan "menurut budi bicara mutlak". Dalam bahasa Inggerisnya, "in his absolute discretion". Kita tahu bahawa kita manusia biasa, kadangkala kalau kita tidak berhati-hati, kerana mukanya kurang cantik kadangkala boleh menimbulkan satu pertimbangan yang 'bias'. Di manakah letaknya untuk kita merujuk kalau tidak adanya peruntukan ini dipertimbangkan. Tanpa memberi apa-apa sebab sekalipun, ini satu perbuatan atau tindakan yang saya fikir perlu kita kaji lebih mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undangnya kedua pihak boleh berbuat apa-apa sekalipun. Ini saya fikir, kita sedia maklum bahawa apabila undang-undang ini didraf, mungkin agaknya pihak yang berkenaan meniru ataupun Akta 74 dan tidak mengambil kira bagaimanakah suasana hari ini. Saya menyarankan perkara ini perlu dipertimbangkan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen ini telah memberikan kuasa yang luas dan boleh menimbulkan banyak perasaan tidak berpuas hati, dan kemudiannya nanti, kerana dari prinsip undang-undangnya, ia boleh dianggap terlalu menekan dan juga dianggap sebagai 'breach of natural justice.' Seksyen 10C, Perlembagaan Persekutuan, kalau kita lihat Perlembagaan Persekutuan seksyen 10(i)(c), di mana kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan. Seksyen 1C, "semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan." Justeru itu, kalau kita tubuhkan persatuan dan kalau sekiranya perkara-perkara saya sebutkan tadi tidak diberi pertimbangan, boleh mewujudkan dan menimbulkan suasana breach of natural justice ataupun hak-hak keadilan perseorangan.

Bagaimana pentafsiran dari segi undang-undang mengikut Perlembagaan

kita. Izinkan saya menarik dari segi tafsiran undang-undang Perlembagaan. Di sini menyatakan, "undang-undang termasuklah undang-undang bertulis, common law setakat ia berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagian dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya."

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahulah di kemudian hari nanti timbul boleh berlaku perasaan tidak puas hati kepada seseorang dan dibawa ke mahkamah dan memalukan. Di sini, izinkan saya menarik satu kes dan pernah berlaku, iaitu satu kes yang diberi nama 'John Peter Bettleson melawan Ketua Pengarah Imigresen', tahun 1987, satu MLJ mukasurat 134. Precedence ataupun percabaran sudah dilakukan di mahkamah Supreme Court yang maksud kes ini satu perbuatan membatalkan permit pekerjaan seseorang tanpa ianya diberi pendengaran. Maknanya, tidak diberi kes itu 'right of hearing', dengan izin, dan buat keputusan. Inilah contohnya kalau kita tidak memberi satu pertimbangan yang sebaiknya kepada seksyen ini, kemungkinan ini akan berlaku.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju sangat kalau boleh, kerana kita mahukan undang-undang yang ada hari ini kita luluskan dalam satu suasana yang begitu bertanggungjawab dan dapat ...

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Boleh saya bertanya, sama ada Yang Berhormat Dato' bersetuju dengan saya ada satu maxsim yang berkata 'the power is corrupt, absolute power is corrupt absolutly'.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya telah pun menyatakan, kerana saya tidak mahu menyebut perkara itu tadi, memang betul

perkara ini ada berlaku ataupun memang ada dalam satu maxsim berbunyi sebagaimana yang disarankan oleh sahabat saya tadi. Tetapi inilah yang saya berasa gelisah sedikit kerana sungguhpun telah pun menjadi satu rang undang-undang, setelah saya membuat teguran itu sudah semestinyalah kalau saya beranggapan sesuatu ini dah berlaku berbuat demikian, apakah caranya untuk mengatasinya?

Dalam konteks ini saya pun telah membuat satu kajian, perkara ini perkara senang kalau pihak bertanggungjawab memberi pertimbangan kerana perkara ini saya rasa, dengan izin, is a matter of bagaimana sama ada kita hendak atau tidak sahaja. Saya ada menyarankan di sini iaitu dalam seksyen 23A tadi, untuk mengatasi segala permasalahan dari segi kedudukan menteri dan rektornya dan juga falsafah semangat yang saya sarankan sebentar tadi kalau boleh dipinda sedikit sahaja berbunyi demikian "the minister may after due noticebla, bla ikut semua yang adanya ataupun dalam bahasa Malaysianya "Menteri menurut budibicaranya, setelah memberi notis". Kalau kita kaji permasalahan di antara rektor dan menteri pun selesai dan ini memberi peluang kepada pihak berkenaan untuk merujuk dan maknanya menteri setelah membuat rujukan kepada rektor, buat kajian dan sebagainya boleh, dan inilah untuk sebagai menyelesaikan atau saranan saya kepada teguran yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang sebagaimana sahabat-sahabat saya yang lain kerana saya tidak pandai berceloteh secara berhibur dan saya hanya menjalankan ini sebagai satu pandangan serius dan diharap kerana pernah di suatu ketika dulu di Dewan yang mulia ini juga. Saya memang mengenali Menteri Pendidikan yang ada sekarang ini begitu prihatin dan peka. Beliau memang sentiasa begitu terbuka tetapi kadang kala apabila

saya dapat tahu pihak-pihak pegawai di peguam negara telah membuat satu keputusan tetapi jangan lupa Peguam Negara hanya menjalankan tanggungjawab sebagai draftman. Membuat satu draft untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan terpulanglah kepada kita selagi kita menganut faham Parliamentary democracy, undang-undang dibuat oleh Dewan Rakyat, Dewan Negara sudah sewajarnya kitalah yang lebih bertanggungjawab.

Justeru itu, saya ingin menyarankan bahawa seluruh peruntukan yang disarankan yang dibuat dalam akta ini memang baik. Saya sokong sepenuhnya, kecuali satu seksyen tadi sahaja yang diharap dapat dipertimbangkan supaya jangan menimbulkan masalah dikemudian hari. Sekian, terima kasih, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Santubong.

3.24 ptg.

Puan Rohani binti Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk membahas dan menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Institut Teknologi Mara di mana saya membahas ini iaitu sebagai seorang penuntut ITM. Bukan bekas, memang masih menuntut. Saya amat bersetuju dan mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pasukan pentadbiran ITM dengan pindaan ini yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi prestasi ITM. Dengan upgrading, dengan izin, ITM boleh diharapkan untuk mengadakan bekalan sumber manusia yang sangat diperlukan oleh negara kita Malaysia khasnya untuk mencapai matlamat wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah penuntut ITM yang menikmati kemudahan yang disediakan oleh ITM iaitu saya sekarang ini mengambil kursus sambil masa dinamakan Executive Masters of

Business Administration yang baru diadakan buat pertama kalinya di kampus ITM Sarawak dalam tahun 1995. Jadi, sambil itu saya ingin mengucapkan di sini, ribuan terima kasih khasnya kepada ITM dan kerajaan negeri Sarawak yang telah mengadakan kursus ini buat pertama kalinya di kampus ITM di Kuching.

Kursus semacam ini telah memberi peluang dan manfaat kepada saya dan ramai lagi orang-orang yang hendak menambah ilmu pengetahuan, walaupun kita mempunyai jadual yang ketat dan masa yang memang singkat. Ini adalah satu langkah yang baik kepada mereka yang mahu meningkatkan lagi pencapaian akademik yang tidak sempat diambil atau disambung dahulu. Lebih-lebih lagi dengan kos yang lebih munasabah dan di tempat sendiri iaitu localise, dengan izin, tanpa meninggalkan kerja dan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh program berkembar atau dengan izin, twinning programme. Di bawah seksyen 9 Akta ITM 1976 iaitu di bawah Akta 173, ITM adalah dibolehkan untuk mengadakan program berkembar dengan mana-mana universiti tempatan dan dari luar negara. ITM boleh dikatakan adalah instituti pengajian tinggi yang pertama yang mengadakan twinning programme ini. Langkah yang diambil dalam tahun 70-an ini telah menjadi contoh kepada institusi pengajian tinggi yang lain dalam sektor awam dan juga swasta.

Langkah ini telah membolehkan ITM dikenali di luar negara dan telah mempromosikan kerjasama atau usaha sama antarabangsa dalam bidang pendidikan dengan kualiti yang tinggi dan cemerlang, berbeza dengan apa yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang pagi tadi. Langkah ini telah membolehkan penuntut Malaysia mendapat pendidikan dari luar negara tanpa keluar negara, ini telah menjimatkan pengaliran keluar mata wang Malaysia menjimat foreign exchange

dan saya ingin merekodkan di sini beberapa program berkembar ITM yang boleh membuktikan bahawa ITM telah menempah nama dengan cemerlangnya. Program berkembar dalam bulan Julai tahun 1996 adalah seperti berikut:

1. Executive Masters In Business Administration, EMBA, Ohio;
2. Masters In Business Administration, MBA, Ohio;
3. International Modular, MBA, Cardiff Business School;
4. Master Of Art of Design Education, ITM Ohio;
5. Mass Communication, ITM Ohio;
6. Sarjana Muda Komunikasi, (MSSA);
7. Masters of Teaching of English as a Second Language, ITM, sterling.

Dan program berkembar juga sedang berjalan dan diusahakan bersama universiti tempatan seperti UKM. Kursus berkembar yang disebutkan tadi, membolehkan tenaga pengajian ITM untuk mempertingkatkan kemahiran mereka tanpa keluar negara. Langkah inovatif ITM ini telah menjadi ikutan kepada institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, pindaan kepada Fasal 11B akan mempertingkatkan lagi usaha ITM dalam program berkembar ini. ITM akan boleh membuat affiliation, dengan izin, bersama institusi luar negara dan juga pertubuhan dari luar negara untuk mengeksport kepakaran ITM ke luar negara. Fasal tersebut akan membolehkan ITM mengadakan kursus pengajian di Malaysia atau di mana-mana di bawah Fasal 15 iaitu ITM boleh menubuhkan kampus di luar negara.

Pindaan ini menunjukkan bahawa Malaysia sangat yakin untuk menjadi dengan izin, leader, dalam bidang

pendidikan di rantau ini. Ini juga menunjukkan kebolehan ITM bersaing dengan universiti dari luar negara yang bertujuan untuk menyumbang kepakaran dalam pendidikan kepada negara-negara membangun di rantau ini.

Pindaan ini juga adalah in-line dengan pendirian Malaysia yang ulung di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Ini juga adalah in-line dengan proses globalisasi dalam bidang pendidikan. Kita harus mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga pentadbiran ITM dalam langkah yang berani ini dengan keyakinan dan pandangan yang jauh untuk membawa perubahan kepada ITM.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada 129 buah kursus formal, ITM juga mengadakan banyak kursus jangka pendek yang khas atau khusus, dengan izin, short-term specialised courses, untuk memenuhi kehendak sektor awam dan swasta. Kursus ini adalah tailor-made, dengan izin, untuk memenuhi sesuatu kehendak. Ini saya difahamkan adalah khidmat sosial yang begitu baik kepada masyarakat yang disumbangkan oleh ITM. Di antara kursus-kursus ini adalah kursus akaun disatukan untuk pegawai-pegawai audit iaitu Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, Kursus Pengajian Serat dan Yarn anjuran bersama Malaysia Textiles and Apparel Centre (MATAC), Program Sijil dan Diploma Eksekutif Insuran dengan Permodalan Nasional Bhd., Kursus Intensif Bahasa Jerman kepada pelajar-pelajar tajaan JPA, Petronas dan MARA yang akan melanjutkan pelajaran ke negara Jerman.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengadakan kursus yang khusus, ITM juga mengadakan beberapa program in-house untuk mempertingkatkan kemampuan profesional kakitangan akademiknya. ITM juga mengadakan beberapa seminar dan bengkel untuk peserta daripada banyak institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, khasnya di Sarawak, kerajaan negeri melalui Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah memohon daripada ITM untuk mengadakan program yang tailor-made atau customised, dengan izin, khas untuk mempertingkatkan prestasi bidang pendidikan di Sarawak. Tujuannya adalah untuk mengadakan satu paradigm shift, dengan izin, di kalangan orang-orang bumiputera di Sarawak untuk sampai ke satu tahap yang selari dengan kaum-kaum bukan bumiputera dan juga untuk memenuhi keperluan sumber tenaga manusia yang mahir untuk membangunkan negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapat tahu perkembangan yang terkini mengenai hasrat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak daripada pihak ITM. Oleh yang demikian, dengan beberapa perkara yang telah saya sentuh khasnya dalam Fasal 11, 15 dan 17, saya memang berharap sangat agar ITM akan membuat banyak upgrading, dengan izin, dalam matlamatnya dan pada masa yang sama mencapai misi falsafah dan objektif pewujudan ITM.

Seterusnya apakah perancangan yang akan dijalankan oleh ITM dari segi menubuhkan cawangan-cawangan dan sebagainya di seluruh negara; dan juga mungkin di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merekodkan bahawa ramai daripada bekas penuntut adalah daripada Ahli Parlimen dan pagi tadi sebab tertinggal, termasuk juga pegawai-pegawai di Parlimen ini. Jadi, dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ramai sangat yang hendak berucap ya. Saya harap kita boleh habiskan pada hari ini.

3.35 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Ahmad Baria (Jerantut): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996.

Satu perkara yang saya rasa amat mengkagumkan ialah bukan hanya dari segi jumlah penuntut yang telah dikeluarkan oleh Institut Teknologi MARA tetapi sejak bertahun-tahun dulu, ITM telah berkembang dengan begitu pesat sekali. Kita lihat ramai daripada tokoh-tokoh korporat, ahli-ahli politik mahupun pegawai-pegawai kerajaan pernah menuntut di ITM dan selepas itu melanjutkan pelajaran di universiti sama ada dalam negeri mahupun di luar negara.

Saya tengok pada laporan yang diberikan kepada saya, daripada 64 orang pegawai kanan ITM, daripada Pengarahnya hingga kepada pengetua-pengetua kampus cawangan, hampir semua berkelulusan Ph.D. tetapi saya tidak nampak seorang pun yang berkelulusan Ph.D. daripada Universiti of Ivy League universities, mahupun daripada University of Oxford dan University of Cambridge. Saya mencadangkan walaupun saya tidak mengatakan universiti-universiti yang di mana mereka ini mendapat Ph.D. bukanlah merupakan universiti yang tidak baik tetapi untuk memastikan bahawa ITM menjadi satu institusi yang betul-betul terkenal, yang betul-betul terbaik di dalam negara ini, saya ingin mencadangkan agar para profesor, tenaga pengajar, rektor dan sebagainya mempunyai kelulusan daripada universiti-universiti yang terbaik di dunia. Boleh jadi macam University of Harvardkah, Stamford, UCLA, mahupun Oxford dan Cambridge. Dan apabila kita ada satu tenaga pengajar yang datang daripada universiti-universiti seperti Ivy League mahupun Oxford dan Cambridge

ini, saya rasa martabat ITM sebagai satu institusi yang mengeluarkan siswazah ijazah dan Ph.D, saya rasa ini akan meninggikan lagi martabat ITM.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari segi penyelidikan. Apabila kita telah meningkatkan sesuatu institusi itu untuk mengeluarkan siswazah ataupun mengeluarkan mereka yang mendapat sarjana, sarjana muda dan juga Ph.D, saya rasa penyelidikan merupakan satu perkara yang begitu penting sekali. Saya dapati daripada laporan 1995, bahawa hanya sebanyak RM742,986.65 sahaja dibelanjakan untuk penyelidikan jangka pendek, walhal Biro Penyelidikan dan Perundingan 1995 telah membelanjakan sebanyak lebih RM7 juta dari segi perbelanjaan penyelidikan dan juga perundingan ITM.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan juga pihak ITM agar dengan hasrat dan tujuan untuk meletakkan ITM sebagai satu institut yang betul-betul maju bukan hanya di dalam negara ini, mahupun di dalam dunia, saya ingin mencadangkan agar kita menitikberatkan pendidikan dan pembangunan ini. Oleh kerana hanya dengan penyelidikan dan pembangunan ini maka nama ITM dapat ditingkatkan. Saya tengok banyak universiti di dalam negara hatta penciptaan bom atom telah bermula di University of Chicago. Jadi, maknanya dengan adanya penyelidikan yang begitu baik, yang begitu mendalam, ITM dapat meningkatkan martabatnya sebagai sebuah institut di peringkat antarabangsa.

Selain daripada meningkatkan taraf kualiti pensyarah-pensyarah mahupun tenaga pengajar, saya ingin juga mencadangkan kepada pihak ITM supaya lebih meramaikan pensyarah-pensyarah pelawat (visiting fellows) daripada universiti-universiti yang ternama sepertimana yang telah saya sebutkan tadi. Saya tengok daripada laporan, ada

juga beberapa pelawat daripada universiti tetapi taraf universiti itu tidak seperti yang saya nyatakan tadi, Ivy League University mahupun Oxford dan Cambridge. Jadi, kita minta kalau boleh visiting fellows ini adalah mereka yang melibatkan kepada standard, kepada piawaian yang ditentukan oleh ITM mereka ini setaraf dengan universiti-universiti lain yang ternama dalam dunia. Kalau boleh kita ambil seorang ataupun berdua "Nobel Laureate" mereka yang pernah memenangi hadiah novel dan kita jadikan dia sebagai visiting fellows di ITM. Kalau universiti-iniversiti lain belum buat, kita pastikan agar ada juga visiting fellows daripada pemenang-pemenang hadiah novel menjadi pensyarah pelawat di ITM.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi penggunaan bahasa Inggeris. Saya difahamkan bahawa ITM masih lagi menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ini satu perkara yang bagus, tetapi untuk menjadi satu institusi yang disegani di peringkat antarabangsa, saya mencadangkan diadakan juga di dalam satu-satu kursus, sebagai contoh kursus kejuruteraan, selain daripada mengajar mata pelajaran-mata pelajaran dalam Bahasa Melayu, saya mencadang juga agar satu dua mata pelajaran diajar dalam bahasa Inggeris dan diberi markah serta diperiksa oleh visiting fellows yang saya nyatakan tadi ataupun dihantar ke universiti-universiti lain supaya mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti yang ternama di dalam dunia.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan dan sahabat-sahabat saya ramai lagi yang hendak membahaskan akta ini, saya ingin mencadangkan juga kepada pihak kementerian dan juga pihak ITM agar pembelajaran bahasa Arab dan juga agama yang diadakan di ITM agar dapat diajar mata pelajaran agama ini di dalam bahasa

Arab seperti yang dihasratkan, diimpikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya pada satu hari pembelajaran agama akan dapat diajarkan dalam bahasa Arab. Tetapi kita mulakan di peringkat ITM agar penuntut-penuntut ITM dapat betul-betul memahami bahasa Arab dan juga dari segi pengetahuan Islamnya. Itu sahaja, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sepang.

3.43 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai saat dan ketikanya ITM diletakkan di bawah suatu akta baru seperti apa yang berada di hadapan kita sekarang. Akta ITM 1996 ini memperakui sumbangan-sumbangan unik dan peranan penting yang telah dilaksanakan oleh ITM dalam menyalur dan menyediakan tenaga kerja yang diperlukan oleh negara sejak dari empat dekad yang lalu. Sehingga kini ITM telah berjaya melahirkan dan mengeluarkan lebih dari 100,000 graduan bumiputera dalam pelbagai bidang ilmu.

Saya pasti bahawa semua yang ada di dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum dan berpuas hati kerana ITM menawarkan hampir 129 kursus-kursus profesional dan separa-profesional di kampus-kampus terutamanya di Shah Alam dan di 10 kampus-kampus cawangan yang lain.

Saya juga difahamkan bahawa beberapa buah kampus cawangan baru akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi dan ITM juga dijangka akan mempunyai 50,000 pelajar menjelang tahun 2000 sepenuh masa.

Tuan Yang di-Pertua, dari peringkat permulaannya hingga kini ITM telah berjaya melaksanakan dan meneruskan polisi-polisi yang dinamik dan bersifat perintis. ITMlah yang menjadi perintis kepada konsep kampus cawangan, yang mana ia telah menjadi model ikutan kepada banyak universiti dan institut pengajian tinggi di negara ini.

ITM juga telah berjaya mempopularkan konsep pendidikan luar kampus iaitu extension education programmes, dengan izin, bagi membolehkan golongan pekerja meningkatkan kemahiran mereka bagi membolehkan peningkatan mobiliti dalam profesion mereka.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kursus pendidikan formal seperti undang-undang, media massa dan hotel catering, dengan izin telah mula diwujudkan di ITM. Sejak ITM ditubuhkan empat dekad yang lalu, ITM telah menjadi pelopor kepada experiment negara dalam membina masyarakat, social engineering, dengan izin.

Sebagai seorang bekas pelajar ITM bolehlah saya katakan bahawa ITM adalah lebih dari hanya sebuah tempat menimba ilmu, ia merupakan satu wadah atau tempat harapan kepada bumiputera. Ia merupakan sesuatu yang istimewa kepada pelajar-pelajar bumiputera yang pernah menuntut di sana. Walaupun ia adalah sebuah institusi bumiputera, ia sewajarnya dilihat sebagai sumbangan rakyat ke arah menggalakkan kesamaan iaitu equity, dengan izin, dan keadilan melalui pendidikan. Untuk sebab ini, maka rang undang-undang ini patut menerima sokongan sepenuhnya dari kita semua.

Saya ingin menyentuh klausa-klausa yang memperuntukkan ITM, dengan kuasa untuk meningkatkan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi. Bagi tujuan ini perlu saya nyatakan di sini, bahawa Akta ITM 1976 (Akta 173) yang dibuat kira-

kira 20 tahun lepas. Pada ketika itu ITM bertekad utama untuk menyediakan latihan profesional dan separa profesional kepada bumiputera untuk memegang jawatan di peringkat pertengahan dan rendah sahaja di dalam sektor-sektor awam dan swasta. Tetapi pada hakikatnya keadaan di ITM telah berubah dengan nyata sekali sejak 1976.

Tuan Yang di-Pertua, yang nyata ialah tanggapan penuntut sudah berubah, mereka kini mempunyai harapan yang lebih besar dan lebih tinggi dari apa yang dirancangan oleh ITM di tahun 1976. Hasrat mereka kini bukan hanya setakat mencapai tahap kedudukan pekerjaan di peringkat rendah dan pertengahan sahaja, tetapi mereka mengharapkan ITM dapat memberi kemudahan laluan untuk mereka meningkat naik ke kedudukan yang paling tertinggi dalam bidang-bidang industri dan perdagangan negara.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, keinginan untuk maju dan cita-cita tinggi sebeginilah yang telah berjaya ditanamkan oleh ITM ke dalam jiwa raga pelajar-pelajarnya. Oleh yang demikian, adalah penting sekali bagi ITM untuk mengembangkan sayapnya melalui peningkatan sijil-sijil yang boleh dikeluarkannya, bukan hanya setakat di peringkat diploma atau diploma lanjutan, tetapi lebih tinggi dari itu. ITM telah mengorak langkah ke arah penganugerahan ijazah-ijazah dalam program-program profesionalnya sejak tahun 1960-an lagi.

Saya juga dimaklumkan bahawa pada tahun ini sebanyak 66 program dari 129 program khusus yang dianjurkan oleh ITM telah diberi pengiktirafan setaraf dengan ijazah dan ijazah kepujian. Pengiktirafan ini diberikan sama ada dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau dari badan profesional yang berkuasa memberikan pengiktirafan misalnya, qualifying board, dengan izin, di bawah Akta Profesion Undang-undang dan dari

universiti-universiti luar negeri yang menerima pelajar-pelajar ITM dengan beberapa pengecualian. Misalnya ramai graduan diploma undang-undang dari ITM telah diterima masuk untuk terus ke tahun terakhir pengajian undang-undang di universiti terkenal di Australia iaitu di Melbourne dan Monash.

Begitu juga bagi graduan Diploma Senibina dan Senireka iaitu Diploma of Architecture, dengan izin, pelajar ITM diterima masuk ke University of South Bank England dan lain-lain universiti lagi. Tidak ketinggalan graduan Diploma of Engineering, dengan izin, yang mendapat pengiktirafan dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi di universiti-universiti di Amerika Syarikat dan sebagainya.

Pengiktirafan sijil-sijil diploma dan diploma lanjutan ITM terus terkawal kualitinya apabila ITM meletakkan pemeriksa-pemeriksa luar untuk semua kursus-kursus bertaraf ijazahnya. Misalnya pemeriksa luar dari Universiti Malaya, United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat, memang jelas sekali banyak kursus pengajian ITM telah mendapat reputasi Yang Berhormat amat baik sama ada di dalam negeri mahupun di luar tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kehidupan material sekarang ini penampilan lahiriah adalah sama penting dengan hakikat sebenar kehidupan. Dengan izin, image and packaging are as relevant as substance. Pepatah lama ada mengatakan, dengan izin, *esse quam videri*, to be rather than to seem, adalah suatu pegangan yang ketinggalan zaman sekarang ini ataupun tidak begitu sesuai buat masa sekarang. Hari ini kita mesti kelihatan yang sepertinya selain daripada menjadi yang sepertinya.

Saya menyatakan demikian kerana walaupun diploma dan diploma lanjutan ITM mempunyai kualiti yang cukup tinggi,

tetapi ianya telah tidak dipandang tinggi seperti yang sepatutnya, sebaliknya ia dipandang rendah dari ijazah di atas sebab hanya kerana ia dinamakan diploma. Ketidakadilan ini perlu dihapuskan. Oleh itu, Fasal 9(c) dalam rang undang-undang ini amat dialu-alukan. Ia membuka jalan yang lebih luas lagi kepada peluang pelajar bumiputera mendapat ijazah tanpa perlu lagi pergi ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana ITM perlu memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang bercita-cita tinggi dan layak pula untuk meneruskan pelajaran ke peringkat tertinggi yang boleh dicapai oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kira-kira 30% pelajar ITM layak melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah, mereka tidak patut dihalang ke peringkat ijazah hanya kerana terdapat kecacatan di segi undang-undang di dalam Akta ITM, yang mana dengan pindaan ini, kecacatan ini dapat diketepikan seterusnya memberi kuasa kepada ITM menganugerahkan ijazah kepada high achievers, dengan izin. Saya percaya, walaupun perkembangan terbaru ini dapat meluaskan skop dan kualiti program kursus ITM, tetapi matlamat utama/asal ITM untuk menyediakan tenaga kerja melalui kursus-kursus peringkat diploma dan sijil akan diteruskan bagi mengekalkan falsafahnya semua orang boleh berilmu atau everyone can be educated, dengan izin.

Saya percaya kualiti graduan ITM tidak terjejas hanya kerana diploma telah bertukar menjadi ijazah kerana subjek-subjek yang diajar sekarang adalah setaraf dengan tahap universiti. Oleh itu, saya minta jaminan dari Yang Berhormat Menteri agar syllabus yang ada tidak diubah dan sekiranya berubah ia mestilah lebih tinggi kualitinya dari yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa ITM akan terus mengekalkan kursus-kursus yang menawarkan kelulusan

peringkat diploma. Ini kerana banyak kursus yang ditawarkan di ITM memerlukan kelayakan masuk lulusan SPM. Mereka ini sekiranya lulus, di peringkat diploma akan dapat meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi lagi iaitu diploma lanjutan dan seterusnya peringkatan ijazah.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 9(1) yang mengubah takrif jawatan dalam pentadbiran ITM. Saya amat setuju dengan perubahan ini yang mana pendapat saya sudah sampai masanya perubahan ini dibuat, ini kerana kakitangan ITM berfungsi sama seperti rakan mereka di lain-lain IPT. Mereka ini memang sepatutnya dilayan setaraf dengan kakitangan di IPT yang lain. Saya percaya ramai kakitangan ITM yang berkelayakan tinggi termasuk yang mempunyai masters dan Ph.D, dengan izin, dari itu adalah suatu ketidakadilan sekiranya kedudukan mereka dipandang rendah dari rakan sejawat mereka di IPT yang lain.

Merujuk pula kepada Fasal 17(b) yang memberi kuasa kepada ITM dengan keizinan menteri untuk menjalankan kursus-kursus pengajian bersesama atau bersama-sama 'twinning programmes', dengan izin, secara bergabung, usahasama atau francais dan sebagainya dengan mana-mana universiti, kolej universiti dan lain-lain, sama ada dalam Malaysia mahupun di luar negara. Peruntukan ini selain membenarkan ITM untuk bersama-sama mendapat bantuan dari universiti luar untuk program pengajiannya, Fasal ini juga memperuntukkan ITM kuasa untuk menghulurkan kepakarannya yang ada padanya kepada negara-negara lain di dunia yang memerlukan bantuan khidmat pakar dalam sesuatu bidang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini seterusnya memberi suatu perakuan terhadap kebolehan Malaysia dan ITM untuk mengeksport kepakaran pendidikan kepada negara-negara jiran. Saya yakin peruntukan ini selari dengan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula pengkorporatan ITM setelah meneliti Fasal 12 dalam rang undang-undang ini, saya menyokong peruntukan Fasal 12 ini kerana ia meluaskan lagi keupayaan ITM untuk memperkukuhkan struktur kewangan dengan cara penglibatannya dengan organisasi untuk menubuhkan syarikat, membuat pinjaman, melabur, membeli saham, syer, debentur, membeli harta, menyewa dan sebagainya. Kesemua aktiviti ini saya percaya boleh memperkemaskan lagi pentadbiran ITM serta dapat meningkatkan prestasi kakitangan, juga pelajar melalui peningkatan mutu, keadaan sekitaran ITM.

Saya ingin mencadangkan melalui kegiatan komersil ini, ITM dapat mengumpul dana yang boleh disalurkan untuk mempertingkatkan kualiti perpustakaan bagi setiap kajian yang ada di ITM. Kerana walaupun ITM boleh berbangga dengan pencapaiannya setakat ini, namun usaha untuk meninggikan mutu bahan bacaan pelajar penting diutamakan dan usaha ini mesti berterusan sehingga setiap pelajar ITM termasuk bekas pelajarannya dapat berbangga dengan status perpustakaanannya, ini penting! Dan ianya selari dengan fungsi tambahan ITM seperti di Fasal 17(b).

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Fasal 27 hingga 30 yang memperuntukkan perkara-perkara berkenaan disiplin kakitangan dan pelajar ITM. Pada masa ini disiplin dalam ITM diperuntukkan oleh Akta Institut Pendidikan (Disiplin) 1976, Akta 174. Akta ini meletakkan kakitangan dan pelajar ITM dalam kategori yang sama dengan kakitangan dan pelajar dari politeknik-politeknik. Percampuran di antara ITM dengan politeknik adalah tidak sesuai lagi sekarang kerana ITM bertaraf nasional iaitu ia merupakan institut pengajian tinggi yang terbesar di Malaysia.

Saya juga dimaklumkan bahawa dari bilangan kakitangan yang sejumlah 2,574

orang ini, 56.9% mempunyai kelayakan peringkat masters dan Ph.D. Oleh itu, adalah layak sekali sekiranya ITM dipisahkan dari Akta 174 dan perkara-perkara disiplin di ITM sudah sepatutnya digubal oleh ITM sendiri seperti yang termaktub di dalam Fasal 27 hingga 30 ini. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan dan bagi pihak pentadbiran ITM yang ada sekarang kerana telah mengemukakan suatu perubahan yang amat positif kepada ITM.

Saya yakin akta ini dapat menaikkan taraf ITM ke peringkat lebih tinggi dan dapat ia berada di kedudukan sama tinggi dengan institut pengajian tinggi lain di dunia yang mana walaupun nama mereka institut tetapi fungsi dan sijil mereka adalah sama dengan universiti misalnya, dari Royal Melbourne Institute of Technology Australia (RMIT) yang merupakan sebuah institut tetapi dikenali dan dihormati ijazah-ijazah dan diploma-diploma yang dikeluarkannya. Kita mahu ITM juga boleh mencapai taraf seperti ini.

Saya percaya setelah 40 tahun ITM beroperasi, sudah sampai masanya ITM bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran serta peluang-peluang yang akan wujud di abad ke-21 nanti. Saya percaya pindaan akta ini dapat membantu untuk membawa suatu era perubahan dan kedinamikan di ITM. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Balik Pulau.

3.58 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan juga kepada ITM di atas pencapaian ITM selama lebih kurang empat puluh tahun kalau kita kira daripada mulanya penubuhan Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956. Maka hari ini matlamat asas rang undang-undang hari ini ialah sebenarnya untuk menaikkan taraf ITM dari sebuah institusi pengajian yang memberi pengkhususan kepada kelulusan di peringkat sijil dan diploma pada umumnya kepada sebuah institut pengajian tinggi yang sebenar-benarnya, a full-fledged institute of higher education.

Saya merasakan bahawa langkah ini adalah satu langkah yang penuh bersejarah, satu langkah yang mempunyai makna yang cukup dalam, satu langkah yang membawa erti yang cukup dalam kalau kita lihat dari segi penubuhan ITM pada mula-mula dahulu. Saya bukan bekas pelajar ITM tetapi saya merasakan, dari segi agenda melatih golongan bumiputera selepas sekolah menengah, ITMlah ataupun MARA secara umumnya yang telah memainkan peranan yang penting.

Saya ingin memberi penekanan kepada betapa penting dan betapa bersejarahnyanya langkah yang hendak kita ambil ini untuk kita menaikkan taraf ITM menjadi sebuah IPT yang sebenar-benarnya. Kita tidak harus melihat langkah ini sebagai satu langkah semata-mata untuk menaikkan taraf sahaja. Ini adalah langkah yang jauh lebih besar daripada itu. Ianya bukan sekadar untuk membenarkan institusi ini untuk menawarkan ijazah sarjana dan juga ijazah di peringkat kedoktoran, ianya bukan sekadar untuk membolehkan anugerah-anugerah akademik, penggunaan title seperti professor dan professor madya diberi kepada pensyarah-pensyarah ITM sekarang, ianya bukan sekadar membolehkan ITM mulai daripada kita meluluskan Rang Undang-undang ini untuk menganugerahkan ijazah-ijazah

kehormat di masa-masa yang akan datang. Ianya lebih daripada itu, ianya memerlukan pemikiran yang dalam dan luas tentang permasalahan yang akan timbul daripada langkah untuk kita menaikkan taraf ini.

Saya ingin menyarankan kepada pihak ITM supaya mengambil kesempatan ini untuk benar-benar berfikir tentang bagaimanakah ianya hendak mencorakkan keseluruhan budaya tradisi ilmiah yang ada dalam kampusnya, suasana kampus, budaya kampus, falsafah pendidikannya dan keseluruhannya. Ini merupakan satu kesempatan kepada ITM — sebenarnya, ianya janganlah di lihat sebagai satu kesinambungan dalam proses evolusi ITM tetapi hendaklah dilihat sebagai satu kelahiran semula.

Kalau di lihat daripada pengalaman-pengalaman yang telah di lalui oleh IPT awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti, saya berkeyakinan bahawa ITM boleh mendapat banyak pengajaran. Dalam masa 10 tahun yang lepas, kalau tidak silap ada 3 buah universiti ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti. Pada pendapat ikhlas saya, saya tidak merasakan bahawa ketiga-tiga universiti yang ditubuhkan itu menunjukkan satu sikap inovatif dalam pentakrifan pentadbirannya, mahupun dari segi pentakrifan falsafah pendidikannya. Seolah-olah apabila sebuah universiti ditubuhkan, ianya merupakan satu usaha untuk mencipta semula universiti-universiti yang telah ditubuhkan terlebih dahulu.

Seakan-akan tidak ada satu keunikan, melainkan dari segi penekanan dalam bidang-bidang pengajian di universiti-universiti yang berkenaan. Jadi, saya ingin sarankan kepada ITM supaya benar-benar berfikir dengan dalam tentang, bagaimanakah hendak menstrukturkan pentadbiran ITM ini dan apa yang lebih penting ialah apakah dia falsafah

pendidikan yang akan di dukung dan diajukan oleh ITM di masa-masa akan datang? Yang pentingnya, apakah dia falsafah ilmu yang hendak di dukung oleh ITM? Saya fikir sekarang ini dalam pada kita melakukan usaha untuk mereformasikan pendidikan tinggi di dalam negara kita ini, kita telah melakukan berbagai-bagai langkah, tetapi kadang-kadang kita merasakan komitmen kita kepada idealisme-idealisme yang tertentu, idealisme yang mempunyai nilai-nilai yang mutlak agak terhakis dalam pada kita melakukan perubahan.

Saya sekali lagi berharap supaya ITM mengambil kesempatan ini untuk berfikir tentang apakah tradisi pendidikan yang hendak diwujudkan di ITM?. Pada masa yang sama saya juga ingin menyarankan kepada ITM supaya mengekalkan pendekatan pendidikan yang agak liberal dan agak luas yang diamal sekarang. Mengikut apa yang saya lihat dari segi agihan pelajar, 30% adalah dalam bidang sains, jumlah yang hampir sama dalam bidang pengurusan dan selebihnya dalam bidang sastera. Ini adalah satu taburan yang agak seimbang. Mungkin dinaikkan sedikit dalam bidang sains, tetapi saya merasakan bahawa ITM harus mengekalkan identitinya sebagai sebuah IPT yang mana bidang pengajiannya merangkumi kesemua bidang daripada performing arts, seni halus sehinggalah kepada sains aktuari, kejuruteraan dan sebagainya.

Keluasan ini memberi satu makna yang cukup dalam kepada sesebuah IPT. Sesebuah IPT yang tidak punya keluasan bidang pengajaran dan penyelidikannya adalah satu-satu IPT yang agak capik. Saya tidak bersetuju dengan pengwujudan IPT yang punya pengkhususan kepada bidang-bidang yang tertentu sahaja kerana ianya bercanggah dengan falsafah ilmu yang mengatakan bahawa tidak ada satu bidang ilmu yang berdiri di atas dirinya sendiri. Dan dari segi pengalaman pelajar

yang berada di dalam satu-satu institusi yang mana ianya terdedah kepada pelbagai-bagai bidang, terdedah kepada pelajar-pelajar dan juga tenaga pengajar yang di luar daripada bidangnya, ianya merupakan satu pengalaman yang baik. Bayangkanlah seorang pelajar dalam bidang seni halus yang berinteraksi dengan seorang pelajar dalam bidang kimia ataupun sains aktuari. Mereka mempunyai personaliti yang berlainan, tetapi hasil daripada interaksi itu akan memperkayakan pengalaman pelajar tersebut dan itulah yang kita mahu sebenarnya. Selain daripada proses pendidikan ini membekalkan tiap-tiap pelajar dan graduan dengan kelulusan dan kemahiran yang tertentu, akhirnya pada peringkat awal, pada peringkat ijazah sarjana muda, khususnya, sebenarnya kita bukan bertujuan untuk menjadikan mereka ini pakar dalam apa-apa bidang pun pada peringkat tersebut, tetapi kita hendak membangunkan diri si pelajar tersebut. Jadi, kekalkanlah persekitaran yang liberal ini, persekitaran pendidikan yang merangkumi berbagai-bagai bidang.

Pada masa yang sama, saya juga ingin fikirkan tentang suasana kampus yang ada sekarang ini. Secara umumnya saya merasakan sebagai seorang yang terdahulu daripada ini terlibat dalam IPT bahawa suasana kampus agak lesu sedikit dari segi kedua-duanya iaitu penglibatan kakitangan akademik, khususnya, dari segi kegiatan-kegiatan pelajar. Jadi, kebakuan ini saya rasa tidak memupuk satu semangat untuk memperjuang apa-apa juga idealisme. Jadi, oleh sebab kita tidak memupuk semangat memegang kepada apa-apa idealism, maka oleh sebab yang demikian kita mula mendengar bahawa orang tidak mengemukakan pendapat langsung. Sebabnya, kalau kita tidak punya satu masyarakat yang berpegang kepada apa juga idealisme maka apalah yang hendak dipertahankannya? Dia tidak ada hendak mempertahankan apa juga prinsip, sebab dia tidak berpegang

kepada satu-satu benda yang dia percaya dengan sebenar-benarnya.

Untuk membolehkan mana-mana orang berpegang kepada satu idealisme dengan penuh yakin, kita hendaklah, walaupun dalam keadaan yang agak terkawal, membenarkan percanggahan pendapat berlaku. Percambahan pendapat akan berlaku, pertentangan pendapat akan berlaku, pertukaran pendapat akan berlaku. Dalam keadaan tersebut, mereka yang harus berpegang kepada mana-mana pendapat dituntut untuk membela pendapatnya. Jadi, ini mewujudkan satu suasana yang akan menghasilkan graduan-graduan yang bukan sahaja mempunyai kelulusan dan kepakaran yang tertentu, tetapi juga menjadi manusia yang lebih bertanggungjawab. Apabila ia mengatakan sesuatu, ia boleh memberi hujah yang tertentu kenapa ia berpegang kepada hujah-hujah yang dikemukakannya.

Kita mahu melahirkan masyarakat bumiputera yang terdidik seperti ini, yang mempunyai keupayaan untuk melihat, mendengar dan membuat keputusan sendiri dan mempunyai sebab-sebab kenapa dia berpegang kepada keputusan tersebut dan bukannya menjadi manusia yang mengikut arah arus utama semata-mata kerana tidak mahu terkeluar daripada aliran arus tersebut. Jika kita tidak kekalkan, tidak menjadikan IPT sebagai penjana manusia seperti ini, saya tidak lihat mana-mana lagi institusi yang ada dalam masyarakat ini yang boleh memainkan peranan ini. Jadi, kekalkanlah tradisi di mana IPT dalam apa bentuk pun, universiti ataupun institusi seperti ITM ini menjadi satu-satunya institusi dalam masyarakat kita yang mana kita membenarkan sedikit perkara-perkara ini untuk berlaku supaya sekurang-kurangnya dalam konteks satu negara, dalam konteks semua institusi yang ada dalam negara ini sekurang-kurangnya institusi-institusi pendidikan tinggi akan menjadi tempat di mana terdapat sedikit, selain daripada

dalam Dewan Rakyat inilah, terdapat sedikit pertembungan dan percambahan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya katakan ialah apabila ITM akan melangkah masuk ke dalam satu gelanggang di mana ianya akan menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang sebenar-benarnya, ianya mempunyai tuntutan yang agak berlainan daripada apa yang ada kepada dirinya sekarang ini. Itulah sebabnya, saya pun faham, saya ingat pentadbiran ITM pun faham bahawa ini bukan semata-mata satu exercise untuk kita naik tarafkan. Ini sebenarnya satu pendefinisian semula ITM. Ada dua persoalan yang timbul daripada ini apabila ITM hendak mengambil langkah ini. Soalan yang pertama yang ditimbulkan ialah apabila ITM hendak menjadi sebuah IPT yang sebenar-benarnya, apakah yang akan terjadi kepada agenda ITM yang asalnya? ITM yang asalnya adalah seperti yang tersirat pada ketika ianya mula ditubuhkan, ianya memainkan peranan 'salvage programme', dengan izin.

Apabila ITM hendak menumpukan kepada pengeluaran selain daripada ijazah pertama kepada ijazah sarjana dan juga kedoktoran, maka sudah tentu sebahagian besar daripada wang penyelidikan, sebahagian besar daripada tenaga pengajarnya hendaklah ditumpukan kepada usaha-usaha yang tersebut. Maka dalam konteks kesuntukan ini, jadi terlebihnya tumpuan kepada perkara-perkara ini yang saya sangat setuju, akan menimbulkan pula kesuntukan dari segi di peringkat sijil dan di peringkat diploma.

Saya sebenarnya ada kebimbangan kerana kita merasakan peratusan pelajar-pelajar, khususnya pelajar bumiputera, yang lepasan sekolah menengah yang mendapat apa jenis bentuk latihan pun sama ada universiti ataupun apa-apa juga adalah berada pada kadar yang cukup

rendah. Terlalu ramai daripada anak-anak muda kita memasuki pasaran buruh pada umur yang terlalu awal, pada umur 18 tahun dengan berbekalkan 11 tahun pendidikan formal di sekolah menengah dan sekolah rendah. Ini amat merbahaya. Ianya terjadi kerana peluang-peluang pekerjaan terlalu senang diperolehi sekarang ini.

Dalam konteks itu apakah ITM akan memperluaskan juga peranannya dalam pada salvage programme yang saya katakan tadi, ataupun adakah peranan itu akan diambil alih oleh institusi-institusi lain, seperti IPM, IKM, Institut ILP, politeknik dan sebagainya? Kerana kita menghadapi masalah sekarang ini untuk meningkatkan sebanyak mungkin peratusan lepasan sekolah menengah yang mendapat pendidikan lanjutan. Sekarang ini peratusan tersebut tidak berapa banyak. Selain daripada kita tumpukan kepada sarjana muda, sarjana kedoktoran, yang mana kita perlu lakukan. Jadi, di antara bilangan mereka yang tamat sekolah menengah dengan mereka yang tamat ijazah pertama terdapat satu jumlah yang cukup ramai yang menimbulkan kebimbangan kepada saya. Apakah usaha dari segi 'institutional arrangement' yang kita boleh buat supaya kita dapat menyerap sebilangan besar daripada mereka untuk diberi, kalau tidak pun pendidikan, diberi latihan, diberi kemahiran yang membolehkan mereka memasuki pasaran buruh pada satu tahap yang lebih bermakna?

Perkara kedua yang timbul daripada ITM melangkah masuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi ialah perubahan yang begitu nyata yang terpaksa dilakukan oleh ITM. Terdahulu daripada ini, kita menerima bahawa ITM oleh sebab ITM tawarkan sijil dan diploma sahaja umumnya, walaupun ada degree, bukanlah sebuah institusi "penyelidikan". Jadi, sekarang ini ITM terpaksa pergi dengan begitu nyata sekali ke dalam bidang

penyelidikan dan juga pembangunan. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerantut tadi kalau tidak salah saya, memang setakat ini pengalaman dan juga usaha ITM dalam bidang penyelidikan dan juga pembangunan serta perundingan ini adalah terhad berbanding dengan saiz fakultinya. Ada Ph.D. saya ingat Ph.D bukanlah satu 'sufficient condition' untuk menjadi seorang 'scholar'. Oleh itu, menggunakan justifikasi bahawa kita ada satu kelompok Ph.D yang banyak memberi satu rasional bahawa kita boleh pergi kepada 'research' tidak semestinya benar. Ini adalah kerana 'a Ph.D is not a sufficient condition' untuk pergi ke langkah yang tersebut.

Jadi, dalam konteks ini, saya ingin mendapat pendapat tentang pengwujudan Senat yang dibuatkan. Satu langkah yang perlu ialah ITM kenalah mewujudkan sebuah Senat seperti yang diperuntukan dalam Fasal 20 seksyen 16A (6) ada diletak di situ tanggungjawab yang diberi kepada Senat dan subseksyen 2 ada diberi keahlian dalam Senat tersebut. Ada ramailah, terpulang kepada beberapa sekolah yang ada. Jadi, Senat merupakan sebuah badan dalam sesuatu IPT yang mana dipertanggungjawabkan tentang hal-hal akademik daripada pengajaran dan juga penyelidikan. Apa yang saya nampak terkeluar sedikit dalam perkara-perkara yang diletakkan di bawah Senat, dalam perkara 6(a), (b), (c) sampai (h) tak ada sebut langsung fasal penyelidikan di bawah kuasa Senat. Yang dikatakan ialah (a) penyusunan kursus, pengajian dan sebagainya hingga pengurniaan, penghormatan akademik, fellowship dan sebagainya, tetapi tidak tersebut langsung di bawah kuasa Senat ada juga hal tentang penyelidikan, pembangunan dan juga perundingan. Itu saya perkara yang saya ingat hendaklah dimasukkan secara khusus dalam bidang kuasa Senat.

Perkara yang kedua ialah komposisi Senat. Perkara ini telah saya bangkitkan

pada perbincangan rang undang-undang yang lepas. Saya adalah seorang kalau hendak dilabelkan sebagai yang masih berpegang kepada paradigma yang lama pun tak mengapa juga, tetapi saya masih berpegang kepada pendapat bahawa dalam sesebuah Senat, dalam pentadbiran- pentadbiran akademik sesebuah universiti, perwakilan daripada ahli-ahli akademik mestilah ada. Dalam komposisi Senat yang dicadangkan ini, Dekan ada, Timbalan Rektor, Rektor. Selepas itu, Provos dan 3 anggota kanan kakitangan ITM. Jadi, tak sebut yang lain. Mungkin tiga orang itulah yang akan mewakili kakitangan akademik ITM. Saya merasakan ianya tidak cukup. Kita faham dalam evolusi institusi pendidikan ini, mula-mula guru. Selepas itu guru menjadi pentadbir. Selepas dipecahkan, ada guru ada pentadbir. Tetapi dalam 'dichotomy' pentadbiran satu-satu IPT itu, guru adalah di tengah-tengah. Guru adalah yang memberi definisi kepada IPT itu. Pentadbir membaluti dan menyokong aktiviti utama yang dilakukan oleh guru dan pelajar. Suara guru, hendak kita panggil guru itu profesorkah, hendak kita panggil guru itu pensyarahkah, hendak panggil guru itu apa pun, suara guru hendaklah terdengar dalam pada kita membuat keputusan di dalam Senat. Khususnya suara guru yang bergelar profesor yang sepatutnya mencerminkan satu tahap keilmuan dalam satu-satu bidang yang khusus hendaklah dihormati. Apalah gunanya kita mengurniakan satu title profesor dalam satu-satu bidang yang khusus untuk menghargai dan memperakui ketokohnya, sumbangannya di dalam satu-satu bidang, tetapi kita tidak pergi bertanya kepada beliau tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara yang dia sendiri lakukan. Jadi, saya tidak tahulah macam mana untuk diperluaskan keahlian senat ini.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak bangkitkan ialah komposisi lembaga. Ini pun satu perkara yang saya telah timbulkan dalam membahaskan Akta

Universiti dan Kolej Universiti dahulu. Kalau kita lihat komposisi lembaga lagilah tidak ada perwakilan daripada kakitangan akademik. Ianya terdiri daripada pengerusi, rektor, dua orang yang mewakili kerajaan dan lima orang yang mungkin boleh dilantik daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang boleh membantu pada pendapat menteri dan tiga daripadanya hendaklah datang daripada sektor swasta. Berkemungkinan, di situlah kita boleh menyelitkan mereka yang daripada golongan yang saya katakan tadi. Tetapi oleh sebab perkara ini sudah jadi macam ini, saya ingin cadangkanlah supaya lima tempat ini diisikanlah oleh mereka yang menjadi guru-guru yang sebenar-benarnya.

Kita tahu, saya dulu pun terlibat dalam pentadbiran dan juga pengajaran. Apabila kita terlibat dalam pentadbiran, maka kita pun agak ketinggalan dalam penulisan dan penyelidikan kita. Jadi, tidak semestinya dekan-dekan merupakan mereka yang sebenar-benarnya mempunyai ketokohan dalam satu-satu bidang. Jadi, kita menghormati anugerah akademik itu lebih daripada kita menghormati kedudukan pentadbirannya. Seorang profesor, kalau dekannya profesor madya sahaja, profesor itu ada keutamaan dari segi pendapat tentang bidang-bidang yang berkaitan dengan akademik.

Perkara yang seterusnya ialah saya ingin mencadangkan supaya rektor Institut Teknologi MARA ini, akan mempunyai tempat dalam Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang mana aktanya telah kita luluskan dalam Dewan Rakyat ini. Saya tidak pasti, tidak dapat saya ingat kembali dengan tepat sama ada ada ruang ataupun tidak ada ruang untuk Rektor ITM menduduki Majlis Pendidikan Tinggi Negara. Kalau tidak salah, saya fikir ada ruang untuk Naib-naib Canselor yang tertentu bilangannya daripada universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Kolej

dan Universiti untuk menduduki dalam Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan ada tempat yang saya ingat sama banyak yang terdiri daripada pengarah-pengarah institut pengajian tinggi swasta tetapi saya tidak pasti, mungkin boleh diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, oleh sebab ITM akan menjadi satu IPT yang tersendiri yang tertubuh dengan aktanya yang tersendiri, mungkin terkeluar sedikit daripada itu.

Jadi, kalau terkeluar keupayaan Rektor ITM untuk menduduki Majlis Pendidikan Tinggi Negara, maka saya cadangkanlah Kementerian Pendidikan supaya melakukan pindaan untuk membolehkan Rektor ITM untuk menduduki Majlis Pendidikan Tinggi Negara. Sesungguhnya, sebagai sebuah IPT yang terbesar di Malaysia ini dan jauh lebih besar, lebih 43,000 orang student, daripada mana-mana IPT hendaklah mempunyai tempat dalam satu forum yang mana dasar-dasar pendidikan tinggi negara dibuat. Jadi, itu cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Harapan saya ialah supaya ITM ini menjadi satu institut pendidikan tinggi yang ulung. ITM akan menjadi sebuah IPT yang menunjukkan bahawa golongan bumiputera juga boleh mencapai pencapaian akademik yang setinggi-tinggi mungkin.

Oleh sebab yang demikianlah, saya memberi penekanan dalam perbahasan ini pada soal untuk menjaga tradisi akademik, pada soal untuk menjaga kualiti akademik. Dalam pada itu juga, kita hendaklah menjaga misi ITM yang sebenar, yang asalnya. Kita mahu Rektor ITM menjadi seperti Sheikh Al-Azhar untuk orang-orang Arab. Orang tersebut hendaklah mempunyai ilmu yang tinggi, budi yang tinggi, ianya hendaklah menjadi seorang ilmuwan, seorang budayawan bumiputera yang mana keperibadian dan juga keilmuannya orang boleh hormati, orang boleh rujuk. Apabila memperkatakan sesuatu sama ada tentang

budaya ataupun tentang sains, tentang sastera ataupun tentang apa juga, pendapat beliau dihormati umum. Yang saya cakap dalam Dewan ini, yang saya susah hati tentang Naib-naib Canselor sekarang ini dalam universiti-universiti awam ini adalah berdasarkan kriteria ini. Sebab itulah terdahulu kita ingat semasa Profesor Diraja Ungku Aziz menjadi Naib Canselor Universiti Malaya, beliau merupakan bukan sahaja seorang tokoh akademik tetapi seorang tokoh yang mempunyai penerimaan dari segi orang terima ketokohan ilmunya dan juga orang terima kewibawaan beliau.

Jadi, manusia-manusia seperti itu mesti ada dan manusia-manusia seperti itulah yang kita mahu untuk memimpin sesebuah institusi pengajian tinggi dan berdasarkan perkara tersebutlah saya selalu mengatakan bahawa kita hendak cari Naib Canselor ini, sama juga kita hendak cari Rektor ini, carilah daripada kalangan mereka yang datang daripada tradisi yang sama. Kita mahu Naib Canselor, Rektor atau apa juga yang kita panggil namanya menjadi the *moral compass* institusi yang dipimpin itu. Kalau tidak, keseluruhan imej secara simbolik satu-satu institusi itu kadang-kadang terletak kepada Naib Canselornya, terletak kepada Rektornya.

Jadi, pada masa yang sama saya juga ingin menyarankan dalam menggunakan premis hujah-hujah yang sama supaya Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan juga dikekalkan seperti sekarang ini diduduki oleh seorang ahli akademik. Jadi, kita tidak bolehlah dalam penggubalan dasar-dasar yang berkaitan dengan institusi pengajian tinggi ini keseluruhannya dibuat oleh orang yang bukan daripada masyarakat akademik. Ini bukan satu permintaan yang keterlaluan, ini adalah satu permintaan yang saya rasa cukup rasional dan memang pun menjadi dasar kerajaan kerana Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi yang pertama yang

dilantik oleh menteri memangnya seorang ahli akademik.

Jadi, itulah harapan saya dengan pindaan ini bahawa ITM akan menjadi sebuah institusi akademik berteraskan bumiputera yang cemerlang. Jadi, dengan cita-cita yang tersebut, dengan harapan yang tersebut, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Libaran.

4.28 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan kepada saya mengambil bahagian dalam membahar Rang Undang-undang meminda Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1996 ini.

Setelah sekian lama ditunggu-tunggu, akhirnya ketibaan akta ini membenarkan ITM menganugerahkan ijazah kepada penuntut-penuntutnya. Ini bukan sahaja sebagai satu pengiktirafan kepada peningkatan kualiti pengajian dan imej ITM tetapi juga menghapuskan pandangan rendah oleh sebahagian masyarakat selama ini yang menganggap selama ini bahawa institut ini sebagai institusi kelas dua atau kelas kambing.

ITM telah lama mengendalikan pelbagai pengajian bertaraf profesional dan separuh profesional berbanding dengan universiti yang bersifat akademik, di samping menganugerahkan diploma dalamannya sendiri yang mana sebahagiannya bertaraf ijazah sarjana seperti Diploma Pengajian Sebaran Am, Diploma Lanjutan Pengurusan Perniagaan dan Diploma Kejuruteraan ini. Ia juga menyediakan penuntut-penuntutnya bagi mendapatkan ijazah dari luar negeri. Namun begitu, selagi institut ini tidak menganugerahnya sendiri, ia masih lagi dianggap rendah atau tidak setaraf dengan

universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Walaupun telah terbukti bahawa sebahagian daripada graduan institut ini telah ditawarkan pendapatan yang lebih lumayan dan jawatan yang lebih mencabar berbanding sebahagian daripada graduan-graduan universiti. Melalui Akta ITM ini menjadi sama tarafnya dengan mana-mana universiti di negara ini.

Seterusnya apabila pusat pengajian ini dapat menganugerahkan ijazahnya sendiri, ini merupakan dimensi baru kepada satu-satu instituti yang dikhaskan untuk menempatkan penuntut-penuntut bumiputera bagi mendapatkan pelajaran dan kemahiran profesional untuk terutamanya keperluan sektor swasta. Ini penting kerana sektor swasta memainkan peranan utama bagi meningkatkan daya saing negara ini dari segi ekonomi dan produktiviti melalui perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, kelulusan akta ini juga bererti ITM akan menganugerahkan ijazah atau kurniaan 'kehormat' kepada orang-orang yang telah memberikan sumbangan kepada negara, bangsa dan agama. Tidak dapat disangkal lagi bahawa pusat pengajian tinggi ini tentu tidak akan kekurangan pakar dalam membuat penilaian pada bakal-bakal calon penerima ijazah atau kurniaan 'kehormat' ini. Namun demikian, saya berharap ITM hanya menganugerahkan mereka yang betul-betul telah teruji layak menerima kurniaan tersebut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pengurusan dan perniagaan bukanlah asing kepada ITM kerana pengajian ini khususnya mata pelajaran Book Keeping merupakan antara kursus yang mula-mula sekali diperkenalkan oleh institut ini semenjak ia digelar Maktab RIDA lagi. Dengan menggabungkan pelbagai kepakaran yang terdapat dalam semua pengajian di institut ini, ia boleh juga

menubuhkan beberapa syarikat perniagaan sama ada sendirian ataupun secara usahasama dengan syarikat-syarikat atau badan lain, bukan sahaja untuk mendapatkan sumber kewangan, tetapi perlu juga mengambil kesempatan untuk merayakan keuntungan hasil daripada perkembangan pesat ekonomi negara ini.

Antara bidang perniagaan yang harus diterokai oleh ITM ialah dengan menubuhkan pusat pengajian tinggi secara usahasama, umpamanya dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pusat pengajian ini ditubuh dan dijalankan secara swasta, bagaimanapun wang persekolahannya yang dikenakan kepada penuntut-penuntutnya tidak perlu terlalu tinggi, kerana kesemua atau hampir keseluruhan penuntut-penuntut yang terdiri daripada anak-anak bumiputera tidak berkemampuan memasuki jika kos tuisyen yang dikenakan kelak terlalu tinggi.

Penubuhan pusat pengajian tinggi yang diuruskan oleh ITM ini dapat menambahkan peluang kepada ramai lagi bumiputera untuk mendapat tempat pelajaran di peringkat tinggi dengan meraih bayaran yang berpatutan. Sementara itu pusat pengajian tinggi ini harus memberi penumpuan kepada pengajian-pengajian yang sangat diperlukan oleh negara masa kini dan akan datang seperti pengajian teknologi maklumat, ukur bahan, sains komputer, pengurusan projek, reka cipta, kejuruteraan elektronik dan pengajian perniagaan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ITM juga harus menitikberatkan bidang penyelidikan dan pembangunan. Bidang ini dapat membantu negara mencapai 'the leading age' dan mampu bersaing dengan negara maju seperti Jepun yang terkenal dengan reka ciptanya sehingga mengkagumkan negara Barat, walaupun telah menduduki dalam pelbagai penciptaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ITM juga khabarnya menghadapi kekurangan tenaga pengajar anak tempatan di peringkat cawangan kampusnya, khususnya di negeri Sabah. Untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar dari Sabah, saya mencadangkan agar ITM melipatgandakan Program Skim Pensyarah Mudanya (Young Lecturer Scheme Programme). Ini boleh dilakukan dengan secara berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah atau agensinya seperti Yayasan Sabah supaya menaja seberapa ramai lepasan ITM atau mana-mana lepasan pusat pengajian tinggi yang terdiri dari rakyat Malaysia Sabah menyertai program ini, dengan cara ini kekurangan sambutan graduan-graduan dari Sabah untuk memilih bidang pensyarah sebagai kerjaya mereka dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang bekas penuntut ITM, akhir sekali saya menyentuh mengenai 'boleh dan tidak boleh' atau 'dos and don't' terhadap pelajar atau badan pelajar ITM. Rasanya tidak perlulah mereka ini dikontrol sangat seolah-olah mereka ini berada di pusat tahanan terhad sehingga wujudnya 'sindrom bisu' di kalangan penuntut-penuntut, sedangkan kesatuan-kesatuan sekerja pun digesa menjadi rakan kongsi dalam pesyarikatan Malaysia, dengan meninggalkan sikap menuntut sesuatu sebagai jalan untuk mengagihkan keadilan.

Sebenarnya masalah sosial yang serius melanda negara masa kini seperti rasuah, penyelewengan kuasa, membinasakan alam sekitar dilakukan oleh mereka yang matang dalam kerjaya mereka, bukannya oleh penuntut-penuntut pusat pengajian tinggi.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana peka dan prihatin, kerana dapat membuat pemindaan yang besar maknanya kepada peningkatan mutu ITM.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pindaan ini akan mempercepatkan lagi ITM mengeluarkan para profesional bumiputera bagi mengisi keperluan negara menjelang sampainya tahun 2020, di mana dewasa ini negara kita mencapai taraf negara maju. Dengan ini, saya menyokong supaya akta ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang.

4.38 ptg.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Akta ITM 1976.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ITM ini ditubuhkan untuk memperbanyakkan ataupun mengeluarkan tenaga-tenaga profesional dan juga separa-profesional bumiputera, maka saya amat menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya ITM ini ditutup atau hanya dikhaskan kepada kaum bumiputera sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah dimaklumkan bahawa hampir 100,000 pelajar-pelajar ITM telah dilahirkan atau angka yang lebih tepat ialah 99,783 orang. Namun sehingga hari ini, kita lihat bahawa pencapaian ataupun peratus anggota-anggota profesional bumiputera masih lagi ketinggalan.

Saya menyokong cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong ini bukan kerana perasaan perkauman ataupun bercakap mengikut emosi, tetapi setelah saya mengkaji peratus pencapaian yang dicapai oleh profesional bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan peratus anggota berdaftar

berbagai badan profesional mengikut kaum bagi tahun 1970 sehingga 1995 iaitu selama 25 tahun. Ada 8 badan profesional:

Yang pertama, akauntan - pada tahun 1970 bumiputera hanya ada 6.8% sahaja, tetapi pada tahun 1995 selepas 25 tahun, akauntan bumiputera hanya ada 16.2% sahaja. Ini adalah pencapaian di dalam tempoh 25 tahun, hanya kita dapat capai sebanyak 9.3% di dalam akauntan.

Kemudian pencapaiannya juga amat menyedihkan kerana golongan akauntan kita hanya mempunyai 16.1%. Arkitek—pada tahun 1970 kita bumiputera hanya ada 4.3% tetapi pada tahun 1995, kita hanya ada 27.6%, hanya pertambahan sebanyak 23.3% dalam tempoh 25 tahun. Doktor—pada tahun 1970 kita hanya ada 3.7% tetapi pada tahun 1995 kita ada 33.4% iaitu sebanyak 29.7% telah kita capai dalam tempoh 25 tahun.

Doktor gigi - pada tahun 1970 kita hanya ada 3.1% tetapi pada tahun 1995 kita ada 30.9% bertambah 27.8%. Jurutera—pada tahun 1970 bumiputera hanya ada 7.3% tetapi pada tahun 1995 hanya bertambah 38.1% iaitu 30%, satu-satunya badan profesional yang saya kira menyangkal angka 30% dalam tempoh 25 tahun. Ini pun mungkin kerana UTM juga mengeluarkan jurutera-jurutera selain daripada ITM.

Tuan Yang di-Pertua, Juruukur—pada tahun 1980 kita ada 31.2% tetapi dalam tahun 1995 kita ada 48.3% hanya dalam tempoh 15 tahun kita bertambah 17.1%. Yang akhir sekali Peguam—pada tahun 1990 peguam bumiputera ada 14.8% dan pada tahun 1995, dalam tempoh 15 tahun peguam bumiputera hanya ada 24.9% hanya 10.1% sahaja yang bertambah dalam tempoh 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa peluang untuk memperbanyakkan lagi

ahli-ahli profesional di kalangan bumiputera harus dipertingkatkan. Ini jelas menunjukkan walaupun pelbagai cara telah diusahakan oleh pihak kerajaan, pelbagai usaha telah kita laksanakan, namun pencapaian keadilan sosial masih lagi tidak dapat kita capai, jauh tertinggal, bilangan profesional bumiputera. Maka kita harap, salah satu Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang boleh membantu melahirkan dan menambahkan lagi bilangan profesional bumiputera ini ialah ITM.

Oleh itu kita harap, pihak ITM ini kalau boleh hendaklah memperbanyakkan lagi cawangan, hendaklah memperbanyakkan lagi pengambilan pelajar-pelajarnya dan kalau boleh kita mahu pelajar-pelajar bumiputera walaupun syarat tidak cukup tetapi mempunyai keputusan yang terbaik di dalam mata pelajaran matematik dan juga sains, maka pelajar-pelajar ini walaupun SPMnya mungkin pangkat 3 ataupun pangkat 4 harus diberi keutamaan. Kerana untuk melahirkan bidang ahli-ahli profesional ini, maka kita memerlukan pelajar-pelajar yang bijak di dalam bidang sains dan juga matematik.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin menyentuh mengenai kualiti. Sepertimana yang kita dengar tadi, ketua pembangkang pun dah tak ada dalam Dewan, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh mengenai kualiti dan saya terasa seperti diperli ataupun seperti dihina apabila beliau menyatakan bahawa kualiti jangan berpandukan kepada politik ataupun beliau menyatakan tadi politik kualiti. Jadi, jelas menunjukkan bahawa pihak DAP ini apa sahaja yang kerajaan hendak buat untuk membantu bumiputera ini, selalu sahaja DAP ini akan tidak setuju dan kalau beginilah sikap saya rasa sampai bila pun DAP ini tidak akan mendapat sokongan daripada rakyat. Ini jelas semalam Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, hari itu kita dengar, beliau

hendakkan meritocracy, dasar meritocracy ini hendak dilaksanakan di negara kita, tetapi bagaimana kita hendak laksanakan berdasarkan meritocracy ini, kalau daripada segi profesional, daripada segi keadilan sosialnya, masa kita belum sampai seperti tahap yang kita kehendaki. Kalau keadaan sosial ini tidak disusun, tidak diatur dan tidak dicapai sepertimana yang kita harapkan, sudah tentu keseimbangan profesional di dalam negara kita akan jauh bezanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kualiti saya rasa begitu subjektif. Saya hendak bertanya kepada Ahli dari Tanjong, tetapi dia telah keluar. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini saya tahu dia berkelulusan LLB (External) daripada University of London. Adakah LLB University of London ini tarafnya lebih tinggi daripada Diploma in Law daripada ITM.

Saya hendak menyatakan di sini, saya juga berkelulusan LLB, saya tahu daripada United Kingdom. Kelulusan LLB daripada United Kingdom ataupun daripada University of London sekalipun ataupun daripada Cambridge sekali pun, tarafnya adalah sama dengan Diploma in Law daripada ITM.

Saya menyatakan demikian kerana hanya dengan berbekalkan LLB daripada United Kingdom ataupun daripada London sekalipun,

*(Yang Berhormat Dr. L. Krishnan
(Telok Kemang) masuk ke Dewan)*

Saya ingat tadi Tanjong masuk, saya hendak tanya betul atau tidak dia dapat LLB. Hanya dengan berbekalkan LLB tidak melayakkan seseorang itu diterima menjadi Peguambela dan Peguamcara, mana-mana pelajar kita yang mendapat kelulusan LLB mereka kena mengambil peperiksaan Sijil Amalan Guaman ataupun CLP. Tanpa Sijil Amalan Guaman,

walaupun kita ada LLB, walaupun kita ada ijazah, sarjana undang-undang daripada luar negeri, tetapi taraf kita ataupun kelayakan kita ini sama seperti pelajar-pelajar yang mendapat Diploma In Law daripada ITM, walaupun ITM hanya mengeluarkan Diploma In Law tetapi tarafnya ataupun kalau diberi peluang pekerjaan sama dengan mereka yang mempunyai LLB.

Kalau ada LLB kita tidak boleh menjadi peguambela dan peguamcara. Kita tak boleh dan tidak layak menjadi Majistret, kita tidak layak menjadi Pegawai Undang-undang ataupun Penasihat Undang-undang melainkan kita mengambil Sijil Amalan Guaman ataupun kita mengambil Barrister In Law.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, di ITM ini kita lihat bahawa pelajar-pelajar yang ingin menjadi peguambela dan peguamcara ataupun menjadi pegawai perundangan, mereka dikehendaki mengambil Advanced In Law ataupun ijazah lanjutan yang lebih dikenali sebagai Advanced Diploma In Law (ADIL) yang dikenalkan kalau tidak silap saya pada tahun 1986. Jadi, ADIL ini kalau kita lihat daripada segi kegunaan

(Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) masuk ke Dewan)

Ha! Ini anak dia masuk, mungkin boleh memberi penerangan. Betulkah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berkelulusan LLB? Tetapi LLB ini saya hendak menyatakan tadi iaitu ADIL dan juga CLP ini sama taraf kerana bagi melayakkan seseorang untuk menjadi Peguambela dan Peguamcara, kalau yang ada kelulusan daripada LLB, dia kena mengambil Sijil Amalan Guaman ataupun CLP, kalau daripada Advanced Diploma, dia kena mengambil Advanced Diploma in Law. Jadi, tarafnya sama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, mengenai kualiti ini bagi saya daripada segi kelulusan

undang-undang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini ada kelulusan undang-undang, sebab itu saya sentuh daripada segi undang-undang, sama tarafnya, walaupun dia dapat LLB daripada London, pengiktirafan yang diberi oleh lembaga kelayakan. Ingat hendak tanya, takut agaknya, bapanya 'loyar buruk'.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau hendak disebut daripada segi kualiti jangan kita menganggap bahawa ITM ini walaupun daripada asalnya ditubuhkan untuk membantu pelajar-pelajar daripada luar bandar yang mungkin pada mulanya dahulu hanya Gred 3 sahaja yang masuk ITM tetapi hasil kualiti kelulusannya pada hari ini haruslah kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan, memandangkan ramai di antara pelajar-pelajar bumiputera yang mempunyai kelulusan LLB, yang pada hari ini mereka ini mengambil peperiksaan Sijil Amalan Guaman yang kalau saya difahamkan hampir lebih 1,000 orang setiap tahun yang mengambil Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ini, maka saya ingin mencadangkan supaya pelajar-pelajar yang ada LLB ini juga haruslah diberi peluang untuk mengambil Peperiksaan ADIL ini. Jadi, mereka ada dua pilihan apabila pelajar kita balik daripada luar negeri ada LLB khasnya bumiputera, mereka ada dua pilihan sama ada mereka hendak mengambil Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ataupun mereka boleh mengambil Advanced Diploma In Law. Jadi, kalau peluang ini dibuka kepada pelajar-pelajar bumiputera khasnya yang ada kelulusan LLB, maka saya yakin bilangan peguam bumiputera akan dapat kita tambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya merasa sedih kerana kita lihat universiti-universiti tempatan seolah-olah mereka juga tidak mengiktiraf kelulusan daripada ITM sedangkan universiti-universiti di luar negara seperti Universiti Monash

dan juga Melbourne di Australia, mereka ini memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar Diploma In Law daripada ITM, mana-mana pelajar daripada Diploma In Law ini kalau mereka masuk Monash University ataupun Melbourne University, mereka ini terus boleh masuk ke Tahun IV, final year. Tetapi pelajar-pelajar kita kalau hendak masuk universiti tempatan mungkin hendak masuk Universiti Malaya ataupun Universiti Kebangsaan Malaysia, apakah Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun Universiti Malaya, UIA sekalipun apakah boleh memberi kebenaran kepada pelajar-pelajar Diploma Undang-undang daripada ITM ini boleh terus masuk di Final Year?

Saya merasa sedih kerana ada rakan-rakan saya yang mempunyai diploma daripada ITM, apabila mereka hendak masuk universiti tempatan, mereka terpaksa masuk ke tahun 1—fresh, tidak ada pengecualian. Jadi, kalau universiti luar negeri boleh memberi pengecualian dan mengiktiraf diploma kita, mengapa universiti tempatan tidak boleh memberi kelonggaran ini?

Jadi, saya rasa sudah sampai masanya universiti tempatan juga mesti memberi pengiktirafan kepada pemegang-pemegang diploma daripada ITM kerana pada hari ini, sebagaimana yang kita tahu, peluang kita hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri sudah tersekat. MARA (Majlis Amanah Rakyat)—satu-satunya badan yang kita harap dapat memberi bantuan kepada pelajar-pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran ke luar negeri tetapi pada hari ini, kita telah mendengar kenyataan bahawa peluang ataupun jumlah pelajar yang akan di hantar ke luar negeri akan disekat. Maka kita harap untuk mencapai kuantiti bilangan profesional ini dan juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar pemegang diploma ITM ini dapat melanjutkan pelajaran di dalam negara kita, maka universiti-universiti tempatan juga haruslah memberikan pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mengenai pengiktirafan dan juga kualiti ini, tidak boleh kita pertikaikan. Daripada kursus accountancy sebagai contoh, University of Aberdeen, dia telah mengiktiraf Advance Diploma in Accountancy daripada ITM, mereka boleh membuat Master di dalam bahagian Accountancy. New Zealand Society of Account juga mengiktiraf diploma kita. Jadi, saya rasa tidak ada sebab kalau universiti luar negara dan juga badan-badan profesional luar negara boleh mengiktiraf diploma ITM ini, mengapa tidak universiti tempatan juga seharusnya memberi pengiktirafan yang sama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa diploma-diploma ini yang sekarang ini telah pun dinaikkan taraf, maka kesinambungan pelajaran ini akan dapat diterima oleh universiti tempatan. Ini kerana saya lihat daripada segi kursus, saya lihat, kursus-kursus dan juga mata pelajaran yang diajar di ITM daripada mata pelajaran undang-undang sebagai contoh, saya lihat tidak ada bezanya core-subject yang diajar di ITM, iaitu Diploma in Law, tidak ada bezanya dengan sebarang core-subject in law yang diajar Universiti Malaya ataupun Universiti Islam Antarabangsa-subjeknya sama. Saya lihat core-subjectnya. Ada 8 atau 9 core-subject, semuanya sama. Di ITM ada mengajar Land Law and Convinsing, Equity and Trust, Commercial Transaction, Criminal Law and Procedures, Evident Family Law, Civil Procedures and Draftee, Law of Association, Jurisprudent and Legal Teory—semua mata pelajaran ini saya lihat sama dan ada juga di ajar di Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa. Jadi, saya hendak tegaskan sekali lagi, kalau mata pelajaran ini telah sama, maka kita harap bahawa pemegang-pemegang diploma ITM ini, khasnya dari kursus undang-undang, bukan sahaja mereka boleh melanjutkan pelajaran di bahagian Advance Diploma in Law, tetapi

juga ke tahun akhir di Universiti Malaya dan juga UIA, sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Universiti Monash dan juga Universiti Melbourne di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh mengenai penempatan pelajar-pelajar. Dalam kita ghairah untuk meramaikan pelajar-pelajar bumiputera di ITM ini, kita juga jangan lupa bahawa masalah tempat tinggal pelajar. Hari ini hampir 30% pelajar-pelajar ITM di Shah Alam, di cawangan-cawangan mungkin mereka boleh tinggal sepenuhnya di asrama, tetapi di ITM Shah Alam hampir 30% yang tinggal di luar kampus dan mana-mana pelajar yang datang dari Lembah Kelang, saya difahamkan mereka ini tidak dapat asrama. Walaupun mereka ini tinggal di Lembah Kelang, tetapi kalau mereka ini tinggal di Setapak atau di Gombak, jauh daripada Shah Alam, sebab itu mereka ini menghadapi masalah pengangkutan dan juga masalah untuk hadir kuliah. Begitu juga di Shah Alam, bukannya mudah untuk mendapat rumah. Kalau dapat rumah pun, kita dapati pelajar-pelajar kita ini berkongsi sampai 8 - 10 orang. Jadi, dalam suasana duduk dalam rumah yang begitu ramai, sudah tentu peluang ataupun keselesaan sebagai pelajar ini akan terganggu.

Kita kluatir, kalau mereka ini boleh duduk seramai 8 - 10 orang dalam sebuah rumah, masih boleh tahan, tetapi kita kluatir seandainya masalah tempat tinggal ini menjadi serius, sepertimana yang kita dapati ada dahulunya berlaku juga di kalangan pelajar-pelajar kita di luar negara, oleh kerana masalah tempat tinggal ini terhad, maka mereka terpaksa berkongsi rumah tetapi duduk bilik asing-asing dan kita kluatir budaya kongsi rumah ini akan menular di Lembah Kelang. Bukan sahaja masalah penempatan di ITM tetapi di IPT-IPT yang lain juga, maka kita harap agar budaya kongsi rumah di mana kita dapati pelajar lelaki dan pelajar perempuan berkongsi satu rumah, tetapi

duduk bilik lain-lain. Kadang-kadang kongsi bilik air dan kongsi dapur, tetapi bilik tidur tidak sama—pada peringkat mula, tetapi kita kluatir, kalau budaya ini menular dan kita kluatir masalah sosial pelajar—lambat laun kita tidak dapat kawal.

Jadi, sebelum perkara ini menjadi lebih serius, sebelum budaya berkongsi rumah lelaki dan perempuan ini berlaku di Lembah Kelang ataupun Shah Alam, maka saya ingin mencadangkan supaya perbanyakkan asrama-asrama, khasnya di ITM ini, kerana saya lihat di ITM ini masih banyak lagi tanah-tanah yang kosong dan saya yakin kalau Kementerian memberi peruntukan yang secukupnya untuk membuat tempat tinggal, ini mungkin dapat kita laksanakan, kerana ITM ini, seperti yang saya katakan adalah tempat anak-anak bumiputera menuntut ilmu, jadi, kalau disiplin mereka ini rosak, kalau masalah sosial mereka ini rosak, sekaligus akan merosakkan juga imej bumiputera di seluruh negara khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tersebut, saya menyokong Pindaan Akta ITM, 1976 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Wangsa Maju.

4.58 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pindaan Akta ITM 1976 ini. Saya turut bersama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain, terdahulu dari saya yang telah menyokong inisiatif dan usaha untuk meminda akta ini, terutamanya untuk mengkorporatkan ITM bersama-sama dengan IPT Awam yang lain dalam negara kita, juga untuk mengurangkan beban kerajaan,

meningkatkan financial accountability, dengan izin, dan juga mewujudkan suatu pengurusan yang lebih responsif kepada keperluan-keperluan pendidikan dan pasaran. Keduanya, pindaan akta ini adalah bertujuan untuk menaikkan status atau taraf ITM ke peringkat universiti, yang sememangnya juga saya sokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas inisiatif dan usaha Menteri Pendidikan dan Kementerian yang dengan Akta (Pindaan) ITM ini merupakan akta yang keenam dalam program legislative yang akan diluluskan oleh Dewan ini dalam agenda reformasi pendidikan yang telah dijalankan mulai tahun lepas. Dan saya rasa, tidak ada satu detik dalam sejarah ataupun contoh dalam sejarah negara kita sejak kemerdekaan di mana satu rombakan yang begitu besar dan dramatik dan kesannya begitu luas atas masa depan sistem pendidikan negara kita demi kepentingan kemajuan dan pembangunan negara kita. Saya memuji Menteri berkenaan, bukan kerana dianya ada di sini, tetapi kerana sebenarnya ini satu pencapaian yang sangat kita sanjung. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak ITM kerana dengan sejarah yang begitu lama sejak 40 tahun yang dahulu, dan ianya akan mengorak satu sejarah baru dan mengangkat taraf ITM sebagai satu institusi pengajian tinggi yang ulung dan yang utuh atas landasan-landasan kecapaian dan kejayaan pimpinan-pimpinan oleh pemimpin-pemimpin dan pengarah-pengarah sebelumnya ini. Pada Pengarah dan Rektor yang akan dikelaskan nanti selepas pindaan ini diterima oleh Dewan, saya ucapkan selamat maju jaya untuk memimpin ITM dalam bentuk barunya ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dibuat dalam konteks mengangkat taraf dan mengkorporatkan ITM ini adalah satu proses yang sebenarnya tidak berbeza dengan apa yang sedang berlaku di negara-negara maju. Terutamanya kita dapati sempadan antara pengajian akademik ataupun yang bertaraf akademik yang melibatkan jurusan-jurusan disiplin akademik sama ada sains kemanusiaan ataupun kemasyarakatan dengan kelayakan-kelayakan profesional ataupun iktisas semakin tipis. Malah agak susah untuk kita membezakan. Keduanya, kita juga melihat bahawa konsep universiti sebagai tradisionalnya, di mana universiti itu merupakan satu pusat pengajian tinggi yang mempunyai pelbagai disiplin yang mempunyai tekanan-tekanan untuk meningkatkan minda dari segi pengajian akademik, sekarang ini menjurus kepada mengeluarkan tenaga mahir untuk keperluan pembangunan negara-negara dalam sejarah negara maju mahu pun dalam keadaan negara-negara membangun sekarang.

Oleh itu, maka peningkatan ITM ke taraf status universiti ini selari juga dengan apa yang telah dilakukan di UK, di mana politeknik-politekniknya sudah diangkat taraf ke universiti seperti di Australia, ataupun mereka diserap masuk ke dalam universiti-universiti supaya bidang program-program akademik daripada universiti-universiti ini lebih luas, lebih mencakup isu-isu meningkatkan minda dan ilmu melalui penyelidikan dan pengajaran serta juga dari segi mengeluarkan tenaga mahir. Jadi, dengan dua perkara ini dalam ITM juga kita akan melihat bahawa perbezaan antara institut seperti ITM yang mengeluarkan tenaga mahir, profesional dan subprofesional tidak lagi akan berbeza begitu jauh daripada universiti-universiti lain.

Jadi, dalam hal ini, saya hanya mahu menekan apa yang telah ditimbulkan oleh beberapa rakan bahawa walaupun kita

mahu meningkatkan taraf ITM ini ke peringkat universiti dan memberikan peluang kepada ITM memberi gelaran-gelaran profesor dan sebagainya, dan juga memberi penghormatan kepada mereka yang ternama melalui ijazah-ijazah kehormat dan sebagainya, walaupun ianya tidaklah lari daripada tanggungjawab bukan sahaja dari segi meningkatkan mutu program-program dan penyampaian serta kualiti penyelidikannya, tetapi masih perlu menekankan peranan ITM itu dalam agenda asalnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga Sepang. Dalam hal ini, saya rasa kedudukan ataupun peranan ITM yang dahulunya seperti kata Yang Berhormat dari Balik Pulau hanya sebagai 'salvage operations', mereka yang tidak dapat masuk ke universiti, mendapat lulusan SPM di peringkat gred 2 dan 3 dahulu, sekarang ini makin naik sampai gred 1 pun susah hendak masuk ke ITM, saya difahamkan disediakan beberapa program.

Saya rasa dalam hal urusan ataupun tujuan ITM asal itu untuk mengeluarkan tenaga mahir bumiputera dalam bidang subprofesional dan profesional ini perlu diteruskan. Walaupun dengan meningkatkan ke taraf universiti, kita memberi peluang kepada lebih kurang 30% yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sepang untuk mereka melanjutkan pengajian mereka ke peringkat universiti. Kemungkinan ada tarikan ataupun ada minat di pihak pentadbiran untuk terus meningkatkan 'academic requirement', seolah-olah menyamai universiti-universiti lain. Ini berlaku di negara Amerika yang dikatakan 'creeping academic requirement' dan 'academic inflation'. Yang sebenarnya mengurangkan perbezaan antara vokasional dan 'technical training colleges' mereka yang terus menyamai universiti-universiti. Pada tahun 1970-an menimbulkan satu krisis, di mana kritikan dituju kepada sistem pendidikan

tinggi Amerika bila dibanding dengan Germany dan Jepun telah dikatakan membawa kepada ketandusan tenaga profesional, tenaga teknikal dan vokasional. Dengan itu, maka dalam persaingan antarabangsa dari segi ekonomi dan perdagangan, pihak Amerika Syarikat memang begitu menonjol dari segi 'basic research', tetapi dari segi 'applied' dan dari segi memasarkan research tersebut telah didahului oleh Germany dan Jepun.

Jadi, kita tidak mahu mengulangi pengalaman ini, kita mahu mendapat iktibar daripada pengalaman ini supaya mengelak daripada penyantuman ataupun penyamaan antara ITM sebagai universiti ataupun yang boleh mengeluarkan ijazah dan lain-lain diploma tinggi supaya ia tidak terlalu berbeza dengan universiti lain, tetapi lupa pula bahawa tujuan asalnya ialah mengeluarkan subprofesional ini. Seperti kata Yang Berhormat dari Tanjong Karang jumlah bumiputera dalam bidang-bidang profesional dan subprofesional masih kurang. Tetapi lebih penting lagi jumlah yang kita perlukan dalam konteks agenda Wawasan 2020, jurang kemahiran yang diperlukan semakin meningkat. Malah dalam tahun 1990, iaitu lima tahun yang lepas apabila kerajaan mengeluarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, iaitu bagi tahun 1991 hingga tahun 2000, di mana pengunjuran dibuat dari segi keperluan tenaga mahir.

Kita telah juga menjalankan satu kajian berasingan di MIER menunjukkan bahawa unjuran jurang kemahiran ini, iaitu jurang antara 'skill production', dengan izin, dan 'demand' ataupun permintaan kemahiran mengikut kepada unjuran kepada pertumbuhan ekonomi dan keperluan negara tersebut adalah lebih besar. Terutama mengikut ingatan saya, pada pihak profesional dan teknikal level, ianya 100% lebih tinggi daripada unjuran kerajaan. Dalam bidang perkhidmatan, sektor perkhidmatan yang merupakan bidang yang akan mendahului

pembangunan ekonomi negara menjelang abad ke-21, di mana sekarang ini sektor pembuatan mendahului sebagai 'leading sector' bagi pertumbuhan ekonomi. Pada sektor services ini, keperluan adalah lebih 130% lebih tinggi daripada unjuran Rancangan OPP2 itu. Dan pada 'production workers' 60% lebih tinggi daripada unjuran kerajaan. Maka kita telah menekankan dalam dialog-dialog bersama-sama dengan kerajaan supaya menekan soal HRD, soal pembangunan tenaga manusia dari segi pengeluaran kemahiran dari segi pengeluaran kemahiran ini.

Apabila ITM diangkat ke taraf universiti, kalaulah pula pihak pentadbiran merasakan ianya akan meningkatkan keperluan-keperluan ijazah mereka itu dan mengeluarkan graduan-graduan yang lebih ramai, maka sumbangan ITM yang sekian lama begitu penting dalam pembangunan ekonomi kita selama ini, tentu sekali lebih penting dalam masa Wawasan 2020 untuk mencapai matlamat tersebut akan bertambah rumit dan meruncing. ITM mempunyai kelebihan yang sememang semuanya tahu bahawa ia telah menyumbang keperluan tenaga manusia yang sangat membanggakan dalam berbagai-bagai bidang dalam peringkat profesional dan subprofesional ini. Banyak contoh dalam Dewan ini adalah mereka yang melalui sistem ITM yang kemudiannya mendapat peluang untuk meluluskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tetapi di peringkat ITMlah mereka diberi peluang untuk meningkatkan ilmu pada mereka.

Latihan yang diberikan oleh ITM adalah kelayakan-kelayakan yang menepati keperluan pasaran. Contoh yang lebih jelas dalam hal ini ialah pada tahun 1985-1988 dalam kajian yang telah kita buat di MIER dahulu, apabila negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi yang cukup mendadak, membawa kepada berbagai-bagai, ramai rakan-rakan kita

yang muflis ataupun terpaksa di 'built-up' kan oleh TPU dan sebagainya, NCH ataupun projek nasional clearing house bagi pelajar-pelajar penganggur, iaitu kalangan graduan-graduan menganggur, pada tahun-tahun tersebut, tahun 1985-1988 merupakan 19% daripada jumlah yang memerlukan pekerjaan dibandingkan dengan pengangguran lebih kurang 9% purata dalam negara keseluruhannya.

Pada masa itu, kita telah melihat dari segi data yang telah dipungut pada mereka yang memerlukan pekerjaan dan majikan yang memerlukan pekerja bahawa permintaan ataupun pengambilan dan penempatan pekerjaan dari kalangan ITM adalah kalangan yang terbanyak yang diterima. Oleh kerana mungkin juga mereka berkebolehan dari segi komunikasi dalam bahasa Inggeris dan juga mereka lebih terbuka dibandingkan dengan pelajar-pelajar universiti lain. Jadi, ini menunjukkan bahawa apa yang dibuat oleh ITM itu adalah satu yang amat penting dan berguna kepada pasaran. Dengan itu, peranan ini tak perlu dibereskan ataupun diremehkan.

Saya juga ingin menekankan bahawa dalam soal kita meningkatkan kemahiran ini dan juga dalam soal kita melaksanakan selepas selesainya legislative programme ini, melaksanakan reformasi pendidikan. Sebenarnya kita, berpindah daripada sistem yang berasaskan warisan sistem pendidikan British kepada sistem yang lebih mirip kepada sistem pendidikan Amerika, Jepun dan Jerman. Dan dalam soal inilah, maka kita dapat melihat bahawa walaupun universiti-universiti, dan tentu sekali ITM, yang akan menjadi universiti, mengeluarkan graduan-graduan yang luas dari segi pengajaran, pendidikan, akademiknya dan kelulusan-kelulusan profesionalnya. Adalah amat penting kita pastikan bahawa golongan-golongan yang merupakan pembantu ataupun penyokong kepada kemahiran tenaga manusia peringkat tinggi juga diperhebatkan.

Saya ada satu, ingin menengahkan kepada dewan ini, satu penemuan oleh seorang nobel price winner, dengan izin, dalam bidang ekonomi iaitu Robert Lucas Junior yang telah mengkaji kedudukan di Filipina dibandingkan dengan kedudukan di Korea Selatan dalam tahun 60-an sampailah ke penghujung 70-an, di mana asas-asas ekonomi kedua-duanya adalah agak sama pada waktu 60-an sebelum 72 negara Filipina adalah yang terkaya di kalangan Asia Tenggara ini, dan Korea pun sama tarafnya dari segi ekonomi. Dari segi pengeluaran sistem pendidikannya adalah sama, tetapi berbeza dalam konteks kadar-kadar pengeluaran universiti, peringkat kolej, peringkat rendah dan sebagainya. Tetapi apabila dikaji hasil daripada perkembangan tenaga manusia ini antara pihak Korea dan Filipina, dalam tahun 80-an, di dapati bahawa pengeluaran yang melalui sistem South Korea, yang mirip kepada Sistem Jepun dan berbanding dengan negara Filipina, dari segi pengeluaran jumlah graduannya di peringkat universiti ataupun kolej yang mirip kepada sistem Amerika bahawa data pengeluaran daripada kalangan South Korea itu dan ekonomi South Korea itu lebih menonjol dari segi pertumbuhan. Ini adalah faktor yang membezakannya, yang membawa kepada perbezaan, pencapaian ekonomi dan produktiviti di antara South Korea dan Filipina ini. Hasil dari pembangunan tenaga manusianya ialah dari segi apa yang dikatakan konsep *learning by doing*, dengan izin, iaitu bahawa mereka mempelajari ilmu, perlu menggunakan ilmu itu dalam proses pembelajarannya. Bukan selepas dia mendapat ijazah, baru selepas masuk dalam syarikat ataupun apa-apa pekerjaan selepas ini, barulah dapat practical experiencenya.

Dan sistem inilah yang patut kita anuti dan saya lihat dalam inisiatif yang diambil dan ITM sendiri, yang telah melaksanakannya, sistem learning by doing ini, sangat-sangat penting. Dengan itulah oleh kerana dalam 5 tahun yang

akan datang ini, pembangunan ekonomi dan kadar pertumbuhannya bergantung kepada productivity growth, maka perkara ini sangat penting dalam sistem pendidikan kita. Jadi, dengan itu ITM yang telah pun memulakan proses ini janganlah pula, kerana dia dinaikkan status kepada universiti, lupa bahawa, sebenarnya ini adalah sumbangan yang terbesar.

Maka, sebenarnya saya ingin menyarankan bahawa ITM ini perlu diperbesarkan seperti kata Tanjong Karang. Iaitu daripada jumlah sekarang ini 43 ribu, saya rasa pihak ITM mampu kerana ini adalah satu peluang keemasan bagi pihak pentadbiran ITM dan kementerian untuk memperluaskan ITM dalam bidang yang seperti dia buat sebelum ini termasuk bidang-bidang baru yang disebutkan oleh Libaran, bahawa dalam soal ini dia boleh meningkat sampai ke 100 ribu pelajar dengan diperbanyak, dipertingkatkan, diperbesarkan saiz cawangan-cawangan yang ada sekarang ini, yang sembilan termasuk selain daripada kampus induk.

Mungkin dengan kerjasama kerajaan negeri-negeri lain di mana beberapa kerajaan negeri termasuk negeri Johor dan negeri Selangor saya difahamkan berhajat untuk mewujudkan komuniti colleges mereka iaitu kolej-kolej masyarakat. Di mana mengambil pelajar daripada lepasan SPM selama 2 tahun, diberikan pengajaran-pengajaran dalam bidang-bidang kemahiran dan subprofesional. Kemudiannya mereka mahu teruskan ke peringkat lebih tinggi atau ijazah, dibolehkan tetapi yang lainnya masuk terus ke sektor pekerjaan. Maka dengan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri yang bertujuan mengadakan sebuah kolej masyarakat ini ataupun community college ala-Amerika tetapi dalam bentuk pengajian yang lebih mirip kepada keperluan pasaran, maka tentu sekali pihak ITM dapat meningkatkan jumlah ini.

Tentu sekali satu daripada masalah-masalah yang seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau dari segi mutu pengajaran dan pembelajaran terletak kepada pengajarnya. ITM apabila menjadi sebuah universiti ataupun diangkat taraf universiti akan bersaing dengan pihak universiti-universiti lain termasuk universiti baru seperti di Sarawak dan Sabah dan juga universiti-universiti swasta yang akan ditubuhkan ataupun cabang-cabang universiti luar negeri yang akan ditubuhkan, yang dibolehkan dengan akta terbaru itu. Maka masalah tenaga pengajar ini sesuatu yang sungguh besar impactnya ke atas kualiti pengajaran tersebut.

Dan oleh kerana pembangunan ekonomi begitu baik, mereka dalam bidang-bidang profesional ini banyak yang telah meninggalkan bidang pengajaran, akademik untuk masuk ke bidang swasta. Dengan itu juga melalui *attrition* ini, dengan izin, maka menimbulkan masalah. Di manakah kita akan mencari jumlah pengajar dan tenaga pengajar yang berkualiti untuk mengajar di pusat-pusat pengajian ini. Itu sebabnyalah saya bersetuju sangat dengan pihak kementerian yang terus memberi galakan kepada twinning programme kerana dengan cara inilah saya rasa, melalui globalisasi dalam sistem pendidikan, kita dapat menggunakan kepakaran, tenaga pengajar di negara-negara maju. Yang di setengah-setengah bidang termasuk dalam bidang perubatan, sekarang ini menghadapi masalah kelebihan dari segi jumlah doktor, walhal di negara-negara seperti di negara kita masih memerlukan doktor, jururawat dan sebagainya. Maka yang demikian, mereka ada ases kapasiti, di mana kita pula perbandingannya, memerlukan tenaga pengajar dan resources. Maka twinning programme inilah dari segi ekonominya, satu-satunya cara kita dapat mengemblemkan resources ataupun sumber-sumber tenaga pengajar dan juga sumber-sumber tenaga, sumber-sumber kemudahan di negara-negara maju untuk

mengeluarkan tenaga-tenaga mahir dalam negara kita melalui twinning programme.

Dalam hal ini saya rasa, ITM adalah antara yang mempelopori konsep twinning ini dengan twinning programme dengan Ohio University, maka sudah mempunyai pengalaman dalam bidang ini. Maka saya rasa ITM dapat mengembangkan usahanya itu mengikut tradisi walaupun dalam rangka baru untuk meneruskan usaha itu melalui twinning dengan kolej-kolej dari luar negeri dan juga dalam negeri. Dan ini target 100 ribu itu tidak mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, lebih dari itu saya rasa dengan adanya telekomunikasi dan juga teknologi pendidikan jarak jauh melalui pengenalan communication system broadband dan sebagainya. Dengan adanya internet, dengan adanya information super-highway dan sebagainya, tentu sekalilah ITM mempunyai peluang jika benar-benar pentadbirannya mahu menggunakan kesempatan dengan akta ini untuk melonjakkan pengembangan di ITM ke status yang lebih tinggi. Mungkin dengan cara ini, dengan menggunakan teknologi ini, maka ianya dapat mewujudkan apa Yang Berhormat dari Parit Sulong sarankan iaitu the first virtual university dalam negara kita.

Dengan demikian, dari segi tenaga pengajar, kemudahan yang ada di kampus induknya dapat disebarkan ke seluruh rangkaian cabang-cabang ITM tersebut dan dengan itu, saya rasa menggunakan teknologi baru ini dalam sistem pendidikan jarak jauh, sistem menggunakan video conferencing, dengan fibre optic network yang sudah pun sedia ada dan internet yang dapat menggabungkan pula dengan pengetahuan dan information dan maklumat daripada seluruh dunia, maka tentu sekalilah ITMlah yang mula-mulanya yang akan mewujudkan universiti virtualiti itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada sahabat saya dari Wangsa Maju bahawa sekarang ini KUB sedang dalam proses giat untuk merealisasikan satu universiti virtual yang secara real. Adakah Yang Berhormat dari Wangsa Maju mahu mencadangkan agar diadakan satu twinning programme di antara KUB yang sedang pun develop, dengan izin, Universiti Tun Abdul Razak Net - UTERNET untuk universiti virtualnya untuk satu twinning programme dengan ITM untuk memudahkan kursus-kursus jarak jauh kepada ITM di masa akan datang?

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, ini satu cadangan yang pihak pentadbiran ITM sendiri perlu jawab ataupun fikirkan. Saya merasakan ini satu peluang yang saya maksudkan tadi. Dengan adanya twinning sebegini, maka ITM mempunyai peluang bersama KUB iaitu ITTAR untuk mewujudkan virtual universiti ini. Jadi, itu satu yang sangat baik perkembangannya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa lagi yang saya hendak sebutkan. Saya rasa peluang ini perlu diambil oleh pihak pentadbiran ITM. Cabaran-cabaran ini adalah cabaran-cabaran yang tentu sekali akan meningkatkan daya kreatif mereka dan saya rasa satu peluang yang tidak harus diketepikan buat masa ini.

Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

5.23 ptg.

Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran untuk saya mengambil bahagian membahas rang undang-undang ini. Kita sedar bahawa Institut Teknologi MARA (ITM) hanya menerima murid-murid dari kaum bumiputera. Walau bagaimanapun, kaum bukan bumiputera dari kampung-kampung juga ingin memohon memasuki ke ITM kerana peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan lain-lain sangatlah tipis dan juga dihadkan dengan kuota. Walau bagaimanapun, tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Tanjong Karang tidak setuju dengan cadangan saya bahawa inilah pandangan mereka dan saya hormat sepenuhnya.

Oleh kerana murid-murid dari kampung yang dari golongan miskin, mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti di luar negeri kerana tidak mampu menampung kos pelajaran yang begitu tinggi. Oleh yang demikian, saya mohon dan merayu kepada pihak kementerian agar dapat mempertimbangkan dan mengkaji semula dasar pentadbiran Institut Teknologi MARA dan membenarkan golongan bukan bumiputera belajar di ITM. Ini adalah aspirasi kaum orang bukan bumiputera. Jikalau cadangan saya dipertimbangkan, saya amat yakin bahawa ini akan menggalakkan lebih integrasi antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, the question of loyalty by some non-bumiputera does not arise anymore because we have contributed a lot to national development, dengan izin. Pada masa ini, apabila anak-anak kita nampak bendera kita di luar negeri, mereka tahu inilah bendera kita. Namun demikian, pendidikan yang berkualiti mestilah diperluaskan kepada semua kaum. Kita tidak nafikan bahawa

ITM telah berjaya menambahkan graduan-graduan yang berkualiti sejak penubuhannya. Namun, selepas peng-korporatan ITM, perubahan mestilah berlaku dan melaksanakan tugasnya untuk memberi lebih peluang kepada semua. Ini tidak akan mengorbankan peluang bumiputera dari kampung-kampung kerana kita boleh memperbesarkan kampus ITM atau kita boleh mewujudkan lebih kolej kerajaan untuk menjaga golongan yang miskin.

Pada masa ini, kita semua berwawasan dan mempunyai sikap yang positif serta bersemangat bekerjasama di seluruh negara dan ini telah dicerminkan pada pilihanraya tahun 1995 di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan parti Barisan Nasional pun telah menang dengan lebih majoriti termasuk kawasan-kawasan yang majoritinya adalah pengundi orang Cina dan termasuk kawasan kuat parti pembangkang. Fenomena ini berlaku di seluruh Malaysia iaitu dari utara ke selatan semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak. Oleh kerana rakyat Malaysia menikmati kejayaan bidang ekonomi negara kita, cadangan saya adalah untuk mempertingkatkan integrasi antara semua kaum di Malaysia dan seterusnya menggalakkan hubungan antara satu sama lain. After all, we are all Malaysians, dengan izin. Ini dapat menjamin perpaduan antara kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain dan seterusnya mempercepatkan impian kita untuk merealisasikan Wawasan 2020.

Jikalau Institut Teknologi MARA dengan hati terbuka menerima pelajar-pelajar dari kaum bukan bumiputera, maka saya pun mencadangkan bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman yang ditubuhkan dan disokong oleh Parti MCA pun bukalah pintu untuk kaum bumiputera. Sehubungan itu, kaum bumiputera dapat memperbaiki lebih kuat mata pelajaran sains, termasuk fizik, kimia, biologi, matematik dan lain-lain lagi. Demi merealisasikan Wawasan 2020 agar negara kita melangkah ke era

yang lebih maju, kita mesti memastikan generasi muda kita menceburkan diri dalam bidang sains dan teknologi agar menjayakan proses pemodenan negara kita.

Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mersing.

5.28 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang dapat mengemukakan rang undang-undang tersebut di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan rang undang-undang ini. Pertamanya, berkenaan dengan matlamat kemampuan berkomunikasi. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi matlamat semua institusi pengajian tinggi untuk mengeluarkan pelajar yang berilmu yang dapat menjadi ejen perubahan dalam masyarakat. Graduan-graduan inilah yang diharapkan menjadi bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Oleh itu, mereka mestilah diasuh, dilatih dan dibimbing supaya mereka bukan sahaja mahir dalam bidang pengurusan masing-masing tetapi serba boleh dalam berbagai bidang di samping beriman, bertakwa dan bermoral tinggi.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan ITM khususnya

Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang menjalankan tanggungjawab membimbing pelajar-pelajar melalui khidmat kaunseling, program-program kokurikulum dan aktiviti-aktiviti di bawah persatuan-persatuan pelajar.

Sungguhpun berbagai-bagai usaha dijalankan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mencapai kejayaan akademik cemerlang, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian serius ialah kemampuan pelajar-pelajar berkomunikasi secara profesional. Adalah sangat menyedihkan apabila seorang lulusan ITM dengan CGPA 4 tidak berjaya dalam temu duga semata-mata kerana kelemahan berkomunikasi.

Pada zaman sekarang, kita tidak boleh elak daripada berintraksi dengan orang lain sama ada di dalam atau di luar negara. Penggunaan bahasa Inggeris sudah menjadi kemestian apabila berkomunikasi dengan orang luar negara. Apabila memegang jawatan seperti akauntan, eksekutif pemasaran dan lain-lain dalam kategori pengurusan, sudah tentu seseorang itu terdedah kepada dunia luar organisasinya, yang berkehendakkannya berkomunikasi dalam bahasa Inggeris secara profesional. Dalam perbincangan saya dengan beberapa orang ahli korporat perkara kelemahan graduan ITM bertutur dalam bahasa Inggeris sering disebut.

Saya sangat-sangat berharap, pihak ITM memberi penekanan yang bersungguh-sungguh terhadap penggunaan bahasa Inggeris di dalam setiap kajian kursus. Mungkin boleh dimaksudkan satu pelajaran kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kemahiran yang saya maksudkan di sini ialah kebolehan bercakap, berkeyakinan tentang hal-hal yang berkaitan dengan bidang khususnya secara profesional menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, memberi penekanan kepada penggunaan bahasa

Inggeris tidak bererti kita hendak mengetepikan kepentingan Bahasa Melayu, kita guna bahasa Inggeris kerana kita ingin memperbaiki kelemahan dan ingin bersaing dengan orang lain dalam hal-hal pengetahuan, ekonomi, perdagangan, maklumat, teknologi dan seribu satu perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Tahunan ITM 1995, muka surat 17, 'kerajaan akan mengkorporatkan ITM'. Saya menyokong penuh rancangan ini. Walau bagaimanapun, saya berharap ITM akan terus memberikan seluas-luas peluang kepada penuntut luar bandar melanjutkan pelajaran ke institut tersebut.

Seperti kita maklum kebanyakan penuntut yang datang dari luar bandar ini mempunyai kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris. Keadaan ini akan menyempitkan peluang mereka mendapat tempat di institut pengajian tinggi lain, contohnya IPTS yang menggunakan bahasa Inggeris. Institusi swasta ini pula mengenakan yuran pengajian yang tinggi, yang tidak mampu dibiayai oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, saya ingin medapat jaminan Kementerian Pendidikan bahawa dasar yang ada sekarang akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha negara mencapai taraf negara maju, maka bidang sains dan teknologi amatlah penting, terutamanya dalam industri Hi-Tech. Untuk memastikan pencapaian matlamat ini, negara memerlukan lebih ramai tenaga mahir dalam pelbagai bidang sains dan teknologi khususnya di kalangan kaum bumiputera. Walau bagaimanapun, menurut laporan yang sama setakat tahun 1995 peratusan pelajar ITM yang mengikuti bidang sains dan teknologi hanyalah 32% berbanding dengan sains pengurusan 55% dan sains kemasyarakatan 13%.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan objektif Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan 60% graduan dalam bidang

sains dan teknologi, saya ingin bertanya pihak Kementerian Pendidikan, apakah langkah-langkah yang telah diambil dan bilakah matlamat 60% ini dijangka boleh dicapai?

Tuan Yang di-Pertua, ITM juga tidak ketinggalan dalam bidang penyelidikan. Ini terbukti di mana sepanjang tahun 1995 sebanyak 36 projek penyelidikan jangka pendek telah dilaksanakan menerusi Biro Penyelidikan dan Perundingan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM0.7 juta. Sementara sebanyak 96 projek perundingan dikendalikan dalam tahun yang sama yang melibatkan wang sebanyak RM7 juta. Tahniah saya ucapkan atas kejayaan ini. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik jika ITM melalui Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) menyalurkan segala hasil penyelidikan khususnya kepada usahawan bumiputera yang terlibat dalam IKS. Secara tidak langsung ini dapat membantu kerajaan mewujudkan lebih ramai masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB). Sehubungan dengan ini saya ingin mendapat kepastian dari Yang Berhormat Menteri, adakah hasil kajian ini disalurkan kepada usahawan bumiputera? Jika ya, berapa ramaikah bilangannya?

Tuan Yang di-Pertua, memberi kuasa kepada ITM untuk menganugerahkan ijazah sarjana muda, sarjana dan Ph.D peluang yang luas dapat diberikan kepada lepasan lulusan ITM untuk terus melanjutkan pelajaran di ITM sendiri tanpa pergi ke luar negara, sebagaimana sekarang ini. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengurangkan penghantaran penuntut keluar negara, malah kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Ini juga dapat menyelamatkan pengaliran keluar wang negara yang bernilai berbilion-bilion ringgit setahun.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai

penggunaan kemudahan di kampus-kampus cawangan ITM. Pada masa ini ITM mempunyai 10 buah kampus cawangan di seluruh negara. Belanja untuk membina kampus-kampus ini melibatkan satu jumlah yang besar.

Menurut Laporan Tahunan 1992, ITM ada beberapa cawangan dan mempunyai penuntut separuh masa yang kurang dari 100 orang. Saya berpendapat adalah agak merugikan jika segala kemudahan ini tidak digunakan sepenuhnya. Justeru itu, saya ingin mencadangkan di samping memperbesar Program Jarak Jauh, pihak ITM juga seharusnya mengekal dan memberikan peluang seluas-luasnya khusus kepada penduduk tempatan supaya mereka juga dapat manfaat dari penempatan cawangan ITM yang kebanyakannya ditempatkan sama ada di pekan kecil atau di luar bandar seperti di Jengka, Pahang, dengan mengikuti kelas sebelah malam.

Dari segi kursus yang ditawarkan, saya ingin mencadangkan supaya fokus diberikan kepada kursus di peringkat sijil. Contohnya peperiksaan LCCI, supaya ITM dapat membantu mewujudkan lebih ramai golongan pekerja bumiputera di peringkat technician seperti book keepers, accounts clerk yang sangat-sangat diperlukan oleh perniagaan kecil di luar bandar.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kebajikan kakitangan ITM khususnya kakitangan akademik. Dengan pembaharuan struktur ini, maka beban kerja akan bertambah dan dengan itu adalah wajar pendapatan kakitangan akademik diselaraskan dengan institusi-institusi lain, seumpamanya di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ITM yang merupakan pioneer dalam mewujudkan program berkembar

sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju sebentar tadi, di peringkat MBA dengan universiti-universiti luar negara. Ramai penuntut yang mengikuti program ini telah mendapat kejayaan cemerlang. Sebagai contoh bagi tahun 1995 seramai 47 orang graduan program ITM-Ohio menerima ijazah MBA, jumlah ini bersamaan 30% dari jumlah graduan MBA dari seluruh IPT kerajaan dan ia juga merupakan 50% daripada bilangan graduan bumiputera. Itulah dia ITM, yang tidak berhenti-henti mencurahkan baktinya bukan sahaja untuk menambahkan bilangan profesional bumiputera, tetapi turut menyahut seruan kerajaan untuk menyediakan tenaga mahir.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ada cadangan dari beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi bahawa bilangan kampus cawangan ITM haruslah ditambah. Seperti Yang Berhormat dari Yan, saya juga ingin menyampaikan hasrat orang-orang kampung saya, yang mahu melihat diwujudkan sebuah institusi pendidikan tinggi di kawasan saya. Dengan itu, saya memohon, kalau boleh Kementerian Pendidikan dapat mengadakan atau menempatkan sebuah kampus cawangan (branch campus) ITM di Mersing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

5.40 ptg.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan sahaja telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan)

1996 tetapi secara menyeluruh telah memberi sokongan yang padu kepada usaha kerajaan untuk meninggikan taraf dan martabat ITM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang terkemuka.

Saya juga berasa amat kagum melihat kepada semangat Ahli-ahli Yang Berhormat yang tergolong dalam golongan bekas-bekas pelajar ITM yang telah mempelopori pergerakan dalam awal tahun 70-an dan akhir tahun 60-an di mana suasana di masa itu agak berbeza dengan suasana hari ini, mereka telah mendewasa dalam suasana, semangat kebangsaan yang berkobar-kobar dengan memperlihatkan hati seorang pemuda yang kadangkala membara, panas, tetapi apabila mereka telah melalui proses pendidikan di ITM dan memasuki bidang kerjaya masing-masing sama ada dalam bidang korporat mahupun dalam bidang separuh korporat, separuh politik, maka jelas sekali bahawa mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar ITM yang berketrampilan dan berkebolehan untuk maju jaya.

Ini adalah salah satu daripada bukti kejayaan ITM yang sama-sama boleh kita banggakan. Dan saya amat berharap bahawa Persatuan Bekas Pelajar ITM (Alumni) ITM akan dapat disuburkan lagi kepimpinannya melalui penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdiri daripada golongan bekas pelajar, diharap akan memberi nafas baru kepada Pergerakan Alumni ITM untuk menjalankan usaha-usaha untuk membantu generasi yang terkemudian untuk mereka juga mendapat peluang yang sama baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang merupakan seorang bekas penuntut ITM yang telah menyingkap kembali, menghimbau kembali peristiwa-peristiwa nostalgianya waktu dia seorang pelajar di ITM dahulu menyarankan supaya konsep asal ITM tidak dipinda ataupun

diubah dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga telah turut menyarankan saranan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengesahkan di sini bahawa walaupun ITM akan diberi kebenaran untuk menganugerahkan ijazah Sarjana Muda sampailah ke peringkat Doktor Falsafah. Kerajaan akan menetapkan sebagai satu dasar bahawa sebahagian besar daripada bilangan pelajar ITM masa kini dan akan datang akan terus merupakan golongan pada peringkat separa profesional ataupun subprofesional dan kumpulan profesional. Jadi, program konsep asal ITM itu tidak berubah.

Saya suka juga memberi jaminan atas saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa golongan bumiputera dari kawasan luar bandar, golongan bumiputera yang berpendapatan rendah akan terus diutamakan oleh ITM. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi jaminan walaupun saya ambil kira ada juga saranan seperti yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya suka menyatakan bahawa ITM akan tetap kekal sebagai sebuah institusi untuk golongan bumiputera. *(Tepuk)*

Ini adalah kerana agenda untuk mengimbangi dari segi penyertaan bumiputera masih belum selesai, 'perjuangan yang masih belum selesai' kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini tidak bererti bahawa peluang untuk bukan bumiputera tersekat, malah dalam banyak aspek, kaum bukan bumiputera sudah mendahului kaum bumiputera umpamanya dari segi institusi pendidikan tinggi swasta di dalam negeri dan juga di luar negeri.

Jadi, ITMlah merupakan satu-satunya institusi yang dapat mengimbangi keadaan dan sebab itulah kita perlu mengekalkan

status ITM, peranan ITM dan hakikat bahawa pengharapan bumiputera ialah kepada ITM.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong juga telah mengharapkan supaya bidang penyelidikan diberi fokus yang baru supaya melihat kepada bagaimana ITM boleh membuat kajian khususnya dalam bidang-bidang strategik untuk memberi pengarah dan panduan kepada golongan bumiputera untuk menyertai bidang-bidang yang penting dan bidang-bidang yang ada masa depan yang lebih menyerlah lagi.

Ini adalah juga selari dengan hasrat kita untuk menggalakkan bidang penyelidikan dan bidang perundingan yakni satu bidang yang amat penting kalau sekiranya kita hendak mengarah ke arah sebuah institusi pendidikan yang cemerlang. Kita tidak dapat mengurangkan pembabitan sesebuah IPT dalam bidang penyelidikan dan perundingan kerana inilah satu daripada kegiatan yang boleh dianggap sebagai asas kepada pembentukan suasana, budaya, akademik yang cemerlang.

Oleh itu, pada masa-masa yang akan datang, peranan ITM dalam bidang penyelidikan dan perundingan akan ditingkatkan lagi.

Soal yuran juga telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun juga memberi pandangan yang sama supaya dalam zaman pengkorporatan nanti, yuran tidak dinaikkan sehingga menjejaskan peluang pendidikan untuk golongan bumiputera, terutama sekali dari kawasan luar bandar.

Saya telah menyatakan di dalam ucapan saya dan saya mengesahkan sekali lagi bahawa yuran ITM akan dipertahankan pada kadar yang paling minimum. Kalau

hendak ada review pun, kita boleh mengambil saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian supaya mereka yang berpendapatan tinggi, misalnya, anak-anak golongan korporat, anak-anak golongan usahawan yang sah dan nyata dari golongan yang mampu, kalau sekiranya hendak dikenakan yuran yang lebih tinggi, berasaskan kepada kemampuan mereka, maka inilah satu-satunya perkara yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan untuk masa-masa yang akan datang. Tetapi mereka yang datang dari kawasan luar bandar, dari kawasan Yan, Mersing dan dari kawasan-kawasan lain, ini tetap kita kenakan yuran yang paling minimum. Ini jaminan yang boleh saya berikan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang rasional kenapa kita membuat pindaan kepada Akta ini membolehkan ITM menganugerahkan ijazah sarjana muda sampailah ke peringkat doktor falsafah, satu persoalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sebenarnya perkara ini sudah merupakan, dengan izin, consequential kepada pengiktirafan yang telah dibuat oleh kerajaan selama ini kepada diploma lanjutan yang sudah pun dikira sama tarafnya dengan ijazah sarjana muda dengan kepujian. Jadi, kalau sudah diiktiraf oleh kerajaan, mengapa kita tidak panggil dan kita tidak gelarkan diploma lanjutan sebagai ijazah sarjana muda. Ini satu yang tidak logik.

Sebenarnya kalau difikirkan, bahawa pada hakikatnya, kalau hendak masuk kerja dalam kerajaan sudah boleh menyandang jawatan yang sama tinggi dengan mereka yang memperolehi ijazah sarjana muda daripada IPT Awam dalam dan luar negeri, jadi berdasarkan kepada hakikat inilah, maka pindaan ini dibuat. Lagi pun tidak ada maknanya mengapa kita harus membiarkan pelajar-pelajar ITM tidak mendapat layanan yang

setimpal, kerana ada juga stigma yang timbul di sektor swasta di mana mereka yang memperolehi diploma lanjutan tidak dianggap ataupun tidak dilihat sebagai sama taraf dengan sarjana muda. Jadi, dengan adanya pindaan seperti ini, maka mereka akan mendapat pertimbangan yang adil dan saksama.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mempertikaikan pindaan untuk memberi kuasa kepada ITM untuk memberi ijazah universiti, sebenarnya saya pun ada cadangan, oleh kerana itu ITM patut dijadikan sebagai sebuah universiti sepenuhnya. Apa yang saya utarakan, soalan saya ialah mengenai retrospective effect, di mana di bawah pindaan ini, mereka yang ada diploma atau diploma lanjutan dianggap atau disamakan atau diberi kedudukan status sebagai ijazah, sama ada selain dari kumpulan-kumpulan diploma dan diploma lanjutan yang sekarang adalah diakui dan dianggap sama rata dengan ijazah-ijazah daripada kumpulan ini, bukankah sebenarnya mengikut pindaan ini, ITM dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pun boleh memberi status ini kepada kumpulan-kumpulan diploma dan diploma lanjutan yang lain?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, pertama Ahli Yang Berhormat bertanya rasionalnya, jadi, saya terangkan rasionalnya. Yang dipertikaikan ialah kewajaran dibuat secara retrospektif. Saya belum jawab di peringkat yang kedua itu, saya memberi penjelasan pada perkara yang dibangkitkan iaitu apa rasional kita memberi kuasa kepada ITM menganugerahkan ijazah sarjana muda dan doktor falsafah.

Tentang pertikaian kewajaran di buat secara retrospektif, saya tidak fikir bahawa

ini menjejaskan imej ITM kerana yang menentukan pengiktirafanannya ialah kerajaan melalui sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengiktirafan Kerajaan dan jawatankuasa ini mempunyai wakil-wakil daripada badan-badan ikhtisas yang duduk bersama berbincang untuk menilai sesuatu kursus yang ditawarkan oleh mana-mana IPT dalam dan luar negara untuk menentukan pengiktirafan ijazah ataupun kursus mereka itu untuk diletakkan pada taraf yang sesuai.

Jadi, sudah sekian lama jawatankuasa ini memutuskan bahawa dari segi isi kandungan kurikulum yang disediakan oleh ITM, diploma lanjutan memang setaraf dengan ijazah sarjana muda. Jadi, pengiktirafan yang dibuat oleh sebuah jawatankuasa yang disokong oleh kementerian-kementerian yang lain, yang disokong oleh badan-badan profesional di dalam negara kita. Jadi, tidaklah timbul persoalan. Jadi, kalau sudah diiktiraf selama ini, mengapa dan kenapa kita tidak boleh buat secara retrospektif? Jadi, yang kita hendak lakukan ialah pembetulan—sesuatu yang tidak adil hendak dibetulkan, bukan sebaliknya. Jadi, sebab itulah kita membuat pindaan yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal kualiti—pendidikan yang berkualiti, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menyentuh perkara ini, sukacita saya maklumkan bahawa ITM telah menubuhkan Pusat Pendidikan Kualiti Menyeluruh (Centre For Total Quality Education) semenjak tahun 1994 lagi dan memanglah hasrat ITM untuk menjurus ke arah penguasaan kualiti sebagai suatu nilai dan sebagai satu budaya yang penting dan perkara ini sebenarnya ada kaitan juga dengan usaha kerajaan untuk menubuhkan sebuah badan yang bebas, badan yang ada kewibawaannya iaitu Lembaga Akreditasi Negara (LAN). LAN akan merupakan badan kawal selia, akan

memantau perjalanan semua IPT Awam dan juga Swasta. Mungkin pada peringkat mulanya dengan swasta tetapi kemudian akan termasuk juga IPT Awam. Jadi, LAN akan menentukan kualiti ITM, yang akan kita pastikan setaraf dengan pengiktirafan yang sewajarnya diberikan kepada ITM.

Kita juga akan menggalakkan ITM dibuka kepada badan-badan dari luar negara. Kalau ada pihak hendak buat penilaian, saya kira itu adalah amat baik dan kita akan galakkan, kita akan mengamalkan pintu terbuka supaya ITM mendapat penilaian yang secara objektif, yang ada kebebasan dan ada pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Jadi, kita memang menggalakkan perkara ini dan kita harap bahawa dengan adanya usaha-usaha seperti ini bermakna kualiti adalah satu aspek yang kita tidak akan berkompromi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada akta ini juga akan membolehkan ITM untuk menawarkan skim gaji yang lebih baik kepada pensyarah-pensyarah kita. Adalah menjadi kebimbangan kita kalau ITM tidak dapat menyediakan skim gaji yang lebih lumayan, kita tidak akan dapat berjaya untuk menentukan pensyarah-pensyarah yang berwibawa yang akan menjadi pensyarah di ITM. Ini adalah satu daripada prasyarat ke arah pengwujudan sebuah institusi pendidikan tinggi yang cemerlang. Maknanya kalau kita ada pensyarah yang cemerlang dari segi pengetahuan mereka, dan minda mereka antara yang terbaik, maka kita akan dapat kelulusan antara yang terbaik kerana mereka akan dididik, diajar oleh mereka yang mempunyai pengetahuan dan kebolehan yang tinggi. Sebab itu kita perlulah mengkorporatkan ITM dalam sedikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian bertanya apa telah jadi kepada cadangan kerajaan untuk meng-

korporatkan universiti-universiti awam. Perkara ini sebenarnya dalam peringkat kajian secara menyeluruh. Sebab bila kita hendak mengkorporatkan sesebuah IPT awam, kita kena melihat dari segi keseluruhannya, dari segi aspek kos pembangunannya, dari segi kos operasinya, dari segi skim gajinya, dari segi pendapatan revenue, dari segi perbelanjaan dan sebagainya. Sebab perkara ini buat kali pertama kita buat dan tidak ada model mana-mana negara di dunia, maka kita terpaksa memakan sedikit masa lagi supaya apabila kita melaksanakan pengkorporatan nanti, pengkorporatan universiti akan berjaya sepenuhnya dan bukan sebaliknya. Sebab itulah biarlah kita lambatkan sedikit, asalkan bila kita laksanakan nanti, konsep pengkorporatan mendapat sokongan yang menyeluruh dan berjaya untuk tujuan-tujuan pengkorporatan dilaksanakan.

Kita juga mengambil kira pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Yan juga menyatakan antaranya supaya masalah MARA yang agak berat sekarang ini, tidak wajar bagi saya hendak memberi ulasan tentang kedudukan MARA, tetapi saya hendak menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan sedang membantu untuk melegakan keadaan ini dengan beberapa cara. Yang pertama, ini juga bersangkut dengan saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang supaya lulusan diploma dari ITM mendapat pengiktirafan daripada IPT-IPT awam. Sukacita saya memaklumkan dalam Dewan ini bahawa satu mesyuarat khas telah diadakan dan semua IPT awam di Malaysia telah bersetuju untuk memberi pengecualian kepada lulusan diploma ITM masuk ke IPT awam. (*Tepuk*) Mereka kemungkinan akan dapat pengecualian dua semesta, hampir setahun. Jadi, kalau sekarang kita sudah kurangkan tempoh pengajian kepada 3 tahun, jadi mereka yang lulus diploma ITM boleh terus masuk tahun kedua. Ini adalah satu langkah baru yang sudah diputuskan. Mudah-mudahan

dengan adanya keadaan ini, akan memberi kelegaan yang lebih kepada pelajar-pelajar ITM.

Seperkara lagi ialah bahawa kita dalam peringkat akhir untuk membentuk sebuah Tabung Pendidikan Nasional. Kita sedang mengkaji segala keperluan termasuk dari segi kesan kepada peminjam, sama ada kita hendak kenakan kadar faedah berapa banyak, tempoh bayaran berapa, berapa tahun, berapa banyak, sama ada hendak didasarkan kepada pendapatan dan sama ada kita hendak beri secara automatik ataupun kita hendak khaskan untuk pelajar dari golongan miskin ataupun tidak, dan akhirnya jumlah dana yang diperlukan. Dana yang diperlukan agak besar. Perkara ini dalam peringkat pertimbangan kerajaan, dan diharap tidak berapa lama lagi kita boleh umumkan, dan kita boleh lancarkan Tabung Pendidikan Nasional.

Dengan adanya Tabung Pendidikan Nasional ini, saya yakinlah bahawa apa kerisauan, kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat, takut orang-orang kuat kita dari kawasan kita tak dapat tempat, mendesak Ahli Yang Berhormat, hingga surat Ahli Yang Berhormat pun tak laku, tak dipandang, insya-Allah, tidak akan terjadi dengan adanya Tabung Pendidikan Nasional. Kita harap inilah yang dapat kita usahakan.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Larut bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Tabung Pendidikan Nasional itu. Tetapi sukacita saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, tabung ini satunya tabung negara dan di bawah tabung negara itu ada 'Tabung Segera', kerana banyak yang hendak masuk

universiti pergi minta duit kepada wakil rakyat. (*Ketawa*)

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kita akan menentukan penyampaiannya dengan secara berkesan, pengagihan secara berkesan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, secara khusus Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah bangkit tentang keperluan pembangunan dalam konteks negeri Sarawak, dan wajar juga saya beri sedikit ulasan, sebab tengok pada televisyen tiap-tiap malam pun ada gambar-gambar Sarawak semakin banyak. Saya suka menyatakan bahawa dari segi pembangunan ITM di Sarawak, kita akan menyesuaikan penyediaan khusus dengan keperluan pembangunan untuk negeri Sarawak. Umpamanya dalam bidang-bidang yang dianggap penting, bidang pelancongan, bidang perhutanan, bidang oil and gas, bidang pembuatan dan sebagainya yang difikirkan penting kita akan laksanakan kursus-kursus yang sesuai. Kita juga cadangan untuk memulakan dalam jangka masa yang terdekat dua diploma yang baru pada tahun hadapan, iaitu 'Diploma In Planting Industry Management' dan 'Diploma in Electrical Engineering'. Insya-Allah, banyak lagi kursus baru akan kita perkenalkan untuk cawangan ITM di Sarawak.

Ada juga Ahli Yang Berhormat menyentuh soal bahasa. Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, Ahli Yang Berhormat dari Mersing telah menyentuh perkara ini. Saya hendak jelaskan bahawa dari segi dasarnya penyampaian kursus di ITM memang dalam bahasa utama, Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia. Ini akan kita kekalkan. Tetapi kebolehan untuk berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, terutamanya bahasa Inggeris kita akan beri galakan yang sewajarnya, akan ditingkatkan sebenarnya penguasaan dalam bahasa Inggeris. Tetapi tidak sampai

menjejaskan ataupun meremehkan kedudukan Bahasa Malaysia kita, tetap diutamakan. Ini adalah merupakan dasar dan secara praktiknya kita minta pihak ITM menterjemahkan dalam bentuk pendekatan-pendekatan yang sesuai. Malah dalam hal ini kursus pengukuhan bahasa Inggeris pun kita buat sebelum mereka memulakan kursus di ITM. Ini telah menunjukkan kesan yang amat baik.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah memberi pandangannya bahawa harus ditingkatkan lagi kegiatan pelajar yang dikatakan agak lesu. Sebenarnya kegiatan pelajar memang berjalan dengan rancak di ITM. Banyak kegiatan masyarakat luar, seminar, khidmat masyarakat, interaksi dengan industri dan sebagainya memang kita jalankan. Tetapi saya berpendapat memang ada ruang untuk ditingkatkan lagi dalam perkara ini, dan kita menerima baik saranan Ahli Yang Berhormat itu. Kita juga menggalakkan percambahan pendapat dalam keadaan yang terkawal. Jadi, apabila kita melaksanakan usaha-usaha penyelidikan, perundingan dan sebagainya, memanglah kegiatan-kegiatan percambahan pendapat-pendapat yang berbeza bertentangan memang sesuatu yang kita galakkan, tetapi dalam suasana yang terkawal. Saya memang melihat kepada perkara ini secara positif. Bukanlah kita hendak mengongkong pendapat-pendapat yang berbeza, asalkan pendapat itu dicetuskan dengan niat yang baik untuk tujuan kecemerlangan pendidikan ataupun 'academic excellence'.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyertaan golongan akademik di dalam Senat dan juga di dalam Lembaga Pengarah, sukacita saya nyatakan bahawa memang peruntukannya sudah pun mencukupi untuk menentukan bahawa penyertaan golongan akademik di dalam membuat keputusan pada peringkat Senat dan sebagainya memang sudah kita tumpukan. Dari segi penyertaan Rektor iaitu nama baru Pengarah ITM dalam

Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN), perkara ini kita buat atas dasar permuafakatan. Jadi, tiga orang wakil Naib-naib Canselor dan Rektor akan dipilih antara mereka dan saya menyerahkan perkara ini kepada pihak universiti sendiri menentukan sesama mereka siapa yang sepatutnya jadi wakil mereka dari masa ke semasa. Boleh dibuat secara bergilir dan ini akan membolehkan pihak ITM dan juga universiti lain menyertai di dalam Majlis Pendidikan Tinggi Negara. Di samping itu juga, Naib-naib Canselor dan Rektor memang ada perjumpaan masing-masing. Jadi sebelum mereka hadir dalam mesyuarat MPTN, mereka ada mesyuarat masing-masing dan segala pendapat mereka boleh disalurkan kepada pihak MPTN dan juga kepada pihak Menteri Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah telah membuat satu teguran iaitu secara khusus tentang seksyen 23E, dikatakan kuasa menteri dan kuasa rektor dalam menggantung atau membubarkan JPP atau mana-mana badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 23D adalah terlalu luas dan mungkin menjejaskan prinsip, dengan izin, natural justice. Sukacita saya memberi penjelasan bahawa walaupun bunyinya agak keras sedikit tetapi dari segi pelaksanaan, kita memang mengikut kaedah prinsip natural justice. Maknanya, sebelum sesuatu tindakan dibuat kita memang memberi peluang untuk mereka menjelaskan sesuatu. Maknanya, kita akan hantar show cause dan kita akan timbang dan kalau keputusan dijatuhkan, ada juga tempoh rayuan akan dibuat. Jadi, prinsip natural justice dari segi amalan memang tidak pernah kita tinggalkan dan saya boleh beri jaminan dalam Dewan ini bahawa prinsip ini akan terus kita amalkan dan selama ini pun tidak ada pihak yang hendak menyaman Menteri Pendidikan, belum ada lagilah setakat ini dan mudah-mudahan tidak ada. Sebab kita memang patuh dan kita amat prihatin dan kita amat cakna kepada prinsip natural justice.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, apakah jaminan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa kerajaan atau mereka yang berkuasa akan mematuhi prinsip rules of natural justice dan akan memberi hak 'the right to be heard' dan tidak akan ambil apa-apa tindakan tanpa memberi ruang kepada mereka yang terlibat untuk memberi penjelasan atau show cause kepada perkataan berkenaan "tanpa memberikan apa-apa sebab" tidak boleh ditinggalkan supaya bukan sahaja jaminan itu boleh diterjemah dalam akta ini tetapi sebagai satu usaha untuk memupuk satu budaya akauntabiliti, satu budaya yang lebih terbuka dalam kampus, universiti dan institusi-institusi pendidikan tinggi.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peruntukan yang sama digunakan untuk semua IPT awam —pada masa ini. Jadi, kalau kita hendak pinda untuk ini sahaja, kita akan terpaksa meminda yang lain. Tetapi perkara ini kita ambil perhatian apabila sudah sampai masanya ada penilaian semula, insya-Allah kita akan ambil perhatian apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah dan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Walau bagaimanapun, dalam sementara itu, dari segi perjalanannya kita tetap patuh kepada principle of natural justice.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju telah...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Menteri...

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta hendak bawa usul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN
URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN
MESYUARAT**

6.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1), majlis pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan kesemua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu majlis akan ditangguhkan pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengemukakan masalah bagi diputuskan.

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai kesemua urusan kerajaan dan selepas itu majlis akan ditangguhkan pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan

ditangguhkan sehingga telah selesai kesemua urusan kerajaan dan selepas itu majlis akan ditangguhkan pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI
MARA (PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju telah memberi satu pandangan yang amat bernas iaitu dari segi pendekatan dalam menentukan kurikulum di ITM dan di IPT awam seharusnya lebih menumpu kepada kaedah amali ataupun pendekatan learning by doing ataupun lebih hands on. Ini sememangnya sudah kita ambil kira, lebih-lebih lagi dalam konteks ITM sebab corak kurikulum ITM lebih berorientasikan kepada amali dan ini juga kita lihat adalah satu pendekatan yang sesuai dari segi golongan bumiputera sebab kalaulah dari segi teorinya agak lemah tetapi mereka boleh berjaya lebih cemerlang lagi kalau sekiranya kurikulum itu lebih berorientasikan pendekatan yang lebih praktikal. Jadi, kita memang ambil kira dan pada masa akan datang juga, corak kurikulum kita akan berorientasikan pendekatan yang praktikal.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing bertanya bila kita hendak mencapai 60%:40%, yakni 60% dalam bidang sains dan teknikal, 40% dalam bidang sastera. Mengikut perancangan kita untuk semua IPT awam, kita jangka menjelang tahun 2010, tetapi saya cuba hendak mempercepatkan sedikit, kalau boleh dalam masa yang terdekat, tetapi masalahnya bukanlah

hendak menentukan sasaran sahaja, tetapi masalahnya yakni dari sekolah menengah. Kalau sekiranya bilangan yang memilih sains tulen sebagai elektif di peringkat sekolah menengah tidak dipertingkatkan, maka kita tidak akan dapat bilangan yang secukupnya. Jadi, itu adalah merupakan satu kritikal faktor dalam menentukan pencapaian 60% ini. Walau bagaimanapun, selewat-lewatnya pada tahun 2010, tetapi saya berharap boleh dicapai lebih awal lagi.

Dari segi perkembangan ITM, sukacita saya maklumkan bahawa mengikut perancangan, kita harap ITM akan dapat menerima 100,000 pelajar menjelang tahun 2000 termasuk 30% Pendidikan Jarak Jauh. Inilah mengikut perancangan ITM. Jadi, ITM sudah diberi arahan supaya berkembang secepat mungkin dan menambahkan bilangannya sebanyak mungkin. Ini adalah satu ketetapan yang saya telah buat dan saya telah berikan kepada ITM, dengan ini kita berharap bahawa ITM akan merupakan institusi yang benar-benar dapat memainkan peranan yang penting dalam konteks pembangunan negara dan juga dalam usaha kita untuk mengintegrasikan kaum bumiputera di dalam arus pembangunan perdana negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada Menteri Pendidikan, oleh kerana pada bulan Oktober ini ITM akan merayakan hari jadi yang ke-40 sempena konvokesyen pada tahun ini. Adakah menjadi terlalu keberatan sekiranya akta ini boleh

digazetkan sebelum bulan Oktober dan dijadikan satu hadiah kepada sambutan 40 ITM?

Yang keduanya, saya sekadar untuk meluruskan rekod, to straighten the record, bahawa Yang Berhormat dari Mersing juga adalah lulusan ITM dalam bidang accountancy.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya akan cuba, tetapi saya minta kerjasama Jabatan Peguam Negara, sebab selepas ini peranan Menteri Pendidikan sudah habis. Dia kena serah kepada Jabatan Peguam Negara untuk membuat proses yang mengikut perundangan sehinggalah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan digazet. Jadi, kalau pihak Peguam Negara boleh lakukan, saya memang suka sangatlah memberi hadiah istimewa kepada ITM pada bulan Oktober ini sempena hari jadinya ke-40 tahun.
(*Tepuk*)

Saya hendak memberitahu dan nasihat kepada Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa pindaan kepada Akta ITM sudah lama ditunggu-tunggu oleh pihak ITM. Pensyarah-pensyarah ITM berdoa sepanjang masa supaya rang undang-undang ini dapat dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen. Jadi, alhamdulillah pada hari ini kita melakukan satu peristiwa yang bersejarah, satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan, satu peristiwa yang membuka satu lembaran sejarah baru. Saya yakin, ini akan memberi satu suntikan yang merupakan satu rangsangan yang amat kuat untuk semua lapisan pensyarah dalam pentadbiran ITM bekerja keras untuk menjayakan impian kita, wawasan kita untuk menjadikan ITM sebuah institusi bertaraf dunia, hebat namanya. Walaupun tidak dipanggil universiti tetapi apalah pada nama, asalkan pada hakikat ianya tetap unggul dan tetap cemerlang. Inilah harapan.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya sudah kira hendak.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah habis?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Hendak tutup, sudah habis....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah habis?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tetapi tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sempat lagikah Yang Berhormat dari Balik Pulau, sempatkah hendak soal ini?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tidak sempat atau sudah habis?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sudah habis. (Ketawa)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini, maka tamatlah sesi persidangan Parlimen pada kali ini.

Saya bagi pihak diri saya dan juga rakan-rakan sejawat saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian atas kerjasama yang telah diberikan kepada kami dalam perjalanan persidangan sesi ini. Dengan ini Majlis Mesyuarat ditangguhkan kepada satu tarikh yang belum ditetapkan. (Tepuk)

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.